

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3	Rabu	9 Mac 2011
---------------	-------------	-------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong – *Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah (Jasin)* (Halaman 33)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 9 Mac 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ismail Kasim [Arau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik jenayah berat bagi lima tahun kebelakangan ini mengikut negeri dan apakah punca ia bertambah atau berkurangan, apakah perancangan kerajaan dalam mencapai matlamat pengurangan jenayah 20 peratus setiap tahun bagi memenuhi NKRA kementerian.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Puchong bertarikh 16 Mac 2011, pertanyaan oleh Yang Berhormat Telok Intan bertarikh 17 Mac 2011 dan pertanyaan Yang Berhormat Hulu Langat bertarikh 31 Mac 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jenayah berat ditakrifkan sebagai mana-mana jenayah yang boleh dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan kes-kes lain yang menarik perhatian yang melibatkan nyawa dan harta benda. Kategorinya adalah seperti bunuh, samun bersenjata api, penyeludupan senjata api, culik dan lain-lain kes yang menarik perhatian yang melibatkan nyawa dan harta benda. Secara keseluruhannya, bagi statistik jenayah berat sepanjang tempoh lima tahun adalah seperti berikut;

TAHUN	BIL. KES
2006	1,405 kes
2007	1,321 kes (bersamaan penurunan 6% berbanding tahun 2006)
2008	1,264 kes (bersamaan penurunan 4% berbanding tahun 2007)
2009	1,096 kes (bersamaan penurunan 13% berbanding tahun 2008)
2010	912 kes (bersamaan penurunan 17% berbanding tahun 2009)

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, dapat dilihat bahawa terdapat penurunan jumlah jenayah berat iaitu daripada 6% pada tahun 2007 kepada 17% pada tahun 2010. Kejayaan PDRM menurunkan jumlah jenayah berat tersebut dicapai menerusi operasi-operasi yang dijalankan terhadap kumpulan-kumpulan penjenayah yang menghasilkan mereka dihadapkan ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pengurangan jenayah di bawah inisiatif NKRA, di antara strategi dan inisiatif yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah ini:

- (i) Program Pengawaman Polis yang membolehkan 7,402 orang anggota polis beruniform yang selama ini menjalankan tugas pentadbiran di balai untuk melaksanakan tugas-tugas kepolisan digantikan dengan 4,279 orang awam tanpa melibatkan pertambahan kos. Penugasan 14,222 orang pegawai polis, 1,724 orang anggota PGA dan 1,215 polis bantuan serta sukarelawan simpanan polis (PVR) yang melibatkan jumlah 3,663 anggota RELA dan 1,292 orang anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dengan purata seramai 290 orang sehari di kawasan-kawasan panas yang telah ditetapkan.
- (ii) Pelaksanaan kepolisan berprofil tinggi (*high profile policing*) dengan izin melakukan purata lawatan sebanyak 8,000 ke 9,000 lawatan seminggu, penempatan 90 unit balai polis bergerak di

seluruh negara dan 812 buah motosikal tambahan untuk rondaan anggota polis di kawasan-kawasan panas.

- (iii) Menambah kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan panas, memasang 496 CCTV tambahan, melibatkan penglibatan 4,708 Rukun Tetangga, 2,030 skim rondaan sukarelawan serta penglibatan seramai 394,260 ahli Rakan COP di seluruh negara.
- (iv) Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan mengadakan kerjasama strategik dengan pihak lain antaranya seperti Angkatan Tentera Malaysia yang telah dilaksanakan bagi menangani jenayah seperti penggunaan kem-kem tentera untuk melatih dan merekrut anggota polis, mengadakan rondaan-rondaan secara bersama dan menyerap bekas personel tentera dalam perkhidmatan polis.
- (v) Penempatan semula anggota PGA seramai 8,140 yang sebelum ini bertugas di sempadan Semenanjung Malaysia ke empat negeri kawasan-kawasan panas mengikut giliran iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang dan akhir sekali;
- (vi) Untuk mewujudkan gelombang kehadiran polis dengan izin *omnipresent* di jalanan bagi memastikan kehadiran seramai mungkin anggota keselamatan yang terdiri daripada anggota polis, RELA dan JPAM di kawasan-kawasan panas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini supaya dapat sentiasa bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini agar sentiasa terpelihara. Terima kasih.

■1010

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat saya sebenarnya mengagumi kesungguhan dan *team* yang ada dalam KDN untuk menunjukkan langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan dalam menangani masalah jenayah dan sekali gus mewujudkan soal keselamatan yang lebih terjamin di negara kita. Ini kerana keselamatan ini merupakan elemen yang penting dalam memastikan kehadiran pelabur asing ke negara kita dan merupakan kriteria utama penilaian mereka terhadap negara kita.

Namun begitu walaupun pelbagai *research* telah dibuat seperti TNS Research International dan sebagainya yang telah menunjukkan kadar penurunan yang agak ketara. Akan tetapi terdapat sedikit sekumpulan tertentu yang masih membuat persepsi berhubung dengan soal keselamatan di negara kita dan rasa kurang selamat mereka dengan kadar yang berlaku. Walaupun data-data yang menunjukkan kesungguhan langkah-langkah yang dibuat oleh polis dan agensi yang terbabit dalam KDN berterusan dibuat. Akan tetapi masih ada perasaan kurang selamat yang terdapat di dalam negara kita.

Apakah langkah yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menangani faktor persepsi ini? Ini kerana ini cukup penting untuk kita mewujudkan keadaan yang selesa di kalangan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Pertamanya saya hendak nyatakan di sini bahawa kejayaan menurunkan indeks tidak bermakna bahawa usaha kita akan kita hentikan. Ia merupakan hasil daripada sebahagian sahaja inisiatif-inisiatif yang telah pun kita kenal pasti dan tahun ini telah pun kita rintis dan akan umumkan serta akan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru supaya persepsi dan keyakinan orang ramai atau segelintir mereka di luar sana dapat diyakinkan sepenuhnya.

Kedua pada masa yang sama *research* daripada pihak antarabangsa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat TNS Research tadi merupakan satu badan antarabangsa yang bebas. Apa yang mereka lakukan ini berkisar kepada persepsi dan anggapan orang ramai dalam beberapa perkara. Petanda awal menunjukkan bahawa memang ada kejayaan tetapi kerajaan masih lagi belum berpuas hati. Untuk memastikan bahawa *research* yang dibuat secara bebas ini dapat mengenal pasti di mana dia *touch points*, di mana dia perkara-perkara yang boleh kita tambah nilai. Apa lagi yang boleh kita lakukan untuk membuktikan bahawa indeks yang telah pun menurun itu dapat diterjemahkan kepada penghayatan orang ramai dan persepsi orang ramai bahawa mereka akan selamat.

Ini akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya bahawa beberapa lagi inisiatif yang kita hendak umumkan tahun ini akan bantu kita menjawab dan juga menumpukan kebimbangan Yang Berhormat Arau tadi.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya setuju dengan apa yang disebut Yang Berhormat Arau tadi tentang isu persepsi perasaan kurang selamat ada

justifikasinya. Saya rujuk kepada laporan-laporan badan-badan bukan kerajaan dalam Malaysia yang menyatakan sejak tahun 2000 sebanyak 147 kes kematian di bawah tahanan polis dilaporkan. Termasuklah kenaikan 17 kali ganda sejak 2001 kematian yang disebabkan oleh pihak polis.

Maka pada saya bila disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendak wujudkan *how many percent* saya takut kita akan sampai ke tahap di Malaysia adalah menjadi negara polis. Saya katakan dalam alasan-alasan dalam tahanan yang mati dalam di bawah polis disebut alasan ulser, demam kuning, bunuh diri, serangan jantung untuk tahanan sekitar 30 tahun hingga 40 tahun. Langsung tidak - membangkitkan 1000 pertanyaan. Soalan susulan saya apakah perancangan kerajaan dalam memperbaiki prestasi buruk ini? Adakah kerajaan atau Yang Berhormat Menteri masih lagi berdegil untuk melaksanakan mewujudkan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*?

Kerana apa? Ini kerana walaupun disebut dahulu perancangan EAIC iaitu badan untuk menyiasat isu-isu ini termasuklah PDRM tidak memadai kerana kuasa EAIC yang sekarang senyap membisu. Terhad kepada menyiasat dan bukan mendakwa mereka yang bersalah. Mohon jawab. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan tadi tidak ada kaitan langsung dengan soalan asal.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat saya hendak bantu juga prestasi PDRM tidakkanlah tidak boleh langsung jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia jauh melenconglah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak melencong ada kaitannya prestasi. Kalau Yang Berhormat Arau sudah sebut tidakkan tidak boleh jawab.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, cara dia salah Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Cara dia salah. Soalan asal berkisar kepada isu kadar indeks yang menurun. Soalan tambahan berhubung kait dengan isu tahanan dan juga kononnya persepsi bahawa kita ini negara polis. Perkara-perkara ini tidak langsung ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau dalam jawapan asalnya. Akan tetapi hal-hal yang berhubung kait dengan tahanan, hal-hal yang berhubung kait dengan kajian yang diminta oleh Yang

Berhormat tadi banyak lagi soalan-soalan dalam sesi ini yang telah pun diketengahkan dan kita akan jawab. Akan tetapi bukan semasa soalan hari ini yang lari jauh daripada soalan asal.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Perlu belajar dahululah.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat sudah habis soalan satu itu. Mintalah kita ikut sedikit peraturan. Kita ini penggubal undang-undang dan dasar negara. Kalau kita sendiri yang tidak ikut dan dasar serta peraturan tidak ada banggallah kita jadi Ahli Yang Berhormat.

2. Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta Perdana Menteri menyatakan apakah fungsi unit *First Lady of Malaysia (FLOM)* di bawah Jabatan Perdana Menteri, jumlah kakitangan dan jumlah peruntukan untuk kos operasi unit tersebut bagi tahun 2011.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua saya mohon dengan izin untuk menjawab secara serentak soalan-soalan dari Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan Yang Berhormat Seputeh pada 9 Mac. Juga daripada Yang Berhormat Ampang pada 10 Mac dan 6 April, Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Titiwangsa 23 Mac, Pokok Sena 24 Mac, Yang Berhormat Bukit Gantang 30 Mac, Yang Berhormat Taiping 31 Mac dan Yang Berhormat Kota Raja pada 4 April. Berkaitan kewujudan pejabat isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikatakan melibatkan perbelanjaan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjelaskan bahawasanya soalan ini pernah dijawab oleh saya pada 25 November 2010. Di mana saya telah menyatakan bahawa tidak ada kakitangan tetap dan kontrak yang diperuntukkan khusus untuk isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebaliknya pegawai-pegawai daripada Pejabat Perdana Menteri dari semasa ke semasa telah membantu isteri Perdana Menteri dalam menjalankan tugas-tugas beliau selaku isteri kepada Perdana Menteri.

Oleh yang demikian tidak timbul elemen-elemen kos tambahan dan kakitangan yang menguruskan isteri Perdana Menteri kerana mereka adalah kakitangan kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun bagi memudahkan urusan kerja-kerja pentadbiran seperti surat-menyurat, jemputan rasmi dan membolehkan pihak awam berhubung dengan Pejabat Perdana Menteri mengenai penglibatan beliau untuk jemputan-jemputan dari dalam dan luar negara maka beberapa pegawai telah ditugaskan untuk membantu menguruskan hal-hal sedemikian.

Mengenai pertanyaan berkaitan laman sesawang ingin saya menjelaskan bahawa keseluruhan direktori Pejabat Perdana Menteri sedang diproses kemas kini. Proses ini dibuat bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri jawab kata tidak ada pegawai tetap untuk apa yang dikatakan sebagai unit *First Lady of Malaysia* ini (FLOM) *Division*. Akan tetapi dalam portal Perdana Menteri pernah dipaparkan *division* khas ini ataupun unit dikatakan *FLOM Division*. Terdapat enam jawatan tetap yang dipaparkan dalam portal rasmi Pejabat Perdana Menteri iaitu enam pegawai, seorang *Special Officer* Datuk Siti Azizah binti Sheikh Abod, lepas itu ada *Personal Assistant*, ada seorang *Assistant Officer with special function*, seorang *Personal Assistant*, *Assistant Officer with special function* dan dua jawatan untuk *Assistant Officer with special function*.

■1020

Kalau tidak ada jawatan tetap untuk unit tersebut, mengapakah dalam portal rasmi ada jawatan-jawatan yang tertera di dalam ini bersama-sama dengan nombor telefon pejabat. Kalau dikatakan tidak ada pegawai diperuntukkan untuk unit ini, mengapa ada jawatan ini tertera dalam portal rasmi.

Selepas itu, portal rasmi apabila didedahkan, dalam portal rasmi ini, sekarang maklumat ini sudah tidak ada. Apa penjelasan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Penjelasannya, saya sudah jawab tadi. Kalau dengar betul-betul, saya kata walau bagaimanapun bagi memudahkan urusan kerja-kerja pentadbiran seperti surat-menyurat, jemputan rasmi dan membolehkan pihak awam berhubung dengan pejabat Menteri, mengenai penglibatan beliau untuk jemputan-jemputan dari dalam, luar negara, maka beberapa pegawai telah ditugaskan untuk membantu menguruskan hal-hal sedemikian. Itulah pegawai pejabat Perdana Menteri sebenarnya.

Kemudian oleh sebab kekeliruan ini, soalan terakhir Yang Berhormat bertanya, saya jawab mengenai pertanyaan berkaitan laman sesawang. Ingin saya menjelaskan bahawa keseluruhan *directory* Pejabat Perdana Menteri sedang menjalani proses

kemas kini. Proses ini dibuat bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan. Kekeliruan ini yang kita hendak elakkan, jadi kita kemas kinilah.

3. Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung penyebaran ajaran atau fahaman syiah di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu pada 7 April 2011 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan dengan fahaman Syiah. Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, maka dalam menyusun kerukunan dan menjaga keharmonian serta sensitiviti beragama, kerajaan telah mengambil pendekatan berhemah melalui semangat dan roh Perlembagaan negara yang mana agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan agama-agama lain bebas mengamalkan ajaran mereka.

Namun begitu, bagi memastikan ajaran selain daripada Al-Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia tidak menjejaskan keselamatan negara, pihak kerajaan bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan penyebaran selain daripada Al-Sunnah Wal Jamaah daripada terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini.

Di samping yang sama, kerajaan negeri yang bertanggungjawab secara langsung dalam hal ehwal agama telah mengadakan usaha-usaha menjaga kesucian agama Al-Sunnah Wal Jamaah agar tidak tergugat. Antara usaha-usaha yang telah dan terus dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah:-

- (i) menyebarkan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang larangan penyebaran Syiah kepada masyarakat;
- (ii) sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat larangan ini menerusi media cetak dan elektronik;

- (iii) program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebar nya fahaman Syiah menerusi media-media secara berterusan;
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman selain Al-Sunnah Wal Jamaah dari tersebar dari masyarakat;
- (v) mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri yang telahewartakan kesalahan penyebaran ajaran Syiah.

Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kira penangkapan 200 pengikut Syiah pada Disember 2010 adalah satu usaha yang agak kecil kalau kita bandingkan dengan anggaran pengikut Syiah di dalam negara kita yang dianggarkan 40,000. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1989 memperuntukkan Syiah sebagai menyeleweng atau menyimpang dari ajaran Al-Sunnah Wal Jamaah. Begitu juga dengan Majlis Fatwa Kebangsaan seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, saya ingin mendapatkan penjelasan kepada kerajaan sama ada Syiah ini adalah satu mazhab dalam Islam atau adakah Syiah ini satu ajaran yang baru. Kedua, apakah tindakan kerajaan terhadap pemimpin Syiah di dalam negara ini termasuk kumpulan Hauzah Ar-Ridha yang telah beroperasi semenjak dua tahun yang lalu? Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Berkaitan dengan ajaran sebagaimana yang saya jelaskan awal sebentar tadi, untuk menjaga supaya tidak ada berlakunya sensitiviti agama dan begitu juga berlakunya hal-hal yang menyebabkan pertembungan, ketidaksenangan di antara penganut-penganut dan pengamal-pengamal, sebab itu di sana diletakkan beberapa peraturan terutamanya akta-akta kepada negeri-negeri yang telah pun ewartakan kebenaran untuk supaya tidak membenarkan ajaran-ajaran selain daripada pegangan Al-Sunnah Wal Jamaah dalam konteks Malaysia.

Jadi, maka sebab itu rentetan daripada itu, kita tidak mencegah atau pun melarang pengamalan kebebasan agama yang disebut pengamalan masing-masing tetapi ditegah penyebaran daripada ajaran tersebut kepada mereka yang telah pun mempunyai pegangan agama masing-masing khususnya dalam konteks Al-Sunnah Wal Jamaah.

Jadi, sebab itu secara kesimpulan saya dapat sebutkan Yang Berhormat Kuala Krau, bahawa ajaran agama yang diwartakan menyeleweng dan sebagainya ini tidak dibenarkan di sebarkan dalam konteks Malaysia dan sebab itu di negeri Selangor sudah ada tindakan. Walaupun mungkin barangkali dilihat satu usaha yang masih lagi kecil tetapi ianya adalah merupakan salah satu daripada pencegahan yang sudah termaktub dalam akta yang sudah pun diwartakan di negeri Selangor bagi menyekat penyelewengan ajaran Syiah ini. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan. Saya rasa itu penjelasan yang agak komprehensif menyentuh tentang penyebaran dan amalan sebab kita harus berhati-hati juga dalam mengambil sebarang tindakan kepada perbezaan mazhab ini kerana tidak semua mazhab Syiah itu sendiri dikategorikan sebagai sesat.

Bukan saya hendak membela mazhab Syiah tetapi tidak semua harus kita kategorikan sebagai sesat. Cuma, persoalannya adalah kenapa dalam konteks ini dikenakan tindakan ISA ke atas pengamal-pengamal sama ada yang telah ditahan atau pun yang mungkin akan ditahan? Adakah pihak kementerian sedar bahawa kalau mengikut laporan sebuah laman web yang menceritakan tentang Syiah di Malaysia, terdapat tiga buah masjid di Kuala Lumpur yang mengamalkan amalan tersebut dan tidak kurang juga penglibatan pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai daripada kementerian Yang Berhormat yang terlibat dengan amalan ini dan juga sudah maklumkan Yang Berhormat tentang sebuah tesis yang ditulis di sebuah universiti di Indonesia daripada seorang pegawai kanan kerajaan yang menyokong amalan nikah mut'ah seperti mana diamalkan dalam sesetengah mazhab Syiah? Terima kasih Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok yang telah memberikan satu pandangan yang cukup baik berkaitan dengan amalan Syiah. Saya sebutkan awal tadi bahawa larangan yang dibuat melalui pewartaan, warta yang dibuat oleh negeri-negeri. Ada enam buah negeri buat masa sekarang yang kalau dapat saya sebutkan di antara negeri-negeri yang telah

mewartakan supaya menjadi rujukan kepada semua iaitu Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka.

Selain daripada itu, belum ada lagi pewartaan dibuat. Maka, sebab itu saya sebutkan tadi bahawa larangan ini kita cukup berhati-hati supaya sebagaimana Yang Berhormat Bachok sebutkan bahawa tidak semua daripada yang kita sebutkan Syiah itu mempunyai pertentangan dengan pegangan mazhab Al-Sunnah Wal Jamaah. Jadi, sebab itu kita tidak menyekat pengamalannya sebagaimana kita sebut dalam termaktub Perlembagaan bahawa mereka bebas mengamalkan ajaran agama tetapi dalam masa yang sama juga mereka ini bebas mengamalkan tetapi tidak dibenarkan menyebarkan ajaran ini kepada orang yang lain.

Saya menyedari amat sebagaimana ingatan Yang Berhormat Bachok tadi bahawa pegangan Syiah ini ia terangkum bukan hanya sekadar dalam lingkungan batasan *academician*, batasan masyarakat, bahkan dalam lingkungan politik pun termasuk daripada pihak pembangkang dan sebagainya pun kita juga mendengar tetapi kita tidak hanya berpegang kepada *hearsay*, dengan izin.

■1030

Akan tetapi kita mencari bukti-bukti, sebab pengamalan ia tidak menyentuh soal penyebaran. Pengamalan dan penyebaran adalah satu hal yang berbeza. Jadi, memang daripada masa ke semasa kita memantau dan saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. Kalau boleh – kalau di bawah agensi saya tadi disebut kata ada yang mengamalkan Syiah, saya memerlukan kepada satu maklumat yang boleh untuk kita melihat sejauh mana kebenaran perkara yang seperti ini. Kita bimbang kalau pertentangan pertembungan akhirnya berlaku secara tidak kita sedari ini, yang merugikan adalah ajaran agama yang kita lihat secara kerukunan kita amalkan dalam konteks Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan senarai penuh ahli-ahli NEAC yang menentukan Model Baru Ekonomi (MBE) dan apakah kelayakan istimewa mereka dilantik. Nyatakan matlamat MBE dan impak kepada masa depan ekonomi negara serta berapa ramai ahli-ahli yang setuju dengan pengguguran beberapa cadangan dalam MBE ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli NEAC terdiri daripada 10 orang individu dari dalam dan luar negara yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dari pelbagai bidang yang relevan dengan pembangunan ekonomi. Mereka dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan kepakaran, pengalaman dan terdiri daripada tokoh-tokoh ternama daripada institusi yang terkemuka, ahli akademik dan ahli korporat dari Malaysia dan luar negara. Ahli-ahli antarabangsa mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai ekonomi Malaysia dan negara-negara yang mempunyai pengalaman yang sama dengan Malaysia.

Model Baru Ekonomi merupakan satu rangka yang luas dengan objektifnya untuk menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi, terangkum dan mampan menjelang tahun 2020. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli NEAC telah diambil kira oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Bajet 2011 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ke-10 mengandungi aspirasi Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemapanan. Rancangan ini akan merencana pembangunan negara dan transformasi struktur utama yang diperlukan ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program yang menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Dalam menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi, usaha dilipatgandakan untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti yang terletak kepada tenaga kerja yang berdaya saing dan inovatif di peringkat global. Melalui aspirasi MBE, kerajaan komited untuk meningkatkan pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latar belakang dan lokasi melalui pembinaan pendapatan, keupayaan mengukuhkan jaringan keselamatan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya kerajaan telah menerima prinsip-prinsip dalam Model Baru Ekonomi. Langkah-langkah dasar ini diperolehi berdasarkan siri perbincangan, rundingan dan mesyuarat pihak NEAC dengan semua pihak yang berkepentingan dari pelbagai sektor kerajaan, perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidik dan lain-lain. Semua pandangan pihak yang berkepentingan diambil kira dalam merangka langkah-langkah dasar yang tertakluk dalam lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menuju kepada soalan yang saya tanyakan iaitu tentang pengguguran beberapa

cadangan dalam MBE ini. Ini kerana ada satu kenyataan yang dibuat oleh ahli NEAC iaitu Datuk Dr. Zainal Aznam Mohd. Yusof yang menyatakan bahawa NEAC ini tidak mengambil kira langsung pandangannya. Contohnya yang pertama, bahawa atas tekanan daripada kumpulan-kumpulan berhalo kanan tertentu yang ekstremis, cadangan bahawa satu *Equal Opportunities Commission* atau Majlis Peluang Saksama yang dicadangkan ini telah digugurkan daripada MBE atau *New Economic Model*.

Lagi pun, tentang pentingnya bahawa kita mesti ada tender terbuka tetapi malangnya yang kita lihat apabila beberapa ETP yang telah diumumkan adalah dibuat secara *direct nego* dengan jumlah sebanyak RM36 bilion. Tidak dibuat secara tender terbuka tetapi secara *direct nego*. Ketiga, kalau kita lihat tentang cadangan ekuiti syarikat, mengapakah usaha tidak diambil untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat dalam skandal saham bumiputera sebanyak RM52 bilion? Saham yang diberikan tetapi sekarang telah hilang. Tambah lagi, skandal terbaru – *Global Financial Integrity Report* di mana dinyatakan sebanyak RM888 bilion telah diambil keluar secara curi-curi atau haram dari negara Malaysia dalam tempoh masa sembilan tahun. Ini jumlah yang sangat besar kerana melibatkan RM1 trilion – bukanlah sesuatu yang kecil.

Bolehkah Yang Berhormat jawab tentang isu-isu pengguguran cadangan oleh MBE yang disebutkan oleh Datuk Dr. Zainal Aznam Mohd. Yusof sendiri sebagai ahli NEAC?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan kerana membawa isu-isu begitu banyak sekali dengan angka-angkanya.

Pertamanya, mekanisme anggota Majlis Penasihat Ekonomi Negara ini perlu kita tahu. Buku ini Tuan Yang di-Pertua, telah dirangka oleh mereka. Kalau ada perdebatan dan perbincangan dalam sesuatu majlis itu di antara anggota-anggotanya, itu lumrah. Memang semua anggota akan berdebat dan sebagainya dan ada pandangan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, ada 11 anggota di sini dan saya beri dua, tiga sahaja kepada Yang Berhormat Bagan. Kita ada Tan Sri Datuk Andrew Sheng. Andrew Sheng adalah seorang *Chief Adviser* kepada *China Banking Regulatory Commission* dan *Board Member* dengan *Qatar Financial Centre Regulatory Authority*. Kita ada Nicholas Zefferys. Datuk Nicholas Zefferys juga adalah seorang anggota korporat dengan 40 tahun pengalamannya. Ada Dr. Yukon Huang, seorang *Senior Advisor World Bank and*

Asian Development Bank. Kita juga ada seorang Profesor Dr. Danny Quah, seorang pensyarah di *Harvard University*.

Maka kalau sekiranya ada percanggahan pendapat di kalangan ahli-ahlinya, itu adalah satu perkara biasa, dan ini tidak boleh digunakan sebagai satu landasan untuk kita kata laporan itu tidak boleh pakai. Pengguguran, saya tidak tahu. Laporan ini yang dibuat oleh majlis itu dan kita terima. Kerajaan menerima kerana pandangan-pandangan itu bukan satu tetapi 99 dialog dan juga perbincangan utama telah diadakan antara 1 April sehingga 30 September untuk merangka program ini atau dasar ini, dan dasar itu diterima. Maka kerajaan menerima. Kalau tidak, tidak payah kita letakkan anggota-anggota di situ.

Maka kita terima dan kita tengok kandungan-kandungan dasar. So, kenapa kita ambil satu perkara – saya pun tidak tahu betul atau tidak dalam itu. Itu adalah yang dikatakan oleh seorang anggota di sana dan kita uar-uarkannya. Maka saya rasa kita lihat balik adakah ini berjaya? Tidak pernah ada satu *economic transformation plan* sejitu atau sekomprehensif ini. Maka kita sama-sama berganding bahu untuk menjayakannya.

Kedua, tender terbuka dengan ekuiti. Sekiranya Yang Berhormat rasakan ada penyelewengan, kita ada mekanisme – *very clear*, MACC ada. Tolong buat laporan supaya...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kenapa tidak ada tender terbuka? Itu sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: So, katakan kita ambil satu contoh, Yang Berhormat. Semalam punya pengumuman berkenaan sembilan projek NEAC. Kalau kita lihat, ada program-program tertentu atau projek-projek tertentu yang memerlukan kepakaran tertentu yang tidak boleh dibuat dan dua dana memerlukan dana yang begitu banyak – berbilion-bilion. Bukan semua orang. Maka, ada di mana projek-projek ini dilaksanakan berdasarkan kepada keupayaan, kepakaran dan perolehan kewangan dana – dana ini bukan senang mahu dapat. Maka sekiranya Yang Berhormat ada syarikat-syarikat yang boleh membuat ini, tolong bawa ke depan. Kita akan berbincang. Boleh kita bincang dengan PM.

■1040

Yang Berhormat sendiri tahu bahawa di koridor utara banyak peluang yang ada. Penang sendiri terlibat dalam projek-projek ini. Maka saya rasa...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Penang semua tender terbuka, tidak ada *direct nego*.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kuasa Ketua Menteri yang lebih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *You* jangan main politik di sini Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Mengapa tidak ada tender terbuka? Itu sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kalau ada projek-projek khusus boleh dibuat oleh syarikat tertentu atau MNC tertentu, itu yang perlu diambil kira.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak dibuka mana hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia ada kepakaran, bukan kerana hendak projek-projek gergasi ini Yang Berhormat. Bukan senang. Maka tidak payah saya banyak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri jangan banyak *interact*.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya. Tidak payah saya jawab kalau sekiranya Yang Berhormat rasa ada penyelewengan, ada mekanisme untuk buat laporan, cepat-cepat lapor. Kita mengalu-alukan kerana ketelusan merupakan satu landasan NKRA. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat sejauh manakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh NAEC ini yang telah diimplementasikan oleh kerajaan dan apakan impaknya kepada ekonomi rakyat negara ini yang boleh memapankan masa depan ekonomi negara. Kalau ya di mana dan kalau tidak, kenapa tidak diimplemenkan saranan-saranan daripada jawatankuasa ini dan untuk makluman Yang Berhormat bahawa seluruh projek di kawasan saya semuanya *open tender*, tidak ada satu pun yang *direct nego*.

Seorang Ahli: Itu kawasan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana memberi sokongan kepada pandangan tadi berkenaan tender. Dua perkara dalam model baru ekonomi Yang Berhormat, satu adalah program berkaitan dengan NKRA iaitu kesejahteraan rakyat dan *quality of life* dengan izin;

- (i) pendidikan;
- (ii) rasuah;
- (iii) pendapatan isi rumah;

- (iv) pengangkutan awam;
- (v) infrastruktur luar bandar; dan
- (vi) jenayah.

Bagi untuk GTP ini Yang Berhormat, saya rasa salah satu contoh yang telah dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri tadi jumlah jenayah telah dikurangkan dengan begitu mendadak sekali, pra sekolah telah dibina di merata-rata Tuan Yang di-Pertua. Maka memang adalah kejayaan yang digambarkan kerana bidang keberhasilan itu berdasarkan kepada KPI dengan jelas dan kementerian-kementerian bertanggungjawab untuk memberi laporan kepada Perdana Menteri mengenai hal-hal ini.

Dari segi ekonomi, projek-projek yang dilaksanakan besar-besar dan raksasa. Baru sekarang kita di peringkat awal untuk menubuhkan konsultan, akauntan, *surveyor* dan sebagainya. Impak sebenarnya akan di rasa mungkin di penghujung tahun ini apabila projek itu bergerak di akar umbi tetapi sekarang perancangan, susunan kewangan dan juga perincian-perincian yang lain sedang diatur. Maka tunggu dan bersabar. Kita akan berjaya. Terima kasih.

5. Tuan Mohd Nizar Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan strategi dalam mempertingkatkan pendapatan isi rumah selaras dengan objektif Model Baru Ekonomi (MBE) untuk melahirkan rakyat berpendapatan tinggi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, perjuangan untuk mengurangkan bilangan rakyat yang tergolong dalam kategori miskin tegar dan miskin sentiasa menjadi agenda utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Di bawah bidang keberhasilan utama negara atau NKRA meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, usaha strategik melalui pendekatan kebajikan produktif atau dengan izin *productive welfare* seperti program 1Azam akan ditawarkan kepada ketua isi rumah atau ahli isi rumah kategori miskin tegar, miskin serta penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang produktif dan berdaftar di bawah sistem e-Kasih. Turut dimaklumkan bahawa untuk tahun 2011, program 1Azam di bawah kementerian ini terbahagi kepada dua iaitu azam niaga dan azam khidmat yang melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Bab 6 Modul Baru Ekonomi yang menggariskan satu polisi iaitu menggunakan pangkalan data seragam yang menyeluruh yang pada mulanya diasaskan oleh e-Kasih. Kementerian ini dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Jabatan Perdana Menteri sedang dalam usaha ke arah menjadikan e-Kasih sebagai satu-satunya pangkalan data utama di dalam agenda pembasmian kemiskinan untuk mengenal pasti rakyat yang memerlukan bantuan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

Penyeragaman pangkalan data ini juga bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan di dalam pemberian bantuan di kalangan agensi-agensi kerajaan. Jangka masa penyiapan proses penyeragaman data ini telah dibincangkan di bengkel penyediaan pelaksanaan langkah-langkah dasar di bawah Modul Baru Ekonomi berkaitan isi rumah berpendapatan rendah pada 4 hingga 6 Mac 2011 yang melibatkan semua agensi dan kementerian yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan dan bantuan kepada golongan miskin dan miskin tegar. Hasil bengkel tersebut seterusnya dibentangkan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya akan dibawa untuk maklum balas dan kelulusan Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan ini amat penting bagi memastikan semua rakyat Malaysia yang berada di bawah paras garis kemiskinan atau PGK iaitu mereka yang berpendapatan sebulannya kurang daripada RM750 di Semenanjung Malaysia, RM830 di negeri Sarawak dan RM960 di negeri Sabah perlu didaftarkan di bawah pangkalan data e-Kasih.

Selain itu juga objektif penyeragaman pangkalan data ini adalah untuk memastikan maklumat bagi setiap isi rumah dapat dicatat dengan tepat dan menyeluruh serta dikemas kini dari semasa ke semasa. Usaha ini juga diharap akan dapat membantu memperluaskan pendaftaran e-Kasih terhadap ketua isi rumah dan ahli isi rumah yang layak di bawah senarai semua agensi yang terlibat di dalam agenda pembasmian kemiskinan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini dalam peringkat pertama bagi memuktamadkan polisi menggunakan pangkalan data seragam yang menyeluruh yang pada mulanya diasaskan oleh e-Kasih di bawah Model Baru Ekonomi. Semoga usaha murni ini dapat memberi manfaat kepada semua golongan rakyat dan seterusnya

berjaya menjadikan negara Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2015. Sekian terima kasih.

Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita semua tahu bahawa hasrat Malaysia untuk mencapai status berpendapatan tinggi seperti yang termaktub dalam Model Baru Ekonomi. Kalau kita lihat hampir 60% isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan dan kebanyakannya industri didominasi oleh pekerja berkemahiran sederhana dan rendah.

Soalan tambahan saya bagaimana kementerian melihat mereka yang berada di kawasan luar bandar yang kebanyakannya daripada sektor pertanian, petani, penternak, penoreh, nelayan dan sebagainya. Apakah di antara program yang telah pun dilaksanakan oleh kementerian dan sejauh mana program ini berjaya. Pohon penjelasan.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk mereka yang miskin khususnya di kawasan luar bandar mereka yang berdaftar di bawah e-Kasih ini dan yang dikenal pasti sama ada sebagai miskin atau miskin tegar akan ditawarkan program 1Azam Pertanian yang terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sekian terima kasih.

■1050

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjurus kepada... *[Disampuk]* Sudah lama tidak bercakap, ini baru hendak bercakap. Menjurus kepada untuk menambahkan pendapatan isi rumah seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri bicara tadi. Soalan saya menjurus kepada, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kenaikan gaji ataupun gaji minimum merupakan salah satu faktor penting. Apabila kerajaan berbicara panjang lebar tentang strategi mengenai mempertingkatkan pendapatan isi rumah khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Jika ya, apakah kementerian ada menetapkan KPI untuk tujuan di atas? Sila nyatakan. Terima kasih. *[Disampuk]*

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Tentang isu kenaikan gaji minimum, memang ia akan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat kita. Walau bagaimanapun, KPI untuk kementerian kita ialah untuk membasmi kemiskinan dan membasmi kemiskinan tegar. Jadi untuk kementerian ini, fokus kita adalah untuk membantu isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan sepertimana yang telah saya nyatakan tadi. Sekian, terima kasih.

6. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Pertahanan menyatakan prosedur yang telah digunakan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk menyiasat aduan pelatih PLKN, Basant Singh. Nyatakan berapa orang yang telah dipanggil untuk disoal siasat serta bagaimanakah JLKN memberi jaminan insiden ini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih untuk soalan daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Saya ingin memohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk kami menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari ini bersekali dengan dua Yang Berhormat yang lain, iaitu Yang Berhormat Puchong pada 24 Mac, soalan nombor 25 dalam buku dan juga Yang Berhormat Bukit Gantang pada 29 Mac, soalan nombor 1.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baiklah.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah mengadakan dua siasatan dalaman bagi menyiasat aduan pelatih yang bernama Basant Singh, manakala siasatan selanjutnya telah dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Siasatan yang telah dilakukan oleh pihak JLKN adalah:

- (i) siasatan pertama dibuat di peringkat kem yang diketuai oleh Komandan Kem pada 17hb Januari iaitu hari Isnin, sehari selepas pengadu membuat laporan polis; dan
- (ii) siasatan kedua dibuat oleh ibu pejabat Jabatan Latihan Khidmat Negara dua hari selepas itu iaitu pada 19 Januari.

Lembaga siasatan ini telah diketuai oleh pegawai tentera berpangkat Kolonel yang juga Pengarah Operasi Jabatan Latihan Khidmat Negara, dengan dibantu oleh Pengarah Zon B berpangkat Komander Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 16 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan membantu siasatan dalaman. Hasil daripada siasatan tersebut didapati tiada bukti yang menunjukkan berlaku sebarang perbuatan khianat. Saya ulang balik – tiada berlaku sebarang perbuatan khianat yang dilakukan sama ada oleh pelatih atau jurulatih, mahupun di kalangan staf terhadap pengadu. Di samping itu juga, saksi-saksi dari kalangan rakan pengadu yang tinggal dalam *dormitory* 11 orang ini yang sama mengesahkan bahawa tiada kalangan mereka yang sedar atau terlihat apa juga kejadian yang berlaku pada malam tersebut.

Ekoran daripada itu, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan supaya pihak polis terlibat dalam kes tersebut di mana satu laporan telah dibuat oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara pada 18 hari bulan kepada pihak polis untuk melakukan siasatan selanjutnya dan siasatan daripada PDRM telah pun dirujuk kepada Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Latihan Khidmat Negara sentiasa memberi perhatian serius mengenai aspek-aspek keselamatan bagi menjaga dan melindungi pelatih-pelatih dari sebarang perkara yang tidak diingini. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) mengadakan perintah tetap kem yang meliputi keselamatan pelatih dan pengurusan disiplin pelatih;
- (ii) mengadakan lembaga disiplin di setiap kem bagi mengadili dan memutuskan apa-apa pelanggaran arahan-arahan atau peraturan oleh pelatih; dan
- (iii) mewujudkan pegawai medan bertugas, pegawai bertugas dan jurulatih bertugas harian yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan ke tempat-tempat kediaman pelatih bagi menentukan keselamatan pelatih termasuk pada waktu malam.

Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Selepas insiden ini berlaku, saya dan Yang Berhormat Ipoh Barat telah berjumpa dengan pengadu dan keluarga. Saya sangat hairan mendengar jawapan Yang Berhormat menyatakan bahawa tiada sebarang bukti perbuatan khianat terhadap pengadu. Persoalan yang timbul ialah apakah pengadu ini ada dipanggil untuk menjadi saksi *or* apabila siasatan dijalankan oleh pihak dalaman JLKN ini? Ini kerana saya berjumpa pelatih. Pelatih kata beliau tidak dipanggil untuk beri sebarang kenyataan, yang pada ketika itu pihak JLKN telah membuat kenyataan dalam akhbar bahawa tiada bukti bahawa pengadu ini rambutnya digunting. Ini perkara pertama.

Perkara kedua ialah, saya berpendapat wujudnya masalah kurang pemahaman di antara pelatih-pelatih yang berbeza kaum berkenaan pengamalan agama dan budaya kaum-kaum yang lain. Jadi mungkin pihak kementerian boleh mengambil perhatian perkara ini dengan menjadikan modul yang mengajar berkenaan - perkara ini diajar pada awal kemasukan sesi pelatih dalam PLKN ini.

Sejak kebelakangan ini - tadi Yang Berhormat ada kata berkenaan isu keselamatan dan disiplin. Sejak kebelakangan ini, banyak isu timbul. Isu yang malang, kematian tiga orang pelatih untuk sesi ini, seorang pelatih koma selama 16 hari. Apakah pihak kementerian ada mencadangkan untuk menangguhkan pelaksanaan PLKN ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini dua soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan ucapan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih. Saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baik. Baik, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan. Jawab tetap kena jawab, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Ipoh Barat, dia jumpa ibu bapa sahaja. Dia tidak jumpa – dia tidak inklusif. Dia kena jumpa semua orang. Perlu saya tekankan di sini bahawa siasatan dalaman yang dibuat dua peringkat. Kita menemu duga 16 orang. Apa yang berlaku selepas - 16 hari bulan itu hari Ahad, jadi hari bertemu ibu bapa. Pengadu tidur selepas pukul 12 malam dan semua rakan dalam *dormitory* mengesahkan bahawa pengadu tidur pada tengah malam. Esok pagi tidak ada apa-apa yang berlaku. Pengadu hanya melaporkan kejadian memotong rambut itu kepada bapanya sahaja selepas ibu bapanya datang pada pukul 1 tengah hari. Dia tidak lapor kepada jurulatih, dia tidak lapor kepada sesiapa.

■1100

Kemudian, ekoran daripada itu, pihak pengurusan PLKN telah membenarkan beliau bercuti. Maka siasatan dalaman tidak boleh dibuat kepada pengadu. Akan tetapi semua jurulatih dan saksi-saksi yang terlibat seramai 16 orang dan bukan senang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua juga seorang *lawyer* juga.

Untuk kita hendak rancang apa-apa di kalangan 16 orang saksi dan pada malam itu dia tidur dengan dia punya selaput lah. Rambut dia panjang. Keadaan gelap. Kalau ada apa-apa orang hendak potong rambut dia Tuan Yang di-Pertua, dalam gelap sudah pasti rambut yang dipotong itu akan bertaburan di atas katil. Pengadu duduk di hujung sekali. Mustahil dia ada elemen-elemen penganiayaan.

Sebab itu jabatan menyerahkan siasatan dibuat oleh pihak polis. Ini kerana pihak polis mempunyai prosedur-prosedur yang tertentu yang lebih terperinci. Kita tunggu laporan daripada AG. Jika ada bukti bahawa laporan yang dibuat oleh pengadu itu palsu, pihak jabatan tidak akan teragak-agak untuk membuat laporan polis bahawa laporan itu adalah laporan palsu. Tindakan undang-undang selanjutnya boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua tentang kejadian kematian, kalau dengar Yang Berhormat Batu Gajah ini, asal mati suruh tangguh, asal mati tangguh. Kalau mati dekat sekolah tangguhlah sekolah! Tidak boleh. Sebab perlu saya nyatakan bahawa kadar kematian anak muda di luar berbanding dengan kadar kematian dalam JLKN adalah jauh lebih kecil dalam PLKN, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading.

Seorang Ahli: Oh! Ho!... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menjelaskan dengan sejelas-jelasnya perkara yang telah pun berlaku. Akan tetapi seperti biasalah parti politik pembangkang...

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Saya baru mukadimah sahaja sudah berbunyi. Tuan Yang di-Pertua, seperti biasalah apa pun hendak di politikkan pasal modal lain tidak ada. Hendak mengambil hati rakyat dengan perkara yang benar, betul tidak ada. Jadi putar belitkan. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa agaknya langkah-langkah susulan untuk menghapuskan persepsi buruk kepada PLKN kepada JLKN kah, yang benar-benar satu program yang baik untuk rakyat dan masa depan negara. Ini pelan yang baik.

Akan tetapi ada orang rasa kerugian kalau rakyat baik, rakyat boleh dipimpin, rakyat jujur, rakyat berpandangan jauh, rakyat berpandangan terbuka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mereka rugi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Faham sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ini. Kemudian daripada beratus-ratus ribu peserta kalau ada yang terkehel, ada yang patah kaki biasa lah. Bukannya jadi isu. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan Yang Berhormat daripada Sri Gading. '*Winnable candidate*'. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat mula-mula akta ini dibentang, Yang Berhormat Sri Gading pun ada pada masa 2003 dan Program Latihan Khidmat Negara ini mula berjalan pada 2004 dan sekarang sudah siri kelapan.

Sebenarnya banyak penambahbaikan yang kita lakukan kerana program ini berlainan daripada program-program khidmat negara yang dilakukan oleh mana-mana negara dalam dunia. Oleh itu, kita sedang memperkuat dan memperkukuhkan, selain daripada kita tidak lari daripada empat hasrat tadi itu, roh dan semangat Program latihan Khidmat Negara diadakan dan Akta Latihan Khidmat Negara ini diwujudkan 2003.

Selain itu kita menambah baik, umpamanya ekoran daripada kejadian tersebut, kita telah mengadakan satu majlis muzakarah dan perjumpaan dengan Majlis Gurdwara Malaysia yang memberi input-input baik kepada kita mengenai agama, adat resam dan juga sensitiviti kaum Sikh. Ini kita seragamkan dalam modul yang kita katakan *cross culture* atau silang budaya di antara kaum dan etnik supaya masing-masing bukan sahaja seperti apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri, bukan sahaja sampai ke peringkat toleran akan tetapi peringkat *acceptance*.

Maknanya kita semua sudah sedia maklum bahawa kalau ada rakan Hindu kita yang beragama Hindu makan dengan kita, sudah pasti kita tidak *serve* daging lembu. Kita akan berikan dia daging kambing. Ini adalah satu penambahan daripada bukan sahaja toleran akan tetapi *accepted*. Jadi kalau semua masyarakat mempunyai kefahaman yang mendalam tentang satu-satu etnik, saya yakin dan percaya dalam pilihan raya akan datang puak yang depan ini akan jadi kecil balik. Sekian, terima kasih.
[Ketawa]

7. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas memorandum yang disampaikan bersama oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kadazandusun Sabah (KCCI) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI) (hasil dari kongres ekonomi bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak 2005), bagi meningkatkan ekonomi serta kepentingan kaum Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang bukan beragama Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Putatan. Memorandum yang dikemukakan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kadazandusun Sabah (KCCI) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI), hasil dari kongres ekonomi bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang diadakan pada tahun 2005 mengandungi sepuluh resolusi.

Sebahagian daripada resolusi-resolusi tersebut telah diambil tindakan sama ada melalui program-program pembangunan kerajaan atau dibincangkan untuk diambil tindakan di peringkat Jawatankuasa Kabinet mengenai bumiputera Sabah dan Sarawak dan juga Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak. Antaranya ialah:-

- (i) penyertaan dan pelantikan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak di dalam perkhidmatan awam persekutuan;
- (ii) pemberian biasiswa bagi program ijazah luar negara dan program ijazah dalam negara kepada bumiputera Sabah dan Sarawak;
- (iii) pembangunan tanah adat relatif *land*; dan
- (iv) program-program pembasmian kemiskinan di Sabah dan Sarawak.

Isu-isu lain dibangkitkan di dalam memorandum berkenaan telah dikemukakan kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan dan akan dibawa ke mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang jawapannya sedap didengar. Kalau saya baca, cantik untuk dibaca. Ini Timbalan Menteri, kongres ini Tuan Yang di-Pertua enam tahun yang lalu. Semasa itu Yang Berhormat Padang Rengas pun pernah jadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan kita telah berjumpa dan beliau ini memang baik, '*winnable*' candidate. [Ketawa]

Jadi apabila kita melihat Yang Berhormat Menteri soal agenda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai satu negara yang maju dan negara yang berpendapatan tinggi.

■1110

Kita tahu, yang kita pasti *engine of growth* ini berkisar daripada ahli-ahli pihak swasta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkaskan soalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Pemain-pemainnya adalah ahli-ahli Dewan. Jadi, saya belum melihat secara yang dapat merealisasikan hasrat ahli-ahli Dewan ini supaya memperkasakan mereka dalam bidang-bidang perniagaan terutama sekali bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak.

Saya berterima kasih kepada kerajaan bahawa satu ahli jawatankuasa yang memantau pertumbuhan ekonomi bumiputera di Sabah dan Sarawak ini telah pun diwujudkan dan kita melihat apa akan terjadi pada tahun 2020. Ini satu daripada tajuk utama pertanyaan daripada peringkat akar umbi bahawa apa kesudahan dan apa jenis program yang boleh membantu ahli-ahli perniagaan terutama sekali DCCI dan KCCI ini, spesifik kepada ahli perniagaan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada perjuangan Yang Berhormat Putatan, saya mengalu-alukan. Beliau selalu begitu emotif bila berbicara mengenai soal Sabah dan Sarawak ini. Baik.

Pertama ini, saya ingin maklumkan bahawa jawatankuasa teknikal itu, kepimpinan Jawatankuasa Kabinet ini adalah semua daripada warga Menteri-Menteri, Timbalan Menteri dan juga kakitangan yang berkaitan dengan Sabah dan Sarawak. Setiap masalah-masalah yang dikemukakan dari resolusi itu, tahun 2005 itu telah dimasukkan sebagai agenda pembangunan. Peringkat pertama itu, masalah-masalah berkaitan dengan kemiskinan, isi rumah, pendapatan rendah, banyak perkara tengah dilakukan kerana Dato' Sri Idris Jala sendiri daripada Sabah. *[Disampuk]* Sorry, dari Sarawak. Maaf. Jangan marah. Maafkan.

Kedua itu mengenai ahli-ahli perniagaan. Maka, kita ada SCORE (Sarawak Corridor of Renewable Energy) dengan SDC (Sabah Development Corporation) yang baru dimaktubkan pada tahun 2008. Maka, penjanaan sektor swasta di dalam pembangunan Sabah dan Sarawak telah bermula dari sana. Sekarang, NKEA baru dilafazkan pelaksanaannya. Saya mohon supaya Yang Berhormat kerjasamalah bagaimana kita sama-sama – Akan tetapi, banyak projek baru-baru ini dan yang semalam pun Labuan, banyak projek yang telah dibawa...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya bagaimana memperkasakan ahli-ahli perniagaan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ahli-ahli perniagaan perlu diperkasakan melalui peluang sahaja Yang Berhormat. Peluang yang ada di sana. Itu sebab kerajaan memberi ekosistem untuk mereka berniaga. Memberi peluang-peluang untuk mereka berniaga. Itu sahaja boleh kerajaan lakukan dengan pelbagai kemudahan-kemudahan yang disediakan. Maka, saya mohonlah Yang Berhormat membantu untuk membawa ahli-ahli perniagaan yang ramai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab mengenai rakyat Sabah, bumiputera Sabah yang *dimarginalize*kan ini.

Kita tahu dalam banci penduduk tahun 2010, Kadazan Dusun kita mempunyai 545,000, Bajau kita mempunyai 398,000, Murut kita mempunyai 97,000. Hampir-hampir 5% sahaja dari keseluruhan penduduk di negara kita ini. Akan tetapi, apa sebenarnya masalah di Sabah terutama sekali kepada orang-orang bumiputera ini yang selalunya diketepikan dalam apa-apa bidang. Apakah sebenarnya kita punya – Kalau kita betul-betul jelas, berapa peratus penduduk bumiputera Sabah yang telah mendapat peluang dalam apa-apa perniagaan dan perusahaan? Berapa peratus di dalam perniagaan tadi diberi kepada anak watan bumiputera Sabah ini?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Sepanggar bahawa sepertimana yang saya katakan kepada Yang Berhormat Putatan, kerajaan sekarang prihatin dan sedang mengambil langkah-langkah ke arah Sabah dan Sarawak. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Sabah/Sarawak, bumiputera merangkumi 13.7%. So, ada peningkatan di mana intervensi kerajaan boleh lakukan. Akan tetapi, dari segi perniagaan saya tahu masih banyak langkah perlu diambil, tetapi usaha sedang diambil. Mesti kita ikhlas dari sudut itu, memang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri - Yang Berhormat Cameron Highlands, kalau dapat keluarkan satu data maklumat untuk memberitahu bagaimana prestasi Sarawak dan Sabah dalam soal perniagaan ini. *[Tepuk]*

8. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah pendirian kerajaan mengenai prinsip hukuman serentak atau berasingan di mana mahkamah contohnya menjatuhkan hukuman serentak kepada pesalah yang merogol mangsa yang sama walaupun berlaku pada masa, tempat dan waktu berlainan; dan
- (b) apakah program pemulihan dan pemantauan bagi bekas banduan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menentukan sesuatu hukuman itu hendaklah dijalankan serentak atau berasingan, seseorang hakim itu akan menggunakan budi bicaranya berlandaskan undang-undang sedia ada dan juga prinsip *common law*. Prinsip *common law* yang dimaksudkan adalah, iaitu prinsip satu transaksi atau *one transaction principal*, dengan izin adalah menjadi undang-undang mantap penghukuman bahawa apabila hukuman dijatuhkan terhadap satu atau lebih kesalahan yang berbangkit dari satu transaksi yang sama atau transaksi tunggal, hukuman yang dijatuhkan itu hendaklah berjalan secara serentak.

Bagi membolehkan konsep transaksi yang sama dipakai, mahkamah hendaklah memutuskan sama ada kesalahan-kesalahan berkenaan telah dilakukan dalam satu transaksi yang sama dengan izin, *a single transaction*. Mahkamah perlu mengambil kira empat ujian iaitu:

- (i) jarak masa di antara kejadian (*proximity of time*);
- (ii) kedekatan jarak di antara kejadian (*unity or proximity of place*);
- (iii) kesinambungan perbuatan (*continuous of action*); dan
- (iv) kesinambungan tujuan (*continuity of design or purpose*).

Walaupun telah dibuktikan bahawa kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan melalui satu transaksi yang sama, mahkamah juga boleh menggunakan budi bicaranya untuk tidak mengikut ataupun *to be part* dari pemakaian prinsip ini. Namun, ia perlu dilaksanakan dalam keadaan yang luar biasa, *exceptional consensus*, dengan izin sahaja.

Prinsip kedua ialah prinsip *Totality*. Prinsip ini adalah sangat berkait rapat dengan prinsip satu transaksi. Pemakaian prinsip ini telah dijelaskan di dalam dengan izin, *Principles of Sentencing* oleh DA Thomas (2nd Edition, 1979) di muka surat 56 seperti berikut,

“The effect of the totality principle is to require a sentencer who has passed a series of sentences, each properly calculated in relation to the offence for which it is imposed and each properly made consecutive in accordance with the principles governing consecutive sentences, to review the aggregate sentence and consider whether the aggregate is ‘just and appropriate’.”

Di dalam erti kata lain, mahkamah perlu melihat secara menyeluruh hukuman-hukuman yang akan dijatuhkan sama ada ia adalah keterlaluan, *excessive* sekiranya ia dijalankan secara berasingan atau lebih wajar dan berpatutan dijalankan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip penghukuman yang membenarkan mahkamah memilih sama ada untuk menjatuhkan hukuman penjara serentak ataupun berasingan tidak tertakluk kepada kesalahan rogol sahaja. Ia terpakai untuk semua bentuk kesalahan. Ini ialah satu prinsip yang berlandaskan kepada prinsip perundangan sedia ada di negara ini. Dalam hal ini, kerajaan mengamalkan sikap berkecuali kerana sedar bahawa dalam melaksanakan tanggungjawabnya, mahkamah adalah sebuah badan yang bebas dan berkecuali. Malah seperti Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sedia maklum, kebebasan mahkamah adalah merupakan prinsip asas pemisahan kuasa, *the separation of powers*, dengan izin antara pihak eksekutif dan kehakiman.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b) persiapan untuk seseorang banduan yang akan dibebaskan telah dibuat sebelum banduan tersebut bebas melalui program pemulihan dan latihan kemahiran di dalam penjara. Bagi meningkatkan keberkesanan pemulihan dan pemantauan di luar penjara, Jabatan Penjara telah memperkenalkan sistem parol. Melalui sistem parol banduan yang dilepaskan akan dipantau diberikan pemulihan berterusan oleh pegawai parol serta agensi lain termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Seterusnya Jabatan Penjara akan menubuhkan rumah perantaraan untuk menempatkan banduan yang dibebaskan yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal. Usaha yang dilakukan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pemulihan dan pemantauan serta memperluaskan di luar penjara agar bekas banduan setelah bebas nanti insaf, mempunyai kemahiran, dapat berdikari dan tidak kembali melakukan kesalahan. Bagi memperluaskan lagi usaha memulihkan dan memantau bekas

banduan, Jabatan Penjara merancang untuk meneliti dan menambahbaikkan akta penjara.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Sebenarnya kita dari segi perundangan kita faham tentang kedudukan prinsip hukuman serentak dengan berasingan ini.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua masalahnya saya mendapat aduan daripada beberapa NGO wanita yang melahirkan keprihatinan berkenaan dengan trend akhir-akhir ini yang membabitkan kes serangan seksual seperti rogol yang mana sabitan kesalahan seperti baru-baru ini yang berlaku kalau tidak silap saya di Kelantan, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman kepada seorang pesalah, datuk merogol cucu.

Dalam pertuduhan itu dituduh merogol cucunya di beberapa tempat, dalam reban, kebun, di rumah. Ada beberapa siri kejadian rogol terhadap cucu tersebut. Hukuman dijatuhkan kalau tidak silap saya dalam lapan tahun penjara untuk setiap kesalahan. Akan tetapi diperintahkan berjalan serentak. Maknanya hukuman ini - kita tidak mahu ada persepsi seolah-olah hukuman ini seperti hukuman syampu tiga dalam satu. *You* rogol perempuan itu dua atau tiga kali di banyak tempat, kejadian berasingan tetapi kerana dicaj sekali, hukuman itu berjalan serentak.

Jadi mesti ada *stick* yang jelas kepada mahkamah supaya tidak timbul persepsi seolah-olah kita menggalakkan kes-kes rogol ini, boleh rogol wanita itu depan, belakang, kiri, kanan, atas, bawah, di mana-mana tempat, macam-macam kebun, tetapi hukuman satu, *effectively* satu sahaja hukuman, lapan tahun penjara walaupun dihukum lapan tahun penjara itu untuk setiap kesalahan. Itu yang menjadi kerisauan beberapa NGO wanita akhir-akhir ini, trend kelihatan macam itu yang mutakhir yang melibatkan seorang datuk merogol seorang cucunya di beberapa tempat. Akan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Menteri sudah faham Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua soalan saya sebenarnya yang kedua itu, berkenaan dengan banduan. Ada dua isu Yang Berhormat Menteri yang menjadi keprihatinan.

Pertama banduan-banduan yang setelah menjalani hukuman mereka diberikan IC berasingan, IC berwarna coklat yang menyebabkan mereka ini walaupun telah menjalani hukuman *they had paid for their mistake* tetapi masih menjalani kehidupan-stigma banduan itu masih ada. Dia pergi hendak minta kerja atau apa sahaja ada stigma

bekas banduan disebabkan ICnya itu. Adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan - untuk mengkaji balik penggunaan IC berasingan bagi bekas banduan yang telah menjalani hukuman, *they had paid for their crime*. Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *Last, last...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kita tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan banduan akhir Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan dalam lawatan ke penjara, sekarang ini ada banyak banduan akhir yang menunggu hukuman dijalankan. Banduan akhir ini maknanya banduan yang menunggu banduan gantung. Mereka sudah habis *appeal* sampai Federal Court menunggu *clemency* pengampunan Agong atau pengampunan sultan-sultan. Kadang-kadang mengambil masa ada seorang itu kita jumpa sampai 12 tahun kita tunggu. Jadi dia kata setiap hari saya tidur dengan tidak tahu esok kena gantung atau tidak kena gantung. Jadi kalau boleh saya hendak tahu berapa ramai jumlah banduan yang macam ini dan apa langkah yang kerajaan cadang untuk ambil bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri ada pilihan hendak jawab satu sahaja ataupun tidak payah jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua. Saya jawablah semua.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi iaitu bahawa sama ada *sentencing* itu serentak atau berasingan itu sememangnya menjadi prinsip yang boleh diguna pakai oleh mahkamah waktu *sentencing*. Kalau kita hendak ikut apa Yang Berhormat sebut *equivalence* lah. Apabila seseorang itu membunuh bukan seorang, dia bunuh tiga orang. Berapa kali hukuman gantung kita hendak bagi dia kerana nyawa dia sekali sahaja. Kita tidak boleh gantung dia tiga kali, walaupun dia bunuh tiga orang. Jadi gantungnya sekali juga, takkanlah kita selepas itu kita bagi dia hidup balik gantung dia balik. *[Ketawa]*

Jadi ini satu perkara yang – Ya lah maknanya hukuman itu boleh kalau hendak dikatakan dia tidak logik tidak betul. Makna memang diberikan budi bicara. Ini budi bicara kepada mahkamah, kepada hakim untuk dilaksanakan. Sudah tentulah apa yang

dia buat itu sememangnya mengikut prinsip undang-undang. Akan tetapi selalunya perkara ini dibangkitkan kerana kurang pemahaman di kalangan orang biasa berkenaan dengan perkara seperti inilah. Akan tetapi walau bagaimana pun yang penting dia bukan satu perkara yang tidak boleh dilakukan oleh seorang hakim.

Kemudian IC coklat ini, IC saya difahamkan untuk bekas banduan, IC adalah sama seperti rakyat biasa. Saya tidak tahu mungkin amalan dahulu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia ada garis.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia ada garis.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia ada garis. Baik. Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh banduan dan sekurang-kurangnya apabila rakyat biasa berurusan dengan mereka kita juga perlu dan ingin tahu tentang latar belakang dia. Sebagai contoh kita lihat di United Kingdom, bangkit masalah di mana seorang banduan yang di jail kerana telah *sexual harassment* terhadap budak-budak. Kemudian dia keluar, kemudian tanpa pengetahuan orang yang menerima dia sebagai pekerja, terima dia bekerja sebagai menjaga kanak-kanak di asrama. Rupanya *offence* pertama dahulu ialah *sexual harassment* kepada kanak-kanak. Jadi macam mana perkara ini boleh berlaku. Kita tidak tahu bahawa dia pernah melakukan kesalahan.

Jadi sebenarnya kalau ada sedikit *indication*, signal, supaya kita akan menyiasat orang yang kita hendak ambil kerja itu kita akan menyiasat kalau ada dalam IC menunjukkan bahawa dia pernah menjadi banduan, sekurang-kurangnya kita siasat untuk melihat apakah dia punya kesalahan dahulu kerana *inclination*nya itu memang ada untuk dia kembali kepada masyarakat. Jadi *it is not that bad*lah. Saya rasa kalau kita tidak beri signal atau *indication* kepada masyarakat bahawa orang ini pernah masuk jel, sesuatu berlaku selepas itu mungkin akibatnya padah dan mungkin mereka akan merasa marah terhadap kerajaan kerana tidak memberikan *indication* bahawa seseorang itu adalah bekas banduan supaya kita dapat memastikan apa juga bentuk pekerjaan yang kita beri, janganlah kerja itu melibatkan kesalahan yang pernah boleh dilakukan di masa akan datang. Jadi *in a way*, ada kebaikannya juga *to indicate* bahawa dia adalah bekas banduan.

Perkara terakhir berkenaan dengan *clemency* ini tadi yang 12 tahun tunggu. Sekarang ini 35 sedang tunggu pelaksanaan, di mana keputusan dia hendak kena gantung, 35 orang yang sedang menunggu bila dia kena gantung.

■1130

Betul, sememangnya ada sedikit *nightmare* lah kepada orang yang dihukum gantung, dia tidak tahu dia bangun pagi esok sama ada dia akan digantung ataupun tidak, tetapi *immediate action* gantung ini kalau tidak dilakukan pun ada baiknya, kerana satu dua tahun kemungkinan akan - kita hendak menggantung orang, jadi kalau mungkin dua tiga tahun kita tunggu mungkin *fresh evidence* mungkin keluar menunjukkan tidak melakukan perbuatan itu, jadi bukan semuanya negatif kalau kita tidak secara terus menggantung dia. Sebab kemungkinannya yang lebih teruk ialah jika ada bukti yang baru di mana menunjukkan bahawa dia tidak melakukan kesalahan itu tetapi kita telah menggantung dia pada ketika itu, tidak mungkin kita boleh menghidupkan dia semula. Jadi *in the way*, ada perkara yang negatif tetapi ada juga yang positif jika kita melambatkan penggantungan seseorang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.” **[8 Mac 2011]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

11.31 pg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap masih tidak terlambat untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita Sedunia. *[Tepuk]* Saya berharap dapat mengucapkannya semalam sempena Hari Wanita Sedunia tetapi saya juga rasa bertuah dapat sehari selepasnya.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: saya sahaja bagi Yang Berhormat, oleh sebab saya ingat Hari Wanita Sedunia itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Tuan Yang di-Pertua memang sungguh prihatin terhadap isu gender ini tidak seperti Barisan Nasional. Semalam adalah Hari Wanita Sedunia, dua orang telah berucap daripada pihak Barisan Nasional tetapi tidak memberi peluang kepada seorang wanita pun, sangat dikesalkan

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan ulang tahun ke-100 Hari Wanita Sedunia dan di dalam Dewan ini Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga juga telah memasuki ulang tahun yang ke-10. Jadi saya ingin meminta Menteri yang

berkenaan memberitahu Dewan ini apakah yang telah dicapai di dalam 10 tahun ini mengenai kesaksamaan gender dan apakah yang telah berjaya dilakukan.

Baru-baru ini Yang Berhormat Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, beliau juga adalah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sesi Mesyuarat Commission Status Women, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan izin, *United Nation Commission on The Status of Women*, berkata bahawa kesaksamaan gender adalah amat penting buat Malaysia dan visi Perdana Menteri ialah pembangunan wanita. Walaupun saya mengalu-alukan kenyataan beliau namun saya ingin mengingatkan beliau bahawa kesaksamaan gender bukan satu sandiwara untuk konvensyen antarabangsa tetapi merupakan satu komitmen untuk melakukan sesuatu yang konkrit bagi mendayakan wanita dengan menghapuskan siling kaca dan lantai melekat, *glass ceiling* dan *sticky floors* dengan izin.

Yang Berhormat Senator berkata bahawa kesaksamaan gender amat penting tetapi di Malaysia ini 15 tahun selepas kerajaan meratifikasikan CEDAW penyertaan wanita dalam masyarakat terutamanya di peringkat pembuat keputusan masih rendah termasuklah di Dewan yang mulia ini, di dalam Kabinet, dalam kerajaan-kerajaan negeri dan juga di dalam sektor awam. Walaupun kadar literasi wanita di Malaysia hampir 100% tetapi angka ini tidak diterjemahkan kepada penyertaan wanita di dalam pasaran kerja dan ekonomi negara.

Di dalam Laporan Indeks Jurang Gender Malaysia, *Malaysia Gender Gap Index* dalam MGGI, pada 2009 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walaupun jurang gender hampir berjaya dirapatkan di dalam sektor pendidikan dan kesihatan namun negara kita masih mempunyai jurang gender yang luas dalam bidang politik dan pengupayaan ekonomi. Keadaan ini jelas mencerminkan keadaan di dalam pasaran kerja. Di dalam tempoh 20 tahun ini, kadar penyertaan tenaga kerja wanita masih kekal pada tahap yang rendah iaitu 46% berbanding kadar penyertaan tenaga kerja lelaki pada 80%.

Walaupun Yang Berhormat Senator cuba untuk mengiklankan kerajaan persekutuan telah menjalankan tugas yang baik dari segi mendayakan wanita, tetapi kerajaan yang sama ini juga sedang menggadaikan masa depan wanita di Malaysia dengan retorik tanpa sebarang perubahan yang ketara. Walaupun dunia semakin maju ke hadapan, Kerajaan Malaysia masih enggan mengarusperdanakan gender di dalam proses membuat dasar dan keputusan yang menyebabkan peminggiran kaum wanita secara amnya. Keseluruhannya kedudukan menyeluruh Malaysia di dalam indeks jurang

gender global kian merosot dari kedudukan 92 pada tahun 2007 kepada kedudukan 101 pada tahun 2010.

Saya menyeru kepada Yang Berhormat Senator Menteri untuk memainkan peranan yang lebih proaktif, sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membawa perubahan yang betul-betul kepada wanita di dalam sebuah kerajaan yang didominasi oleh kaum lelaki. Jika Yang Berhormat Senator tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan beliau di dalam kerajaan, saya yakin barisan pembangkang dan kaum wanita di Malaysia akan bangkit menyokong beliau. Jadi berikanlah sokongan, kalau beliau dapat membawa apa-apa dasar yang *gender sensitive*.

Baru-baru ini saya telah menerima keluhan daripada para ibu-ibu muda yang berkerjaya. Ibu-ibu muda berkerjaya ini, rata-ratanya mempunyai tanggungjawab lain selain daripada pekerjaan mereka termasuklah menjaga anak-anak yang masih kecil, menjaga orang tua yang sering sakit. Mereka memohon supaya kerajaan dapat menyediakan perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti dan pusat-pusat ini perlu dipantau supaya memenuhi syarat-syarat bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak yang ditempatkan di situ. Ibu-ibu muda yang bekerja ini juga menyeru supaya wanita bekerja diberikan cuti tambahan serta elaun penjagaan anak-anak. Ini kerana anak-anak merupakan aset negara. Kerajaan sepatutnya tidak boleh membiarkan tanggungjawab ini pada ibu dan bapa semata-mata tetapi ia mempunyai peranan di dalam memastikan anak-anak membesar dengan baik dan boleh menyumbangkan kepada masyarakat kala. Elaun penjagaan ini juga boleh diberikan di dalam bentuk - jika mereka membayar cukai dalam bentuk rebat cukai.

Pelbagai lagi rintihan para ibu terutamanya di mana terdapat satu suasana yang tidak memihak kepada wanita untuk mencapai potensi masing-masing dengan sepenuhnya, terutamanya di dalam kerjaya masing-masing. Biarlah kata-kata ibu-ibu muda berkerjaya ini mewakili suara hati semua wanita di Malaysia kepada kerajaan, ini adalah daripada mereka ya. Kami kaum ibu muda *young mothers* berharap kerajaan dapat melihat dan memahami situasi kami dan janganlah takut untuk melabur di dalam *women issue* ini.

■1140

Ini kerana ia bukan satu kerugian tetapi satu pelaburan yang amat menguntungkan. Percayalah, segala isu yang memberi kesan kepada wanita juga akan memberi kesan kepada anak-anak, suami, masyarakat dan negara. Peranan ibu

sangatlah besar dan penting dan kami amat bangga menjadi ibu. Akan tetapi kami juga perlu bantuan supaya kami juga dapat sama-sama membina negara dengan cara menjaga dan mendidik anak-anak kami dalam menjadi *human capital* yang akan menyumbang kepada negara. Bantulah kami kerana kami juga ingin membantu membina negara yang kami cintai ini.

Ibu yang mewakili golongan ini adalah seorang pensyarah, mempunyai empat anak yang berumur dari dua, empat, enam dan lapan. Dia bekerja di utara, suaminya bekerja di Kuala Lumpur. Jadi dialah menjaga empat orang anak dan juga bekerja. Tambahan pula beliau juga sekarang mengaji *doctorate*. Inilah wanita dan wanita seperti inilah perlu diberi bantuan.

Mengarusperdanakan *gender* bukanlah sesuatu yang mustahil dalam konteks negara kita. Saya menyeru Yang Berhormat Senator Menteri untuk mengambil contoh daripada kerajaan negeri Pulau Pinang dalam masa singkat tiga tahun memerintah, kerajaan negeri Pulau Pinang walaupun dalam keadaan kesempitan sumber telah berjaya mengetengahkan dasar-dasar yang mendayakan wanita. Di Pulau Pinang wanita diberi peluang memimpin dan mengetuai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan buat kali pertamanya menyandang jawatan Yang Dipertua kerajaan tempatan serta pegawai daerah. Kini kedua-dua kerajaan tempatan di Pulau Pinang diketuai oleh Yang Dipertua wanita.

Ini menunjukkan bahawa diberi peluang, wanita mampu melaksanakan tugas seperti kaum lelaki. Kerajaan negeri juga merupakan kerajaan negeri pertama yang menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak bagi meringankan beban keluarga berpendapatan rendah. Kini dua buah pusat jagaan kanak-kanak ditubuhkan, satu di pulau dan satu lagi di Seberang Perai.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Mohon penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti sekejap. Ini merupakan *pilot project* dan kami juga mencari jalan yang lain supaya dapat membantu ibu-ibu secara berkesan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak bagi ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekejap, saya habiskan ayat ini. Ini akan membolehkan wanita terutamanya para ibu terus berkerjaya bagi menambahkan pendapatan keluarga serta mencapai cita-cita kerjaya masing-masing. Ya, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Tuan Yang di-Pertua. Cuma adakah Yang Berhormat

Bukit Mertajam berkemungkinan setuju bahawa Johor juga telah lama meletakkan wanita di tempat yang seperti mana yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana sekarang ini pun Pegawai Kewangan negeri Johor adalah wanita. Lima tahun yang lalu Pegawai Daerah Mersing – Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing juga wanita. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Itu baguslah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sedikit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: LA di Pulau Pinang pun wanita juga.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Lenggong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih. Saya kagumlah perjuangan Yang Berhormat Bukit Mertajam dalam memperjuangkan isu-isu wanita. Cuma saya hendak tahu berapa peratus daripada jumlah keseluruhan penjawat awam di Pulau Pinang ini sejak Pakatan Rakyat memerintah memberi peluang kepada wanita? Saya cuma hendak memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan kerajaan sebenarnya telah pun menyediakan pusat-pusat jagaan ini sejak awal dulu lama lagi sudah sebelum kerajaan Pulau Pinang lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Baguslah kalau sudah ada menyediakan pusat-pusat jagaan kanak-kanak.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya di sini ialah rujuk kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri Barisan Nasional di Pulau Pinang dahulu tidak pernah adakan. Jikalau tidak percaya boleh tanya bekas Ketua Menteri dia ada di sini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Arau sedikit sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya melihat dalam konteks negara kita, bukan bermakna saya hendak menyanggah kenyataan Yang Berhormat. Saya amat menyokong supaya penglibatan malah lebih daripada 30% - 60% pun tidak mengapa kalau wanita itu mempunyai keupayaan untuk terlibat dalam pembuat dasar.

Akan tetapi di sini kita melihat daripada proses yang berlaku sekarang, wanita telah menguasai sejak daripada pusat pengajian tinggi lagi tetapi kita hanya perlukan mereka menimba pengalaman supaya mereka benar-benar menjadi bukan diletakkan hanya kerana terpaksa tetapi diletakkan kerana keupayaan yang dimiliki oleh wanita berkenaan. Itu yang diamalkan dasar terbuka di negara kita.

Bukan saya niat hendak menyanggah, kalau hendak bagi wanita terlibat, letak wanita di situ. Boleh tidak boleh, mampu tidak mampu kita bagi. Tidak boleh macam itu. Biar proses yang kita buat sekarang dan sampai masa tertentu wanita sudah berjaya dan mendapat tempat yang mereka inginkan. Pandangan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Arau. Selalunya ada salah faham bahawa kita katakan sekurang-kurangnya 30% pembuat dasar mestilah dari kaum wanita selalunya ada reaksi seperti itu. Kita mesti mementingkan juga kelayakan. Memang kita tidak mengorbankan kelayakan. Kita katakan beri peluang kepada mereka yang berkelayakan. Selalunya wanita kerana ia merupakan minoriti di dalam sektor pekerjaan.

Jadi yang pandangan kebolehan itu adalah persepsi dari persepsi lelaki dan wanita sekiranya ingin menunjukkan kebolehannya selalunya dia perlu lebih berkelayakan lagi, barulah dia dilihat bahawa dia mampu. Jadi yang hendak lihat juga dari persepsi kemampuan wanita adalah tidak sama.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada segi yang sama, ada segi yang tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya ingin pandangan Yang Berhormat sebenarnya apabila wanita mengatakan bahawa kita mahu peluang dan ruang itu kepada kita, kita juga mahu kaum lelaki dan kita mahu kerajaan memahami bahawa *there is no level playground* sekarang buat wanita kerana keadaan wanita itu amat berlainan daripada orang lelaki.

Saya bagi contoh Yang Berhormat, misalnya apabila seorang wanita hendak melakukan *post graduate*, hendak melakukan pasca siswazahnya tetapi tidak ada keadaan yang kita cipta, kerajaan cipta untuk memudahkan wanita untuk meneruskan

cita-cita dia itu. Jadi kita bercakap mengenai penciptaan – *creating an environment which is conducive for women to go forward*.

Sekarang ini walaupun 70% wanita di universiti, saya dahulu pensyarah universiti. Jikalau *top student* Yang Berhormat, memang wanita tetapi malangnya apabila mereka lulus kemudian untuk buat *post graduatenya*, di sini halangannya kerana apa, kerana mereka berkahwin, mereka ada anak, mereka hendak buat *post graduate*. Jadi, infrastruktur untuk wanita ke depan itu banyak yang terhalang. Inilah bila kita katakan bahawa kita hendak kerajaan untuk menyediakan satu suasana yang memudahkan, membuka ruang dan peluang wanita supaya mereka boleh membantu negara. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya cuma ingin ingatkan bahawa perbahasan di peringkat ini hanya setakat 30 minit sahaja Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, terima kasih. Ini adalah hakikatnya bahawa kita bukan katakan bahawa wanita tidak pandai ataupun tidak diberi peluang tetapi rintangan kepada wanita dalam kerjaya adalah lebih banyak daripada lelaki. Kita meminta supaya kerajaan membuat sesuatu untuk memudahkan wanita untuk mempunyai peluang yang sama. Saya teruskan.

Kerajaan negeri juga menubuhkan sebuah pusat perkhidmatan wanita yang menyediakan perkhidmatan seperti kaunseling, khidmat nasihat perundangan, latihan dan program kesedaran terutamanya kepada wanita yang menghadapi krisis. Terbaru ini Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menubuhkan jawatankuasa gender dan OKU yang antara lain bertujuan untuk menerapkan, pengarus perdanakan gender ke dalam dasar serta operasi kerajaan tempatan.

■1150

Jawatankuasa seperti ini adalah yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Saya berharap kerajaan tempatan yang lain juga akan mengambil contoh inisiatif ini dan turut berusaha mengambil kira perspektif gender dalam pembangunan setempat.

Akan tetapi apa yang lebih penting lagi, Kerajaan Persekutuan perlu membentuk jawatankuasa sedemikian sebagai langkah pertama memenuhi agenda CEDAW dan dasar wanita negara. Jawatankuasa ini akan meninjau dasar-dasar kerajaan supaya tidak mendiskriminasikan mana-mana gender sama ada wanita atau lelaki serta

memastikan sumber diperuntukkan bagi mendayakan wanita selaku gender yang masih lemah dan paling banyak dipinggirkan dalam arus pembangunan negara.

Jadi dalam aspek ini, saya berpendapat ilmu mengenai kesaksamaan gender ini, ia bukan hanya wanita yang boleh tahu kerana orang yang membawa usul untuk menubuhkan jawatankuasa gender di MPSP ini ialah seorang ahli majlis lelaki. Sebaliknya di dalam Dewan ini, seorang menteri wanita telah menolak penubuhan Suruhanjaya Kesaksamaan Gender yang diminta oleh kokus wanita semalam. Kokus wanita terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak telah meminta supaya kerajaan mendirikan Suruhanjaya Kesaksamaan Gender tetapi...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, laluan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit, ya. Akan tetapi menteri wanita yang kononnya mewakili kepentingan wanita telah mengatakan bahawa tidak perlu mengadakan Suruhanjaya Kesaksamaan Gender ini. Ini menunjukkan bahawa menteri wanita ini tidak faham kehendak-kehendak kaum wanita yang beliau sepatutnya wakili. Jadi, saya memohon supaya beliau menimbangkan semula, memajukan diri ataupun beliau digantikan dengan seorang yang lebih faham dengan isu ini. Ya, Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Bukit Mertajam mengatakan bahawa menteri kita tidak menunjukkan komitmen ataupun kehendak yang sungguh-sungguh untuk melaksanakan *gender mainstream*. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai CEDAW. Malaysia telah pun meratifikasi konvensyen CEDAW, tetapi Malaysia tidak menunjukkan kehendak dan kesungguhan untuk melaksanakan apa yang ada dalam CEDAW. Malah, Malaysia sudah dua kali gagal untuk memberikan laporan sejak tahun 2004 dan laporan selepas tahun 2004 ialah tahun 2008. Kita gagal menyerahkan laporan kita. Bukankah itu satu petanda dan satu isyarat bahawa Malaysia terutamanya menteri wanita di negara kita ini tidak sungguh-sungguh untuk melaksanakan apa yang dijanjikan di dalam konvensyen CEDAW?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang. Seperti yang saya katakan, bahawa sama ada beliau tidak faham isu ini atau beliau tidak sungguh-sungguh, tidak ada komitmen, beliau telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya ataupun beliau sepatutnya digantikan. Ini kerana ia akan mengakibatkan Barisan Nasional hilang undi-

undi wanita. Ini kita beri nasihat. Kalau undi-undi wanita hilang, adakah undi-undi akan diberikan kepada Pakatan Rakyat? Ini lebih baik kepada Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini negara kita dikejutkan dengan beberapa kes jenayah seksual ke atas kanak-kanak termasuk di rumah-rumah kebajikan kanak-kanak. Baru-baru ini satu kes melibatkan dakwaan cabul kehormatan seorang guru disiplin ke atas 11 orang pelajar perempuan. Kes ini kini sedang dibicarakan dalam mahkamah dan tidak wajar dibincangkan secara lanjut di sini. Akan tetapi, saya ingin memuji bahawa tindakan yang cepat yang telah diambil, kerana biasanya kes seperti ini, ia akan ditutup ataupun mengambil beberapa tahun untuk dibawa ke mahkamah.

Saya telah banyak kali membangkitkan betapa pentingnya kerajaan mengatasi isu 2,000 buah rumah kanak-kanak yang tidak berdaftar dengan kementerian. Kerajaan haruslah membantu rumah-rumah ini untuk berdaftar dan mematuhi piawaian supaya keselamatan, kesihatan serta hak kanak-kanak yang menghuni ini terpelihara. Kerajaan juga haruslah segera melaksanakan pembaharuan ke atas undang-undang jenayah seksual termasuk menggubal Akta Pendaftaran Salah Laku Jenayah Seksual serta Akta Gangguan Seksual.

Kerajaan juga harus menghadapi kenyataan semasa dan memperkenalkan mata pelajaran pendidikan seks di sekolah. Dalam zaman teknologi maklumat, kita naif jika berfikir bahawa anak-anak kita terlindung daripada maklumat tentang seks. Sepatutnya kerajaan yang bertanggungjawab mestilah memberikan pendidikan yang tepat tentang jantina, sistem pembiakan dan fisiologi manusia kepada anak-anak muda supaya tidak mudah dipengaruhi oleh maklumat-maklumat salah dan tidak bertanggungjawab tentang seks.

Malaysia merupakan sebuah negara pelbagai kaum dan agama. Setelah 50 tahun memerintah, Kerajaan Barisan Nasional gagal mengembangkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat kerana dasar parti komponen yang berbentuk perkauman. Walau bagaimanapun, keharmonian antara rakyat pelbagai kaum dan agama adalah berteraskan budaya saling menghormati. Kini, isu agama semakin rancak dipermainkan oleh orang-orang politik yang tertentu. Agama diperalatkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menakut-nakutkan pengundi. Agama juga diperalatkan untuk meraih undi. Itulah hakikat politik yang tidak bertanggungjawab pada hari ini.

Satu isu berkaitan yang menyakitkan hati rakyat ialah tentang penukaran agama. Baru-baru ini di Bukit Mertajam, seorang budak perempuan berumur 16 tahun telah

didakwa oleh penjaganya bahawa beliau telah menganut agama Islam tanpa sebarang persetujuan daripada penjaganya. Keadaan ini bertambah riuhnya apabila ahli politik MCA memperagakan isu tersebut. Satu lagi contoh ialah kes Puan M. Indira Ghandi yang mana bekas suaminya telah menukar agama anak-anaknya kepada Islam tanpa mendapat persetujuan daripadanya.

Saya ingin menyeru pihak berkuasa supaya segera melaksanakan pembaharuan pada undang-undang pertukaran agama terutamanya melibatkan keluarga dan kanak-kanak di bawah umur. Prosedur pertukaran agama mestilah jelas dan telus supaya tidak berlaku pertikaian. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan ketegangan apabila kes pertukaran agama ini timbul dalam media, tetapi juga akan memelihara imej agama Islam selaku agama rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Selangor telah mengambil inisiatif untuk menggubal Enakmen Kebebasan Maklumat di negeri masing-masing. Enakmen ini bertujuan memulangkan hak ke atas maklumat kepada rakyat. Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan telus tidak sepatutnya berahsia dengan rakyat. Justifikasi yang selalunya digunakan oleh kerajaan yang lebih suka berahsia ialah maklumat yang dirahsiakan adalah bagi menjaga keselamatan negara. Tiada satu akta kebebasan maklumat di dunia yang membuka segala-gala maklumat tanpa diskriminasi kepada orang awam.

■1200

Namun prinsip asas akta kebebasan maklumat ialah akses kepada maklumat ialah hak asasi, bukan satu hak istimewa. Ini bermakna kerajaan mempunyai tanggungjawab mendedahkan maklumat sebanyak yang boleh kepada rakyat terutamanya yang melibatkan kepentingan awam. Bagi Kerajaan Persekutuan bukan sahaja tidak mendukung prinsip demokrasi dan akauntabiliti melalui Akta Kebebasan Maklumat, malah telah berdekad lamanya menyembunyikan diri di sebalik undang-undang yang menegakkan demokrasi seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Saya menyeru supaya parti pemerintah bersaing dengan adil dan bebaskan media daripada cengkaman politik partisan. Jangan ingat bahawa jika kerajaan memerintah secara kuku besi maka rakyat akan sentiasa berpeluk tubuh. Saya berharap kerajaan mengambil iktibar reformasi yang terjadi di negara-negara Afrika dan timur tengah seperti di Tunisia, Egypt, Libya dan Yaman. Apa yang berlaku menunjukkan

bahawa kerajaan diktator tidak akan kekal lama. Rakyat akan menggunakan apa juga cara untuk menumpaskan kerajaan yang zalim dan mengehadkan ruang demokrasi.

Sedikit sahaja mengenai Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulusan SPM. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberitahu di Dewan ini apakah kedudukan terkini pada perkara ini. Juga tentang *Interlok* yang telah menimbulkan banyak reaksi di kalangan kaum India. Di kalangan Cina juga ada pertikaian dan juga saya mendapati di dalam masyarakat Melayu pun mereka ada pandangan yang tidak sama.

Masyarakat India telah bangkit menuntut supaya novel *Interlok* dikeluarkan sebagai buku teks di dalam sukatan pelajaran. Hal ini pertama kalinya telah dibangkitkan oleh pemimpin MIC sendiri yang di dalam Barisan Nasional. Akan tetapi oleh sebab MIC tidak berdaya untuk berbuat apa-apa kerana apa yang mereka katakan itu tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya. Maka rakyat biasa terpaksa berusaha menekan kerajaan supaya membatalkan novel *Interlok* sebagai buku teks. Walaupun kita menghormati gaya penulisan Sasterawan Negara, Abdullah Hussin, namun kesesuaian novel *Interlok* sebagai sebuah buku teks adalah dipertikaikan. Ini kerana di masa ketegangan hubungan kaum dan sensitiviti kaum...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah habis masa Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey habis ini. Maka sebuah novel yang melabelkan kaum India dengan menggunakan perkataan 'paria' dan juga selain daripada perkataan ini, buku ini ia ditulis 40 tahun yang lalu di mana keadaan pada waktu itu dan sekarang adalah tidak sama. Buku ini saya rasa ia memberi gambaran stereotaip bagaimana masyarakat Melayu, Cina dan India yang tidak menggambarkan keseluruhan masyarakat orang Melayu, Cina dan India. Oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan, hendak bertanya perkataan 'P' tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Perkataan yang sama diungkit oleh Yang Berhormat Gombak kepada Yang Berhormat Padang Serai. Apa pandangan Yang Berhormat perkataan 'P' itu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pertanyaan yang tidak berkaitan dengan isu *Interlok* dan saya katakan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Perkataan 'P' yang Yang Berhormat katakan tadi itu tidak betul.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak berani jawab kah? Jawablah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat yang bijaksana saya pasti akan tahu apa yang sepatutnya dibuat. Jadi saya memohon penjelasan apakah keadaan sekarang mengenai novel *Interlok* ini yang dipakai dan digunakan sebagai bahan bacaan di sekolah. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

12.05 tgh.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian bagi membahaskan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ke-12. Antara titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ialah rakyat mesti menjunjung kedaulatan undang-undang dan juga keluhuran Perlembagaan.

Oleh yang demikian Barisan Nasional telah pun memilih iaitu sistem demokrasi rakyat diberikan kuasa untuk memilih pemimpin, rakyat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya satu undi mempunyai satu kuasa dan rakyat juga boleh memilih sebuah kerajaan yang diminati oleh rakyat. Rakyat juga dengan kuasa tersebut dalam sistem demokrasi ini boleh menurun, menukar atau mengekalkan kerajaan dalam tempoh lima tahun. Maknanya ini adalah merupakan sistem yang telah pun dipilih oleh Barisan Nasional yang telah pun mengangkat kuasa rakyat di mana satu undi memberikan kuasa yang sangat besar kepada rakyat.

Oleh yang demikian Barisan Nasional juga memberikan nikmat yang sangat besar kepada pembangkang yang ada dalam negara kita melalui sistem demokrasi ini, dengan kebolehan pembangkang menubuhkan kerajaan-kerajaan negeri di beberapa negeri melalui sistem peti undi ini dan juga menang dalam pertandingan di mana-mana kawasan Parlimen. Tidak ada mana-mana di kalangan Ahli Parlimen ataupun ahli politik di negara kita dipenjarakan. Jika ada yang dipenjarakan itu atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh mana-mana rakyat dalam negara kita. Jauh sekali mereka yang dihukum bunuh melalui sistem demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding daripada ajakan yang dibuat oleh pembangkang yang telah pun ditolak oleh rakyat iaitu pembangkang mengajak rakyat untuk menggulingkan kerajaan melalui sistem demonstrasi jalanan yang sudah tentu memberikan satu tawaran harga yang sangat mahal kepada rakyat dan juga negara apabila rakyat terpaksa menanggung satu bentuk ancaman keselamatan yang begitu besar, negara berada dalam keadaan kerugian dan juga soal keselamatan nyawa, kecacatan berkekalan dan sudah tentu soal ekonomi domestik dan juga FDI yang akan memberi kesan kepada pelabur asing.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih yang Jempol. Saya amat tertarik dengan kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat Jempol bahawa dalam negara kita tidak ada ahli politik yang dipenjarakan kerana pertimbangan politik, tidak ada. Dipenjarakan kerana kesalahan jenayah, bunuh dan sebagainya itu ada. Kadang-kadang secara kebetulan orang itu ahli politik. Tadi saya ada mendengar ucapan Yang Berhormat Bukit Mertajam bahawa kerajaan kita kerajaan diktator, zalim.

Akan tetapi saya mendengar ucapan Yang Berhormat Jempol tadi, ia *contradict*. Jadi makna zalim dan diktator ini Yang Berhormat Jempol, adakah sengaja dimainkan oleh mereka – tidak semualah tapi hanya beberapa orang. Seperti Yang Berhormat Bachok ini baik bukan. Ia dua tiga orang ini adakah ia satu rentetan hasutan yang sedang dibina oleh mereka untuk mewujudkan keadaan yang huru-hara supaya kononnya peristiwa yang berlaku di Asia Barat itu boleh berlaku di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Jempol.

■1210

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kita dalam Barisan Nasional tidak pernah berlaku zalim terutama sekali kepada pembangkang. Kalau kita berlaku zalim sudah ramai kita penjarakan ini. Perangai dan tindakan dia...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Jempol ini buta sejarahnya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: ...Menghasut rakyat. Jadi semua ini menimbulkan keadaan yang tidak membantu dalam pembangunan negara. Barisan Nasional tidak begitu. Barisan Nasional mengadakan transformasi untuk kerajaan dan juga ekonomi negara. Dalam satu hala tuju, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, telah pun menunjuk jalan kepada negara dan rakyat iaitu untuk membina sebuah negara maju dalam Wawasan 2020 negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Apabila kita menawarkan kehidupan sebuah negara maju dengan sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan juga rakyatnya yang berpendapatan tinggi. Lihat sahaja bagaimana jaminan yang diberikan oleh kerajaan, terutama sekali kepada generasi muda dan pengundi muda yang memang tertarik hati kepada Barisan Nasional.

Dengan pelaburan RM1.3 trilion, 92% dijana oleh syarikat swasta dengan menawarkan RM3.3 juta peluang pekerjaan di mana anak muda yang dilatih, belajar sampai ke universiti, latihan kemahiran, dan sebagainya. Inilah jaminan yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional terhadap masa depan anak muda berbanding daripada apa yang ditawarkan Buku Jingga oleh pembangkang, yang akhirnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bankrap... [*Dewan riuh*] Ia tidak ada menjana pendapatan yang tinggi dan tidak ada peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Yang Berhormat Jempol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh yang demikian, ini perbezaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Apa yang ditawarkan oleh pembangkang dan apa yang ditawarkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol dan Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jempol tentang demokrasi. Sudah tentulah kalau kita masuk bakul angkat sendiri, kitalah yang terbaik dalam dunia ini. Akan tetapi kalau kita lihat Yang Berhormat Jempol, laporan terbaru *The Economist Intelligence Unit's Index of Democracy*, kedudukan Malaysia nombor 71. Negara Mongolia lebih baik daripada Malaysia... [*Tepuk*]

Ada tiga isu yang dibangkitkan di dalam indeks tersebut. Antaranya adalah *governance*, *political participation*, dan *media freedom*. Ketiga-tiga bidang ini kita jauh ketinggalan dengan Fiji dan Sri Lanka. Jadi ini perkara-perkara yang, *insya-Allah* dalam ucapan saya nanti akan saya bangkitkan. Seperti yang saya sebutkan tadi, kalau sekiranya kita masuk bakul angkat sendiri memang kita yang terbaik di dunia. Akan tetapi apabila dinilai daripada perspektif profesional yang dibuat daripada kajian yang

profesional, walaupun betul dia datang daripada luar tetapi kedudukan kita tidak sepertimana yang digambarkan dengan macam-macam...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh, Jempol?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...Isu yang melanda rakyat. Terima kasih. Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Barisan Nasional menggubal dasarnya berdasarkan daripada sudut kepentingan rakyat dan juga negara Malaysia. Ia bukan seperti parti PAS menggubal dasar di London dan daripada sudut pandangan pakar-pakar di London dan juga di luar Malaysia... *[Dewan riuh]* Oleh yang demikian, amat berbeza antara PAS dengan Barisan Nasional...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh Yang Berhormat Jempol beri...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang berasaskan kepada bumi Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... Mahu beri jalan Yang Berhormat Jempol?... *[Dewan riuh]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Jempol ini angan-angan mahu jadi ketua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol mahu beri jalan?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sini. Buku Jingga lah... *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jempol.

Sebentar tadi, Yang Berhormat Jempol ada cuba membezakan antara Buku Jingga dengan Model Ekonomi Baru, *Government Transformation Programme*, *Economic Transformation Programme* dan sebagainya. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Jempol. Setelah membaca Buku Jingga ini, walaupun ia telah diketengahkan kononnya sebagai satu buku yang mengandungi dasar-dasar ekonomi Pakatan Rakyat jika mereka memerintah Putrajaya.

Akan tetapi hakikatnya pada saya Yang Berhormat Jempol, dan minta pandangan ialah, ia satu manifesto politik. Ini kerana kalau kita melihat dari tiga muka

surat yang pertama sahaja dalam Buku Jingga yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Marang, dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur. Ia mengandungi perkataan-perkataan yang terlalu politik dan menghina. Saya tidak tahu sama ada Buku Jingga ini untuk penyokong-penyokong PKR ataupun keseluruhan rakyat Malaysia dibandingkan dengan Dasar Ekonomi Baru yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Minta pandangan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mendapat pengiktirafan rakyat di Kerdu dan juga di Merlimau. Dasar Buku Jingga ini telah ditolak oleh rakyat di Merlimau dan juga di Kerdu. Itu *endorsement* Yang Berhormat. Jadi, kalau mahu gubal dasar baru kita boleh bahas yang akan datanglah, kerana yang itu *confirm* telah ditolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Pembangkang juga membicarakan tentang soal imej Firaun. Kalau kita baca banyak artikel berkaitan dengan Firaun, sebenarnya Firaun ini telah pun dijanjikan oleh orang-orang di sekeliling dia bahawa dia adalah merupakan seorang pemimpin pilihan Tuhan. Dia juga telah merancang satu dasar matlamat menghalalkan cara...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak betul...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Akhirnya...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Firaun, dia kata dia Tuhan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh sebab kegagalan dia...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Surah mana itu? Surah mana dalam al-Quran?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kegagalan dia...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Sebut surah.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kegagalan dia mengawal nafsu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Surah mana dalam al-Quran yang disebut begitu?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh sebab dia gagal mengawal...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Ketawa]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh sebab dia gagal mengawal nafsu dan dia memang bernafsu, akhirnya dia mengisytiharkan dirinya adalah Tuhan. [Ketawa] Oleh

yang demikian, tidak ada dalam Barisan Nasional yang mempunyai seorang pemimpin yang melontarkan idea untuk rakyat dan negara. Memberi jaminan kepada seluruh rakyat dan seluruh kaum dalam negara kita, bahawa tidak ada di antara mana-mana kaum yang akan diabaikan malahan bersikap adil.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri jaminan akan mencuba sedaya-upaya untuk berlaku adil kepada semua kaum dan juga mengamalkan konsep *wasatiyyah*... *[Ketawa]* Ini adalah merupakan...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: ...Ini adalah merupakan satu dasar sebenarnya mana yang lebih Islam? Sama ada dasar yang dibuat oleh Barisan Nasional ataupun dasar yang dibuat dan ditawarkan melalui Buku Jingga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam sudah lima kali bangun. Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya tidak berilah. Saya ada banyak lagi masalah. Baru satu tajuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasihlah. Ini yang kita kata zalim... *[Ketawa]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Zalim Yang Berhormat tidak pernah beri orang lain bercakap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul. Apabila Yang Berhormat Shah Alam bercakap, tidak pernah beri orang lain bercakap.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Jangan kira apabila orang lain bercakap.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Mahu tahu adakah zalim...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain duduklah Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang Buku Jingga boleh?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan masuk bakul angkat sendiri... *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini bakul, mahu masuk bakul ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Masuk bakul angkat sendiri, Yang Berhormat Bachok beritahu tadi. Apabila kita timbang semula Yang Berhormat,

siapa yang sebenarnya masuk bakul angkat sendiri? Sama ada sebelah sana ataupun sebelah kita? Jikalau kita perhati betul-betul, yang sebenarnya masuk bakul angkat sendiri adalah sebelah sana. Yang merosakkan nama negara di peringkat antarabangsa juga menyebabkan indeks-indeks antarabangsa menurun adalah di sebelah sana. Boleh atau tidak Yang Berhormat setuju dengan saya? Pergi luar negara dan jaja nama...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini tentang bakul juga ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Kata negara kita buruk, sedangkan negara yang mereka pergi itu lebih buruk daripada kita. Apa pandangan yang terhormat tentang perkara ini?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jempol, sedikit Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini tentang bakul juga ini, boleh?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Pembangkang ini Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Pembangkang ini memang dia tidak ada kerja. Oleh yang demikian hidup politiknya melalui isu dan lebih malang lagi kalau semangat patriotik dia yang sangat kurang dan sabotaj wawasan negara untuk menjadi negara maju, maka itulah kerjanya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kita kongsi sedikit, boleh?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Memburukkan negara dengan harapan orang tidak datang melabur, ekonomi terjejas, dan mereka akan seronok kalau dasar kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju ini tidak tercapai, itulah kejayaan dan sumbangan besarnya kepada negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini tentang bakul ini.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Mahu beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Boleh?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]* Ampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bakul ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Indera Mahkota...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong kah atau Shah Alam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Yang Berhormat Ampang, minta duduk Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Beri bakul ini dahulu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Siapa duduk?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Jempol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia beri Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Lenggong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong dahulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Nampak gaya dia beri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain itu duduklah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebentar tadi, saya dengar...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kepada siapa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apabila Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini Lenggong kah atau 'lenggeng'?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Oh! Fikirkan 'Lenggeng'. Kalau 'Lenggeng' telah rasuah... *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak, Yang Berhormat Jempol.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Inilah perangai PAS Shah Alam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Jempol, sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat Shah Alam sebut apabila Yang Berhormat Jempol tidak beri dia laluan, zalim dia tuduh. Dia kata zalim sebab Yang Berhormat Jempol tidak beri laluan. Semalam saya dengar seperti cakap hebat dan retorik.

■1220

Sedaplah dengar tetapi tidak boleh percaya apa dia cakap. Saya dok ingat apabila Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada, tentulah orang lain yang akan bercakap. Tengok Yang Berhormat Marang sampai hari ini tidak datang-datang. Merajuklah itu. *[Ketawa]* Tengok Yang Berhormat Ipoh Timur, tidak masuk-masuk pun. Patutnya bila...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Batu api, batu api. Politik batu api.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bercakap bagilah dua-dua tokoh parti lain. Nampak benar dia tidak percaya pada parti-parti ini. Apa pandangan Yang Berhormat Jempol?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini bukan ada isi bercakap ini. Buat apa? Bukan hendak tolong Yang Berhormat Jempol ini.

Seorang Ahli: Kronisme.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jempol, terima kasih Yang Berhormat Jempol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seorang-seorang Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dia bagikan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini pasal Yang Berhormat Marang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam tengah bercakap.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, ini kerana satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Jempol tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tak, ini satu dakwaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh bercakap, tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Lenggong bahawa Yang Berhormat Marang tidak datang kerana merajuk.
[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini perlu dijelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak ada *standing* bercakap sekarang ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya merupakan satu sangkaan buruk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Jempol.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sebenarnya Yang Berhormat Marang berada di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam duduklah. Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Shah Alam setujukah Yang Berhormat Marang jadi Ketua Pembangkang?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak minta penjelasan boleh?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Membelakangkan Yang Berhormat Marang.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dalam Titah ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol tidak bagi Yang Berhormat. Tidak boleh mencelah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol tidak bagi.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apabila tahu akan diberikan kepada Yang Berhormat Machang itu sebab Yang Berhormat Marang pergi luar negara.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dia bagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Jempol, minta penjelasan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuanku telah pun menasihatkan...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia sudah tahu dia tidak dapat berucap di sini berucap pertama sebab itu dia bagi pada Yang Berhormat Machang berucap. Itu sebab dia pergi luar negara.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia sudah lama sudah ke Sudan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuanku telah pun menasihatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Indera Mahkota saya minta duduk.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak membangkitkan isu-isu sensitif yang berbaur perkauman. Tadi ada Yang Berhormat Bukit Mertajam lontarkan kononnya parti-parti komponen Barisan Nasional ini *racist*. Saya hendak bagi tahu sejarah UMNO ini, kita tubuhkan dahulu sebenarnya buka keahlian kepada semua kaum. Semua kaum kita bukakan. Dato' Onn pada waktu itu melontarkan idea penubuhan UMNO supaya semua kaum menjadi ahli.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu Parti Negara, itu Parti Negara. Yang Berhormat Jempol...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Oleh yang demikian...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu Parti Negara.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Rakyat menolak oleh sebab itu tidak ada pilihan untuk mencapai kemerdekaan maka UMNO mewakili orang Melayu, MIC India dan juga Cina diwakili oleh MCA. Ini sejarah dan realiti politik dalam negara kita memang macam itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dato' Onn tidak betul, tidak betul.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: PKR cuba buat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Jempol bagilah peluang.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dengarlah Yang Berhormat Shah Alam, nanti tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Banyak cakap pun tidak faham.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan Yang Berhormat Jempol.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dahlah cakap PKR, cakap pasal PAS tetapi tak bagi kita jawab.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan Yang Berhormat Jempol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak dengar penjelasan Yang Berhormat Jempol Yang Berhormat. Tak payah mencelah macam ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Mana ada MIC wakil India?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: MIC tidak wakil India.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Telok Intan. Yang Berhormat Jempol tidak bagi, tidak boleh mencelah macam itu Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Bagaimana dengan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh, tak boleh. Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kemerdekaan negara bukan dituntut oleh orang Melayu sahaja. Kemerdekaan negara dituntut oleh orang Cina, orang India, orang Melayu. Ini kemerdekaan 1957 dan apabila kita bergabung menjadi sebuah parti bernama Perikatan dan kita berjumpa dengan rakyat atas nama Perikatan dan sekarang ini disambung oleh Barisan Nasional satu lambang, satu manifesto...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Perikatan bukan parti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Perikatan gabungan kaum. Ini yang tidak betul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Dengar dahulu ucapan Yang Berhormat Jempol Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Maklumat tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Perikatan bukan satu parti ianya gabungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang kita pertahankan terhadap apa yang kita janji. Bukan macam gabungan yang ada sekarang ini. Masing-masing atas parti masing-

masing. Masing-masing- berjanji pada rakyat masing-masing. Lepas itu tubuh kerajaan hendak tunai, tunai tak hendak tunai tidak.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini maknanya UMNO bukan satu parti Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, dia cakap apa ini?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Bagi kita, kita berjumpa dengan rakyat...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO bukan parti tersendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam duduk. Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kalau kita untuk berpolitik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, biarkanlah.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dan kita bagi jaminan kepada rakyat, janji yang kita bagi kepada rakyat, Barisan Nasional akan tunaikan janjinya mengikut kemampuannya. Ini yang kita buat. *[Tepuk]* Itu sebabnya jauh perbezaan di antara tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional yang berjanji dengan rakyat berbanding dengan kerajaan tuan-tuan yang berjanji dengan rakyat. Tuan-tuan cadang hendak tunai, tunai. Tidak tunai tidak apa. Hari ini boleh buat, esok pagi ubah cara lain. Tidak boleh. Kita mendapat kepercayaan dengan cara yang semacam...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jempol. Kerdau 53 tahun terpinggir daripada arus pembangunan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: 53 tahun! Janji saja!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya juga...*[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.
[Tepuk]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Hei! Sudah bayar tunai *cheque* ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya mengucapkan tahniah...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: RM1.4 juta tunai *cheque* ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kepada kerajaan dalam isu kemiskinan di bawah Titah Tuanku pada tahun 2010...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Jempol minta izin minta laluan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Awal tahun, miskin tegar...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: lalah 44,000 ketua isi rumah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Dan di akhir tahun tinggal 100 sahaja mereka di kalangan miskin tegar yang telah pun dibangunkan oleh kerajaan melalui banyak kementerian yang bertanggungjawab. Tidak ada kekeliruan. Awal tahun didaftar 44,000 akhir tahun tinggal 100. Maknanya ini kejayaan yang mesti dipuji.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit, sedikit boleh?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat tidak faham apa maksud miskin tegar.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ha! Ini hendak tanyalah. Hendak tanya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Jempol tidak bagi jalan Yang Berhormat. Cukuplah.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Miskin tegar maknanya pendapatan rakyat yang RM400 ke bawah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Nothing against standing order.* Duduklah Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan, tak bagi jalanlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jangan mengelirukan Dewan. Ini mengelirukan Dewan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat masih tidak faham tentang soal miskin.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini mengelirukan Dewan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Miskin memang RM720 ke bawah dan apabila kerajaan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini mengelirukan Dewan. Mana boleh berucap macam ini.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Mengambil kumpulan rakyat yang termiskin maknanya kejayaan kerajaan membantu kumpulan rakyat yang termiskin dalam negara. Cuma Tuan Yang di-Pertua, usaha baik kerajaan Barisan Nasional ini saya harap dilanjutkan lagi supaya mereka yang ada potensi untuk meneruskan projek mereka diberikan latihan, diberikan pemantauan, pengurusan kewangan yang baik dan dibantu mereka. Dilonjakkan kumpulan yang baik ini supaya lahir lebih ramai jutawan yang asalnya adalah kumpulan rakyat miskin tegar, yang boleh kita lahirkan sebagai jutawan kerana dalam banyak projek yang dibuat oleh kerajaan ini ada di antara mereka yang menunjukkan potensi yang baik dalam bidang projek yang mereka uruskan.

Tinggal lagi latihan modal ini boleh kita buat. Begitu juga dengan soal ibu tunggal yang ada dalam negara kita...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat Jempol minta sedikit.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang memerlukan sangat supaya mereka yang ramai anak duduk di rumah, dilatih oleh kerajaan melalui kementerian kita supaya dibekalkan *skill* dan kemahiran. Mereka boleh duduk di rumah, jaga anak, memasak dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama ada *skill* dan kemahiran mereka boleh menjalankan apa juga usahawan yang boleh menambah sumber pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat Tuanku...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat, Jempol kalau boleh sedikit sahaja Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Melihat tentang FELDA di mana RM1.6 bilion untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat peneroka FELDA. Saya nampak tentang keperluan generasi kedua FELDA iaitu untuk membangunkan rumah-rumah generasi kedua FELDA. Saya yakin dan percaya projek FELDA Jaya yang dibuat oleh kerajaan melalui FELDA memang menarik minat kumpulan masyarakat peneroka khususnya generasi kedua tetapi FELDA Jaya ini berpusat di pertumbuhan pekan dan bandar baru.

Aktiviti ekonomi mereka duduk di rancangan di mana mereka tinggal. Oleh yang demikian, di rancangan di mana aktiviti ekonominya berlangsung, saya cadangkan supaya rumah-rumah generasi kedua FELDA dibangunkan di kawasan tersebut.

Begitu juga dengan pinjaman KPF. Harga getah baik, harga sawit baik pendapatan peneroka kita melonjak tinggi. Saya bercadang supaya kita berikan pinjaman RM100,000 minimum untuk dilabur dalam KPF. KPF ini amat istimewa Tuan Yang di-Pertua kerana mereka boleh melabur dalam KPF, sebuah koperasi yang memberikan pulangan 14% dan 15% setahun dan ini merupakan jaminan masa depan yang lebih baik kepada peneroka. Begitu juga saya melihat bagaimana proses tanam semula berlaku di rancangan tanah FELDA. Saya berharap supaya dapat dipantau baik-baik. Kadangkala dalam satu perkampungan, beberapa skim tetapi proses tender tebang semula ini dilakukan secara berbeza. Akhirnya harga yang ditawarkan berbeza. Timbul masalah di rancangan tanah FELDA.

■1230

Jadual tanam semula mesti diikuti kerana setiap masa yang disumbangkan adalah bermakna kos yang terpaksa ditanggung oleh peneroka. Saya mencadangkan supaya mereka ini dibuat sistem blog supaya membolehkan mereka mendapat hasil yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA Plantation memberikan pulangan yang sangat besar kepada peneroka. Sebanyak 51% daripada syer ini dikawal oleh peneroka dan inilah yang melonjakkan kualiti hidup masyarakat peneroka FELDA yang berbeza dengan orang lain sehinggakan mereka lahir kumpulan petani yang amat istimewa dalam negara kita malahan jadi contoh di dunia ini. Oleh yang demikian saya yakin dan percaya supaya FELDA Plantation ini dapat kita kekalkan supaya menjadi satu sumber kewangan sokongan kepada masyarakat peneroka FELDA dan kita lihat segala tohmahan yang diberikan oleh pembangkang adalah semuanya berniat jahat kepada kumpulan masyarakat peneroka. Tahniah kerana peneroka yang bijaksana tetap memberikan sokongan kepada Barisan Nasional dalam mana-mana pilihan raya kecil.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok.

12.31 tgh.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin juga mengambil Bahagian untuk bersama-sama memberikan

pandangan bagi membahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada kali ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab rakan saya Yang Berhormat Jempol tentang PAS membuat dasar di London. Saya pun tidak tahu dasar apa yang kami gubal di London. PAS ditubuhkan di Pulau Pinang. PAS dibesarkan di Malaysia ini. Mungkin agak saya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jempol itu merujuk kepada kenyataan saya berhubung dengan penubuhan Barisan Alternatif satu ketika dahulu dan sekarang ini dikenali sebagai Pakatan Rakyat yang keputusannya itu dibuat di United Kingdom. Itu betul. Keputusannya bukan dibuat di London, tetapi sebuah bandar namanya Lester yang saya telah diarahkan oleh Almarhum Presiden untuk mengumpul tenaga-tenaga, pakar-pakar ulama dari Timur Tengah, dari Gerakan Islam untuk melihat jalan penyelesaian politik dalam konteks Malaysia ini selepas tekanan yang begitu hebat diberikan oleh Barisan Nasional kepada pembangkang. Atas semangat kita hendak menghidupkan satu peristiwa yang pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW sebelum Rasulullah SAW diangkat menjadi nabi, peristiwa halful fudul di mana berkumpul berbagai-bagai kumpulan yang ada di Mekah pada ketika itu untuk menentang kezaliman.

Di atas semangat itulah menentang kezaliman yang dikenakan oleh Barisan Nasional kepada pembangkang, kepada rakyat pada tahun 1998, semangat halful fudul itu kita bangkitkan Dewan kita tubuhkan Barisan Alternatif ataupun Pakatan Rakyat untuk kita memadu tenaga bersama bagi memastikan agar...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Walaupun dengan orang yang minta langkah mayatnya dahulu sebelum melaksanakan undang-undang Islam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Yang Berhormat, tadi sudah bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Jadi, untuk membetulkan fakta itu, semangat itu, semangat halful fudul...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tadi saya bagi...

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Untuk kita menentang...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kalau kita menentang kezaliman yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional kepada pembangkang.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Sudah Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Laluan, laluan. Yang Berhormat Bachok, kenapa tidak menjadi yang berucap yang pertama.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Ya?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kenapa tidak menjadi pengucap yang pertama tanpa kehadiran ketua pembangkang...

Dato' Haji Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat, boleh saya tanya soalan?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Patut Yang Berhormat Bachok berucap. Sedap saya dengar.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Dengan ikhlas.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Nampak sangat Yang Berhormat Permatang Pauh tidak percaya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kroni.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga, tadi saya telah sebut memberikan sedikit respons kepada...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol tentang kerajaan demokrasi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada tadi *The Economics Intelligent Unit's Index of Democracy*, kita bandingkan tiga laporan sebelum daripada ini. Laporan 2007, Laporan 2008 dan Laporan 2010 yang merujuk kepada keadaan demokrasi di dalam dunia secara keseluruhannya walaupun saya bacakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua;

“There is no consensus on how to measure democracy, definition of democracy are contested and there is an ongoing lively debate on the subject.”

Kita tidak dapat hendak memberikan sebarang definisi yang paling tepat kepada demokrasi itu. Akan tetapi melalui amalan yang berlaku dalam negara-negara termasuk dalam negara kita, jelas kalau kita pakai apa sahaja demokrasi, standard dan statusnya dalam konteks negara kita jatuh daripada satu tahap kepada satu tahap yang semakin buruk. Sekarang ini kedudukan Malaysia berada di tangga 71, jauh lebih ketinggalan daripada Mongolia, daripada Fiji daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi. Apakah antara isu-isu yang besar yang menjadi debatan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bachok.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Di dalam kajian tersebut disebut oleh seorang penulis Larry Diamond dalam 2008 tulisannya, yang menyebut bahawa demokrasi sekarang ini berada dalam keadaan oleh *democratic recession*. Kita sekarang berada dalam *democratic recession* yang melanda seluruh dunia. Yang Berhormat Lenggong, silakan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tadi sebut mengenai pertemuan ulama-ulama tersohor di dunia bersama PAS di London. Cuma kalau boleh dikongsi bersamalah di dalam Dewan yang mulia ini, bercakap dengan hati yang ikhlas, apakah dalam pertemuan tersebut, PAS bersetuju dengan cara politik yang dibuat oleh PKR, fitnah, cara pendekatan politik DAP.

Apakah dalam pertemuan itu ulama-ulama berpendapat bahawa memang PAS patut berkawan dengan kelompok pemimpin politik yang fitnah, yang menolak Islam, yang tidak baik yang sebagaimana yang diamalkan oleh rakan-rakan sekalian. Minta, kalau boleh jawab.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih, rakan saya dari Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, makluman rakan-rakan di sebelah sana, pengerusi mesyuarat yang kami adakan selama tiga hari tiga malam itu adalah Tokoh Maal Hijrah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia yakni Dr. Yusuf Al-Qaradawi yang telah mempengerusikan bersama dengan kalau boleh saya sebut beberapa nama lain yang hadir dalam pertemuan tersebut, Syeikh Yusof Al-Qaradawi,

Syeikh Faysal al-Mawlawi, Profesor Kurshid Ahmad, Mahadhir Akif dan sebagainya orang-orang ini yang kita bentang keadaan politik di Malaysia.

Kita bentang suasana politik dan suasana ekonomi yang ada dalam negara kita. Kita bentang apa yang berlaku pada ketika itu dan keputusan dibuat adalah untuk bersama dengan rakan-rakan. Sama ada daripada DAP, sama ada daripada Parti Keadilan Nasional pada ketika itu menjadi satu ketetapan yang jatuh sampai kepada peringkat wajib untuk kita menyatakan pendirian. *[Tepuk]*

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Mohon laluan.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bachok sebut Syeikh Yusof al-Qaradawi, Mahadhir Akif, Kurshid Ahmad, kalau beritahu kepada orang Lenggong, dia ingat baru kelmarin Sheikh baru datang makan tempat dia. Dia bukan tau apa-apa pun. Jadi akan hal perjanjian - seingat saya Yang Berhormat Bachok, dalam sejarah perjuangan Rasulullah SAW Nabi pernah berpakat dengan orang kafir, tetapi tidak ada dalam catatan sejarah Nabi berpakat dengan orang munafik. Itu prinsip asas perjanjian kita.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Machanglah munafik.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Jadi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Machang, munafiklah kamu.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: *[Ketawa]* bila kita sebut...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bertaubatlah kamu. Jangan cerita pasal munafik.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ada apa berlaku dalam Dewan?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *You are the* munafik *of the highest order* Yang Berhormat Machang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Dia tengah mencelah Yang Berhormat. Tidak boleh celah dalam pencelahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Sabar Tuan Yang di-Pertua, dia masa belah ini pun kita tidak boleh kawal, dia terlepas, mujur *Alhamdulillah*. [Ketawa] Jadi Yang Berhormat Bachok...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bukan lepaslah, kamu melutut dengan Anwarlah.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tadi disebut oleh Yang Berhormat Bachok, prinsip kerjasama kita ini sangat jelas. Tidak apa, teruskan. Saya sambung selepas ini. [Ketawa]

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Prinsip kerjasama *atta'awun bil birri wat taqwa*, kita ber *ta'awun*, kita ber *tahaluf*. Perbezaan pakatan kami PAS dan juga rakan-rakan dalam DAP mahupun PKR adalah konsep *tahaluf*, bersepakat untuk membela keadilan bagi kepentingan rakyat, bukan menyatakan *walak* sehingga menggadaikan prinsip dalam perjuangan kita. Pakatan yang ada di sebelah sananya walaupun UMNO sebagai parti yang dominan dalam Barisan Nasional, tetapi kita lihat, banyak prinsip dasar Islam itu sendiri yang tidak dapat dilaksanakan kerana tekanan daripada rakan-rakan mereka berbanding dengan kita dengan pakatan...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kita menyatakan prinsip kita secara jelas. DAP kenal siapa PAS, PAS kenal siapa DAP.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, ya, ya boleh.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Daripada hari pertama kita mengadakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak minta jalan Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Sila.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak cerita pasal pakatan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Lambang pun tidak berani buat sama.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia cerita hari ini. Kita cerita 54 tahun dahulu, membebaskan negara dari belenggu penjajahan. Menubuhkan

parti kerana membebaskan negara dari belenggu penjajahan kerana Allah SWT Itu prinsip kita.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Hari ini...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mereka bersatu kerana hendak menjadikan Yang Berhormat Permatang Pauh Perdana Menteri.

■ 1240

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Kami berpakat untuk...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mereka tubuh pun atas dasar kebencian, rasa iri hati kerana presiden pertamanya kalah pertandingan presiden UMNO. PKR ditubuhkan kerana Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Bukankah mazmumah itu, yang keji semua itu. Ditubuh kerana sifat-sifat keji. Kita ditubuh kerana hendak memerdekakan negara. Kita bersatu MCA, MIC kerana hendak membebaskan negara daripada belenggu penjajahan British.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam belum?

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Kalaupun mereka berpakat untuk membebaskan negara daripada penjajah, kami berpakat untuk membebaskan negara daripada kezaliman... *[Dewan riuh][Tepuk]* Berpakat menyatakan pendirian kita untuk membela rakyat..

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat...

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Untuk membela rakyat dengan segala kemewahan yang dimiliki negara..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tunggu dahulu.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Dengan segala kekayaan yang dimiliki negara dengan segala keupayaan yang dimiliki oleh negara tetapi rakyat masih berada di dalam keadaan menderita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok, *innama a'mal awwalu bil niat* Yang Berhormat Bachok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Niat dia tidak betul. Niat dia tidak betul.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi balik sebab tidak betul.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu, Tangga Batu...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Asal Yang Berhormat Permatang Pauh jadi Perdana Menteri. Inikah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Shah Alam sudah bangun sepuluh kali lebih dah.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya bagi Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dari Barisan Nasional, sekarang pembangkang, dia dapat peluang.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak ingatkan Yang Berhormat Tangga Batu ini, bukan kepala batu ya, minta maaf.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lebih kurang!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak ingatkan. Kalaulah mereka bersatu oleh kerana hendak merdeka, sudah merdeka dah pecahlah!... *[Ketawa]* Duduk bersama buat apa lagi?... *[Ketawa]* Ini hujah yang pertama. Nombor duanya, kalau hendak bawa balik sejarah, mana tadi yang Yang Berhormat Jempol tadi dia hendak cerita tentang PAS ditubuhkan di London dan sebagainya. Kita hendak ingatkan, kenapa PAS yang asalnya merupakan kumpulan ulama di dalam UMNO keluar daripada UMNO dan menubuhkan PAS, kerana apa? Kerana UMNO halalkan..

Seorang Ahli: Loteri!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Loteri! Tanpa mengambil kira halal, haram dan mengatakan bahawa undang-undang Islam dan sebagainya tidak boleh

dipakai, ketinggalan zaman, padang pasir dan sebagainya. Maka itulah sebabnya PAS ditubuhkan iaitu unit ataupun apa yang dipanggil biro agama dalam UMNO keluar tubuhkan PAS kerana UMNO tidak guna Al-Quran dan Sunnah dan Islam sebagai landasan.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, rasanya masih terngiang-ngiang di telinga kita. Satu istilah sejarah pernah digunakan dalam pendidikan Islam..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bachok, itu keluar.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dahulu dia kafirkan UMNO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat dia tak bagi jalan.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya tidak bagi jalan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: UMNO dengan undang-undang Islam, sejarahnya dia kafirkan... Hari ini apa yang berlaku kepada mereka?

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya tak bagi jalan, saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan cakap pasal istiqamah....

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jangan peduli wakil-wakil, parti penyokong judi.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Istilah yang pernah digunakan.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dahulu dia kafirkan UMNO.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Kepada kebangkitan Islam.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia kafirkan UMNO. Dia kafirkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Adalah agar berhimpun ulama-ulama untuk menubuhkan parti PAS.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu ketua pembangkang sepuluh kali kena fikir dahulu.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Untuk..., Islam, ia dianggap sebagai bahaya daripada gunung dan istilah bahaya daripada gunung yang dirujuk kepada Islam daripada zaman itu sampai ke hari ini masih berterusan. Kita lihat kenyataan terbaru yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Turki yang menganggap gerakan ikhwan, yang menganggap tokoh maal hijrah yang diberikan hadiah ataupun anugerahnya sebagai pengganas adalah satu kesinambungan daripada sikap mereka yang negatif terhadap Islam dan perkembangan agama itu sendiri.

Jadi kita minta penjelasan, apa yang dimaksudkan. Nanti kita minta penjelasan kalau boleh daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri terhadap pernyataan beliau di Turki yang merujuk Sheikh Yusuf Qaradawi sebagai pengganas dan merujuk gerakan ikhwan Muslimin sebuah parti yang diharamkan gerakannya di Mesir dianggap sebagai pengganas sedangkan mereka berpartisipasi dalam proses demokrasi tetapi kerana apa yang disebut dalam bahasa Arab sebagai '*Istibdath*' kerana tekanan yang diberikan oleh Kerajaan Mesir kepada mereka, mereka tidak bagi peluang.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Ini berbeza dengan kita. Kita terlibat dalam..., demokrasi menyatakan...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok, minta laluan sedikit.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Apa yang kita hendak tawarkan kepada rakyat secara kita terbuka dan kita menghormati proses tersebut. Malangnya sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, dan sehari demi sehari, hal yang berkaitan dengan demokrasi ini sedang diuji dalam konteks negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kita ingin..

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Minta laluan sedikit.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Dapat penjelasan dalam Dewan ini, daripada siapa pun yang menjawab tentang contohnya, sekali lagi peranan SPR. Dalam..

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok...

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Dalam pengalaman yang sudah banyak kita alami semenjak dari tahun 2008 dalam siri-siri pilihan raya kecil. Saya ingin menyatakan di sini bahawa sebanyak 16 siri...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Pilihan raya. Ini beberapa tuntutan yang pernah dikemukakan oleh *verse* dan dikemukakan oleh Pakatan Rakyat sebelum pilihan raya ke dua belas masih belum dilaksanakan oleh SPR. Bukan sahaja tidak dilaksanakan malah mungkin tidak dikaji langsung oleh SPR terutamanya mengenai penghapusan undi pos, keadilan mendapatkan *media coverage* dan penggunaan dakwat untuk mengundi. Kesemua ini telah dibakulsampahkan oleh SPR sedangkan kita menghormati proses tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor bangun Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok minta laluan sedikit.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Bachok, beri laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bachok tadi tentang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Turki tidak berlaku langsung. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengatakan apa-apa, tentang sesiapa di Turki. Oleh yang demikian, janganlah kita mewujudkan satu soalan yang baru. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya harap Yang Berhormat Hulu Selangor ini banyak membaca. Jangan hanya mendengar, baca dengan kenyataan-kenyataan seperti yang dilaporkan dalam...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hulu Selangor ada di sana. Hulu Selangor ada di sana.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam delegasi ke Turki. Yang Berhormat Bachok tidak ada di sana, jangan fitnah ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hulu Selangor ada di sana, Yang Berhormat Bachok bukan ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Saya juga hairan dengan tindakan pihak polis dalam mengawal hal yang berkaitan dengan demokrasi yang mengacau dan mensabotaj program-program...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ini pemimpin nombor dua parti Islam! Fitnah!

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Anjuran Pas dan Pakatan..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Parti Islam. Ini.... bagi bela sekarang.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Rakyat, antara kes yang telah dilaporkan adalah penangkapan peserta himpunan warga FELCRA Kebangsaan di FELCRA Bandar Seberang Perak pada 1 Ogos lalu yang diadakan di premis yang tertutup dan atas premis persendirian. Mana demokrasinya kalau perhimpunan rakyat untuk menyatakan suara mereka, untuk menyatakan kehendak mereka juga tidak diberikan peluang tersebut? Begitu juga tindakan puluhan pihak polis dan anggota FRU yang menyerbu pentas ceramah PAS di Rengit pada 31 Julai 2010 termasuk merampas pembesar suara, menangkap sembilan orang serta menghalau orang ramai yang hadir di dalam ceramah tersebut.

Saya tidak menolak Tuan Yang di-Pertua kemungkinan sekiranya tuntutan PAS, Pakatan Rakyat dan NGO-NGO dan rakyat keseluruhannya terhadap pemulihan demokrasi tidak dilayan dan diperbetulkan oleh kerajaan. Kita akan melancarkan *insya-Allah* satu lagi perhimpunan besar. Kita adakan besar-besaran!... [Tepuk] PAS ke Istana Negara sebelum Pilihanraya Umum Ketiga Belas yang akan datang untuk kita minta suara kita didengar.

Tuan Yang di-Pertua, ketempangan demokrasi berpilihan raya ini telah menjalar ke dalam kampus baru-baru ini. Saya pelik melihat beberapa peraturan dan prosedur khas yang ditetapkan dalam pilihan raya kampus di Malaysia. Contohnya pelaksanaan *e-voting* yang meragukan yang mewajibkan semua calon untuk melalui beberapa proses penyaringan seperti temu duga dan menghadiri satu program wajib oleh semua calon. Kesempatan ini juga saya ingin membawa suara agensi SUHAKAM yang menyeru rakyat supaya bersatu mendesak kerajaan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri termasuk juga beberapa hak asasi yang lain seperti di *United Nations Human Rights Council* dan juga *Human Rights Watch*.

Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa dengan kelembapan polisi dan strategi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat. Bonus yang diperjuangkan oleh CUEPACS tidak dipenuhi sepenuhnya. Pelaksanaan gaji minimum masih tidak menyeluruh. Malah tekanan inflasi semakin menghimpit rakyat. Hari ini rakyat sudah semakin merasai kenaikan kadar kenaikan cukai yang telah dinaikkan oleh kerajaan daripada 5% kepada 6% bermula Januari tahun 2011. Malahan menurut Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dari tahun 2008 sehingga Mac 2010, sejumlah 132 aduan pengguna telah diterima yang mendakwa telah dikenakan cukai perkhidmatan 5% ke 10% tanpa kebenaran pihak berkuasa. Apabila kita merujuk kepada indeks harga pengguna yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia pada akhir tahun 2010 pula menunjukkan berlaku peningkatan yang ketara dari kebanyakan jenis barang yang disenaraikan seperti makanan dan minuman bukan alkohol 2.4%. Pelbagai barang dan perkhidmatan lain, 2.8%, kesihatan sebanyak 1.6% dan pengangkutan pula 1.4%.

Meskipun Tuan Yang di-Pertua kita ketahui dan kita ketahui terdapat spekulasi-spekulasi yang mendakwa tekanan inflasi pada hari ini berlaku di peringkat total, namun saya menyeru kerajaan supaya bertindak lebih agresif dan lebih tepat dalam melaksanakan polisi yang boleh mengurangkan beban rakyat seperti mengkaji semula pemansuhan subsidi secara berperingkat di bawah program rasionalisasi, subsidi yang dikendalikan oleh PEMANDU. Saya juga berharap Tuan Yang di-Pertua, agar kerajaan lebih proaktif dalam menangani masalah ini terutamanya mengambil perhatian yang serius mengenai kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia yang melamarkan kadar inflasi akan mencecah sehingga 4% sekitar tahun 2011 dan 2012 nanti.

■1250

Apa yang membimbangkan kita Tuan Yang di-Pertua adalah kerajaan tidak *prudent* dalam membelanjakan kesan pengurangan atau penjimatan subsidi serta peningkatan hasil kutipan cukai yang dilaksanakan oleh kerajaan. Pembangunan yang dibuat tanpa melihat kepada *aulawiyat* ataupun *priority*, tidak seimbang, ketirisan dan sebagainya. Perkara ini kita boleh rujuk dalam laporan Ketua Audit Negara setiap tahun. Malah Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sewajarnya berasa malu apabila disenaraikan dalam sepuluh negara membangun yang berhadapan dengan krisis *Illicit Financial Flow* oleh *Global Financial Integrity*. Badan tersebut ringkas melaporkan, saya bacakan dengan izin, “*Financial flows from Malaysia have more than tripled from \$22.2 billion in 2000 to \$68.2 billion in 2008. This growth rate seen in few Asian countries may be a result of significant governance issues affecting both public and private sectors*”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama sepanjang tahun 2010 sehingga Mac 2011 beberapa laporan diperolehi mendakwa ramai rakyat Malaysia bakal dibelenggu dengan status muflis seperti mana yang dinyatakan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Pada tahun 2009 sehingga seramai 1,086 penjawat awam diisytiharkan muflis. Sedikit lagi.

Keduanya, dianggarkan 13,128 golongan muda berusia 25 tahun hingga 34 tahun diisytiharkan muflis. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah data ini berterusan kita buka, kita bongkar, kumpul sahaja data dari mana setakat ini belum lagi yang saya jumpa data-data yang merujuk kepada perkembangan positif yang berkaitan dengan negara kita. Apakah faktor utama yang menyebabkan semua ini berlaku? Antaranya adalah permasalahan yang utama yang berlaku di dalam negara kita adalah hal yang berkaitan dengan *good governance*. Kita sudah kehilangan konsep *good governance* ini kerana terlampau lamanya Barisan Nasional, terlampau lamanya kerajaan ini berada di tampuk pemerintahan mengingatkan, mengakibatkan keuntungan negara, kekayaan negara itu berkitar di kalangan mereka yang tertentu, tidak benar-benar turun kepada rakyat.

Sewaktu kempen di Kerbau telah kita lihat, saya sendiri pergi melihat bagaimana dalam sebuah negeri yang ada dua orang Perdana Menteri masih ada kampung yang belum mendapat bekalan air untuk kepentingan, untuk kehidupan seharian mereka. Isu utama mereka – saya didatangi oleh penduduk apabila berlaku kematian, hendak mandikan jenazah kena pakai air sungai. Sampai ke peringkat itu! Negeri tersebut ada

dua orang Perdana Menteri, yang dahulu dan yang sekarang. So, di mana konsep rakyat diutamakan dan sebagainya? Itu hanyalah slogan-slogan yang diberikan untuk menyedapkan hati rakyat tetapi isu sebenarnya tidak diberikan perhatian oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Sila Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya terpaksa *reverse* semula kepada isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi tentang *Illicit Flow of Fund (IFF)* daripada satu kenyataan yang dibuat oleh *Global Financial Integrity* yang mana mengatakan \$888 bilion sepanjang sepuluh tahun. Saya cuma ingin memberi pandangan Yang Berhormat. Orang yang sama membuat kenyataan tersebut iaitu *Executive Director Global Financial Integrity* ini sebenarnya - betul, *governance is an issue* tetapi sebenarnya di dalam kenyataan beliau, beliau menyatakan sejelas-jelasnya malah sewaktu berada di dalam Dewan Senat Amerika sendiri apabila beliau membuat testimonial, beliau secara jelas dan terang meminta supaya diberi kefahaman yang betul. 65% daripada jumlah USD1 trilion yang mengalir keluar daripada negara-negara membangun iaitu *illicit fund* ini, *transfer of fund* ini adalah *transfer pricing* yang dibuat oleh *multinational corporation*. Ini keluar daripada orang yang memberi kenyataan. Itu satu.

Keduanya, daripada 100, 65% adalah *transfer pricing multinational corporation* (MNC) dan 25% hingga 30% ialah *drug money, racketeering*, salah guna kuasa di antara *economy underground*. Beliau setiap kali dalam ceramah atau penjelasan beliau kepada Dewan-dewan Senat Amerika di UK dan sebagainya, beliau mengatakan nombor satu, jangan ingat duit satu trilion yang mengalir keluar daripada negara-negara miskin ini disebabkan oleh *corruption*. Ada di dalam itu dan ada videonya Yang Berhormat. Jadi saya minta kalau boleh \$888 bilion ini kita juga *concern* tetapi antara satu masalah yang saya ingin minta pandangan Yang Berhormat ialah satu, tentang masalah pembayaran gaji pekerja-pekerja asing yang ada di negara kita ini yang mengeluarkan wang mereka tanpa melalui sistem perbankan yang rasmi. Itu satu. Berbilion dalam setahun.

Keduanya ialah apa yang kita katakan dahulu yang cuba diselesaikan oleh kerajaan ini iaitu perjudian bawah tanah. Ada yang mengatakan sampai \$20 bilion sehingga \$25 bilion. Jadi yang ini mungkin menyebabkan \$888 bilion dalam sepuluh

tahun itu yang menjadi tanda tanya. Jadi sampai sekarang pun kita minta formulanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Belud sendiri menyebut *governance is an issue*. So, di sini..

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta maaf, *governance* dari segi *economic governance, multinational corporation – transfer pricing* dan sebagainya.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: *Whatever it is, economic governance* ataupun sebagainya, ini menunjukkan kegagalan. Ketidakupayaan *government* yang ada ini untuk *apply the good governance system* apatah lagi dalam hal yang berkaitan dengan ekonomi dan peranan *central monetary system* dan sebagainya untuk mengawal dan di mana pula hal yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Apakah peranan penguatkuasaan? Jadi sebab itu saya sebutkan tadi. Ada tiga benda yang mengakibatkan demokrasi kita tercabar secara terbuka sekarang ini. Isu *governance*, isu *political participation* – telah saya sebut sedikit tentang SPR dan peranannya.

Satu lagi isu mungkin ringkas Tuan Yang di-Pertua adalah *media freedom*. Sampai ke hari ini kalau kita lihat Malaysia dikategorikan dalam senarai *economist* ini duduk dalam kategori *flopped democracy* dan antara sebab kita ini dikategorikan dalam *flopped democracy* itu antara isu utamanya ialah hal yang berkaitan dengan *media freedom* di mana empat negeri di dalam Asia Tenggara ini yang telah diletakkan di dalam kategori tidak punya kebebasan media bagi membolehkan mereka yang sepatutnya berperanan memberikan maklumat kepada rakyat atau rakyat pula mendapat maklumat daripada kita. Kita satu standard. Kita *at par* dengan Fiji. Tuan Yang di-Pertua, bila saya tengok *report* tersebut punyalah teruk kita sama dengan Fiji sahaja Malaysia ini sedangkan tadi seperti yang saya sebut ketika saya mencelah Yang Berhormat Jempol berucap kalau kita masuk bakul angkat sendiri memanglah kita ini akan mempamerkan bahawa kitalah *the model of democracy amongst the Muslim world, the model of democracy di South East Asia* dan sebagainya. Akan tetapi hakikat yang sebenarnya tidak berlaku sedemikian dan punca utamanya adalah kerana kegagalan sistem yang ada sekarang ini dalam mengaplikasikan konsep *good governance* yang sebenarnya mengakibatkan kita jatuh di dalam kategori *flopped democracy* yang kalau kita tidak meneruskan usaha untuk melakukan *reform* dan *reform* itu saya lihat tidak lagi upaya di sebelah sana untuk melakukannya, *reform* itu hanya boleh datang dari sebelah sini untuk kita bawa suara ini. Kita berikan tawaran-tawaran baru kepada rakyat sehingga kami menawarkan Buku Jingga! [*Tepuk*] Buku Jingga yang kita tawarkan itu

terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang mengambil *effort* untuk baca Buku Jingga tersebut walaupun saya tahu mereka baca dengan *intention* yang *wallahualam* saya pun tidak tahu apa *intention* mereka. Akan tetapi itulah tawaran kami. Ada yang bertanya macam mana hendak buat? Memanglah sekarang kita tidak buat sebab kita belum duduk lagi di sebelah sana. Kita duduk di sebelah sana dan kita tahu bagaimana kita hendak buat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, ini..

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Oleh sebab itulah kita berikan tawaran dan ada benda yang kita boleh buat dalam tempoh 100 hari. Dalam tempoh 100 hari pun kita boleh menjanjikan dan untuk maklumat Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, segala yang kita tawarkan itu bukan kita buat sambil-sambil bersila, sambil-sambil bersembang – tidak!. Apa yang kami buat itu kami punya satu *team economist*, kami punya satu *team* yang membuat kajian daripada semua sudut dan bukan sahaja tawaran yang kita buat, ia juga akan disusuli nanti dengan satu komitmen yang sungguh untuk mengembalikan kehebatan kepada negara kita ini yang sudah runtuh akibat daripada langaunya sistem yang ada di dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Duduk dahulu Yang Berhormat Kota Belud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mulakan petang nanti Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Nampak lengang kenapa? Ada buat *election* lagi? Sila Yang Berhormat Padang Serai.

14.33 ptg.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam perpaduan. Saya mulakan ucapan saya dengan menjunjung kasih titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Titah Baginda menyentuh pelbagai aspek pembangunan holistik rakyat Malaysia dan negara yang perlu kita teliti dan diaplikasikan dalam kepimpinan terhadap rakyat. Seri Paduka Baginda dalam titahnya ada menyentuh mengenai kepentingan menjaga dan mengekalkan perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat. Namun, apa yang menyedihkan adalah penerapan unsur-unsur negatif dalam sistem pendidikan kita yang sudah tentu akan menggugat usaha mencapai perpaduan, dalam masa yang sama memusnahkan perpaduan yang sedia ada.

Unsur negatif yang saya maksudkan adalah penggunaan novel bertajuk *Interlok* sebagai komponen sastera dalam sistem pendidikan kita. Mungkin ramai di kalangan kita tidak arif akan sensitiviti penggunaan novel *Interlok* dan maksud sebenar yang cuba diuar-uarkan kepada pelajar-pelajar kita, kesan-kesan yang bakal kita hadapi dengan tindakan mempromosikan perwatakan kaum-kaum di Malaysia secara negatif dengan penggunaan kata-kata atau perkataan yang berbaur '*derogative*' akan bukan sahaja membawa kepada penggalakan diskriminasi dan kewujudan sikap prejudis. Panggilan 'P' merupakan satu panggilan yang amat sensitif yang menunjukkan diskriminasi terhadap cara hidup dan perwatakan seorang individu.

Sama seperti perkataan 'sakai' di mana tidak ada sesiapa pun yang suka dipanggil sakai. Malah, mereka daripada keturunan Sakai sendiri akan terus tersinggung jika dipanggil dengan panggilan 'sakai'. Sekarang, perkataan 'P' sudah lama dilupakan walaupun Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat, Azmin Ali menggunakannya terhadap saya. Akan tetapi, apabila kerajaan memperkenalkan buku '*Interlok*', semua anak kita mula menggunakan perkataan ini. Ini yang harus kita padamkan atau hapuskan. Datuk Seri Anwar sendiri apabila meminta saya supaya memaafkan...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama, Yang Berhormat. Sebut nama kawasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri apabila meminta saya untuk maafkan Yang Berhormat Gombak kerana menggunakan perkataan itu, Ketua Pembangkang mengatakan bahawa apabila dia keluar dari penjara, dia akan selesaikan hal itu. Akan tetapi apabila dia keluar, sehingga hari ini tidak ada seorang pun pemimpin mahupun

yang duduk dalam Parlimen ini ataupun yang duduk dalam parti sebagai pemimpin, tidak ada seorang pun yang mengkritik itu. Malah, saya juga sebagai seorang Ahli Parlimen, sebagai seorang pemimpin parti, dikritik habis-habisan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah? Sini, sini. Kota Belud.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, silakan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan. Terima kasih Tan Sri. Tadi dikatakan Yang Berhormat Gombak mengeluarkan perkataan 'P', itu cuma... Akan tetapi saya nak tanya satulah, apakah Yang Berhormat Gombak pada waktu itu, untuk mencari kebenaran ini, diluahkan semasa hanya perjumpaan dengan Yang Berhormat ataupun di depan pemimpin Pakatan Rakyat yang lain? Kalau benarlah di depan pemimpin Pakatan Rakyat yang lain, maknanya yang lain ini bersekongkollah dengan Yang Berhormat Gombak? Begitu ceritanya kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Perkataan ini digunakan di hadapan presiden parti, timbalan presiden dan semua pimpinan dalam Majlis Pimpinan Pusat. Mereka semua tahu. Untuk mereka, keadilan bukan untuk orang-orang lain, keadilan untuk beberapa pemimpin pilihan yang amat penting daripada rakyat biasa ataupun ahli-ahli Keadilan lain. Ada beberapa orang yang datang menceritakan kepada saya dan saya juga kerana terpercayanya dengan perjuangan Anwar itu, saya juga kerana terpercayanya dengan perjuangan Ketua Pembangkang itu, kerana saya juga kerana terpercayanya dengan perjuangan Yang Berhormat Permatang Pauh itu, 12 tahun di situ saya mendiamkan diri juga kerana saya pun dibawa ombak Putrajaya – Perdana Menteri, Putrajaya – Perdana Menteri, sehinggakan kadang-kadang ada mimpi pun jadi Perdana Menteri.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, penggunaan perkataan itu bukan sahaja telah diharamkan di negara India kerana penggunaannya yang menggalakkan diskriminasi, malah usaha diambil untuk terus melupakan atau melenyapkan kewujudan perkataan sedemikian di India. Negara India sebuah negara yang pernah mengagungkan sistem stratifikasi sosial satu masa dahulu sendiri telah melesapkan penggunaan perkataan 'P' itu. Mengapa pula negara Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum dan bangsa, sebuah negara yang mengagungkan prinsip perpaduan ingin membangkitkan atau mengajar anak-anak kita mendiskriminasikan antara satu sama lain?

Panggilan *derogative* ini tidak harus sama sekali digunakan sewenang-wenangnya dalam awam apatah lagi digunakan dalam sistem pendidikan kita. Persoalannya adalah...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Padang Serai, mencelah sedikit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Silakan.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih. Perkataan 'P', saya sebut penuhlah, perkataan "paria" ya. Saya sebenarnya tak tahu daripada mana timbulnya perkataan 'P' ini. Akan tetapi saya dimaklumkan menerusi satu bacaan bahawa memang diajar kepada kita, kaum India itu ada beberapa kasta. Cerita kisah pengembaraan 80 hari tentang bagaimana pembunuhan isteri, pembakaran bila suaminya meninggal.

■1440

Dalam sebuah kitab yang diterjemahkan dalam Rig-veda ada dikatakan bahawa satu peringkat kaum India itu dipanggil keturunan Brahman kumpulan orang yang tahu berkenaan dengan agama. Kemudian yang keduanya lapisan yang keduanya dikatakan Kshatriya golongan raja pahlawan, yang ketiganya keturunan saudagar yang dikatakan Vaisya, yang keempat dikatakan Sudra petani biasa. Satu lagi keluar dikatakan di luar kasta dipanggil Paria. Perkataan ini kita tahu daripada kitab ini, jadi bukan kita yang mencipta perkataan tersebut. Jadi bagaimanakah kita hendak mengatakan bahawa penulis *Interlok* itu yang menguar-uarkan perkataan tersebut. Akan tetapi yang kita dapat pengetahuan ini daripada kitab India sendiri. Bagaimana pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Apa yang saya dengar ini semua memang betul kita semua pelajari. Kita semua ada cara hidup kita. Cara hidup kita semua akan beralih mengikut masa. Saya lahir dalam tahun 60-an kini hidup dalam tahun 2011 sudah beralih cara hidup saya, banyak itu. Ada banyak perkara yang kita mahu lupakan kita mahu tepikan yang perlu dilakukan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Parti pun beralih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Parti juga betul seperti kata Yang Berhormat Lenggong bila beralih sekarang saya sudah beralih, parti ini yang akan membawa celaka kepada negara ini ditepikan. Tidak ada seorang pun daripada Keadilan yang duduk dalam di sini. [Ketawa] Tidak ada?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia tidak berani, tidak berani.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau mahu cakap boleh saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tengok dia takut dengar.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia tidak berani, dia tidak berani.

Saya ingat dia takutlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Parti ini yang...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya ingat dia takutlah, saya ingat dia takutlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Parti ini yang saya fikirkan dahulu saya tanggung tetapi parti itu memang tanggung saya. *[Ketawa]* 12 tahun selepas berpuluh kali keluar masuk bersama-sama dengan Yang Berhormat Batu sehinggakan Yang Berhormat Batu sudah jadi macam kepala batu sudah. 12 tahun duduk dengan saya keluar masuk lokap bila saya keluar daripada parti dia katakan Yang Berhormat Padang Serai *was not performing MP*. Mulut itu sendiri setiap ceramah dia pergi setiap pentas mereka naik termasuk Yang Berhormat Machang, nanti saya bawa hal Yang Berhormat Machang.

Yang Berhormat Batu setiap pentas dia pergi dia mengagung-agungkan, "*Wah inilah the Indian warrior*". Orang India pun tidak ada sebut itu fasal setiap undi di Batu orang-orang India mengundi. Jadi rakan-rakan, Ahli-ahli Dewan panggilan negatif ini tidak harus sama sekali digunakan. *We have to go along times. That time is come for Malaysia to move on.* Seperti kata rakan Ahli Parlimen hari itu memang kita hujah tentang perkataan ini di Jepun, di Tokyo hari itu. Jadi mari kita beralih daripada buku Interlok kepada masa hadapan yang lebih baik di bawah pemerintahan yang lebih baik daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai sedikit, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai. *Don't get carried away* masa berlalu. Saya nampak teks itu ada tebal sedikit, tinggal 15 minit lagi.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sedikit sahaja, sedikit ya?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 30 saat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sebab tadi Yang Berhormat Padang Serai sebut hal Yang Berhormat Permatang Pauh sekejap begini sekejap begini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Padang Serai sebab 12 tahun bukan singkat. Waktu penulis *Interlok* Datuk Abdullah Hussin menerima Anugerah Sasterawan

Negara satu ketika dahulu betul atau tidak waktu itu yang mempengerusikan panel penganugerahan Anugerah Sasterawan Negara itu ialah Yang Berhormat Permatang Pauh. Dahulu kata lain sekarang kata lain betul tidak?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Lenggong saya minta maaf kepada rakan-rakan, Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional. Yang Berhormat Permatang Pauh ini adalah kurniaan Tuhan kepada negara ini betul, kurniaan Tuhan kepada dunia ini betul tetapi pengurniaan beliau kepada dunia ini sebagai seorang yang zalim. Kalau 70-an masa *Interlok* dipengerusikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh betul masa itu agenda Yang Berhormat Permatang Pauh adalah untuk menindas masyarakat-masyarakat lain di negara ini.

Dalam tahun 70-an memang betul, tahun 80-an hari ini Yang Berhormat Lenggong di bawah *banner* UMNO, dalam Parlimen ini Barisan Nasional UMNO sendiri dikudakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dengan membawa satu sistem di mana pimpinan-pimpinan UMNO *indoctrinated to victimize the none Malays in this country*. Ini berlaku selepas 80-an di mana Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi sebahagian daripada kerajaan Barisan Nasional. Hanya selepas 80-an saya sendiri boleh merasakan bahawa ada perbezaan di antara di mana pecah belah perkauman berlaku, pecah belah di antara orang-orang Melayu, Cina dan India. *We look negatively*.

Saya biasa pergi buka puasa. Lepas 80-an orang Melayu tidak berani panggil saya untuk buka puasa. Lepas Yang Berhormat Permatang Pauh mendalami Barisan Nasional, Barisan Nasional nasib baik tidak lemas, 90% mungkin lemas hari itu. Jadi *this is what* Yang Berhormat Permatang Pauh kepada kita. Biar saya teruskan. Betul bukan sahaja setakat *Interlok* itu tetapi banyak lagi peristiwa-peristiwa tetapi apa yang saya melihat bila Yang Berhormat Permatang Pauh kena lebam mata hitam itu saya fikirkan *that one blow and that black eye has darken all the evil spirit in him. Looks like all those evil spirit are still alive in him!* Dengan izin. *[Disampuk]*

Persoalannya, adakah sistem pendidikan kita menggalakkan penerapan nilai diskriminasi? Jika kita mengapa buku yang mengandungi unsur berbaur diskriminasi diluluskan dalam penggunaan sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pencapaian perpaduan menyeluruh kita sering lupa akan komponen-komponen utama yang menjadi teras atau inti pati utama dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu. Teras perpaduan masyarakat bermula dari perpaduan di peringkat keluarga kemudian di peringkat bangsa dan agama dan kemudian dilanjutkan ke masyarakat dan ke peringkat perpaduan nasional.

Penggunaan buku *Interlok* dalam sistem pendidikan kita akan menjejaskan pembentukan perpaduan di semua peringkat. Masyarakat India di Malaysia sudah lama melupakan konsep kasta. Akan tetapi penggunaan buku *Interlok* dan penyemarakan konsep kasta di mana seseorang individu akan lebih melihat perbezaan antara satu sama lain daripada persamaan antara mereka. Apakah ini perpaduan yang diilhamkan oleh kerajaan kita Tuan Yang di-Pertua? Dengan jelas kita dapat lihat penggunaan buku *Interlok* dalam sistem pendidikan akan menggalakkan perpecahan antara satu sama lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sedikit?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini. Okeylah 30 saat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya tidak terperanjat Yang Berhormat dahulu di hadapan saya sekarang di tepi saya. Sebab Yang Berhormat ini seorang pejuang yang benar-benar memperjuangkan rakyat. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah mungkin sebabkan PKR ini pembangkang memainkan sentimen perkauman Yang Berhormat keluar daripada parti ini bukan kerana Yang Berhormat tidak *perform* dalam selaku wakil rakyat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan rakan saya dahulu, kini dan selama-lamanya. *[Ketawa]* Memang kita berhujah di atas teks ataupun prinsip berlainan tetapi apa yang Yang Berhormat Kinabatangan katakan itu semua betullah. Saya pun terima dan saya *include* dalam teks saya dan perkataan yang menunjukkan perbezaan taraf.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Antara satu sama lain seperti perkataan 'P' dan bahan-bahan yang menggunakan perkataan sebegitu harus kita jauhi daripada anak-anak kita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencelahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apatah lagi menggunakannya dalam sistem pendidikan. Memandangkan sudah ramai yang tahu akan mesej yang cuba disampaikan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sekejap sahaja, sekejap. Oleh buku tersebut kerajaan harus menghentikan penggunaan buku *Interlok* dalam sistem

pendidikan serta-merta bagi menunjukkan komitmen kerajaan dalam menggalakkan perpaduan. Malah pegawai-pegawai kerajaan yang meluluskan penggunaan buku Interlok dalam sistem pendidikan harus diambil tindakan untuk menyampaikan mesej. Bahawa kerajaan tidak akan bertoleransi dengan sebarang elemen berbaur hasutan dan diskriminasi antara kaum. Persoalannya sekarang sudahlah sejauh mana kerajaan akan menunjukkan komitmen menyeluruh dalam memperbaiki usaha pencapaian perpaduan.

■1450

Jika kerajaan tidak sanggup menunjukkan komitmen mereka, maka saya syorkan konsep 1Malaysia turut dimansuhkan serta-merta kerana 1Malaysia akan hanya menjadi slogan mulut tanpa erti, makna dan aplikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru agar kerajaan mengambil tindakan yang drastik ini supaya orang-orang seperti Yang Berhormat Permatang Pauh dan Ketua Pembangkang tidak dapat menggunakan beberapa pegawai kerajaan untuk membawa masalah-masalah seperti ini supaya rakyat benci dengan kerajaan yang ada hari ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencelahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, sekejap.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Machang, okey kah Yang Berhormat Machang?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, terima kasih. Saya hendak ucapkan tahniah kerana ucapan yang begitu bernas sekali daripada Yang Berhormat Padang Serai. Juga saya belum sempat lagi mengucapkan tahniah kerana mengambil keputusan keluar daripada Parti KEADILAN, menjadi seorang yang Bebas, betul-betul 'bebas'. Saya hendak ucapkan terima kasih kerana menggunakan slogan 'Dahulu, Kini dan Selama-lamanya'. Itu slogan UMNO. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seperti... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan tadi, Yang Berhormat Lenggong juga terperangkap dengan ideologi-ideologi Ketua Pembangkang di mana masih dalam UMNO sendiri belum 100% dibersihkan ideologinya. Saya harap Yang Berhormat Pasir Salak juga, yang bekas kawan baik Yang Berhormat Permatang Pauh itu - lebih baik daripada saya juga dahulu, tetapi bukan kini dan selama-lamanya saya harapkan. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Padang Serai, saya dahulu, kini dan selamanya tidak percaya Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, PKR sering menyamakan Kerajaan Pusat dengan kegiatan korupsi yang dilakukan selama lebih 50 tahun pentadbiran. Apa yang memeranjatkan saya ialah kebolehan PKR memaparkan elemen-elemen korupsi pada kadar yang lebih tinggi dalam tempoh yang paling singkat, iaitu tiga tahun menguasai puncak pentadbiran negeri.

Menyentuh aspek sistem pemerintahan yang telus dan efektif, adalah diakui bahawa pembangunan holistik sistem pendidikan negara amat bergantung kepada penggunaan peruntukan kerajaan dengan bijak. Peruntukan yang diberi terutamanya untuk pembangunan infrastruktur dan pelaksanaan program untuk pelajar haruslah dipastikan digunakan dengan bijak tanpa sebarang masalah.

Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah wang untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil di negeri Selangor dan juga sekolah-sekolah Cina dan sekolah agama rakyat. Malangnya, walaupun pemberian peruntukan menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor terhadap pembangunan sekolah-sekolah di negeri Selangor, namun cara peruntukan tersebut menimbulkan kemusykilan bahawa wujudnya elemen-elemen penyelewengan.

Peruntukan yang diberikan kepada sekolah agama dan juga sekolah jenis kebangsaan Cina telah disalurkan terus kepada sekolah-sekolah tersebut. Namun, peruntukan bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil disalurkan menerusi persatuan bukan kerajaan (NGO). Persoalannya sekarang adalah, adakah Kerajaan Negeri Selangor kurang berkemampuan untuk mengurus isu-isu berkaitan sekolah Tamil atau sengaja tidak ingin memberi perhatian terus kepada sekolah Tamil?

Sejumlah RM2 juta daripada RM3 juta yang diperuntukkan telah disalurkan kepada NGO, manakala baki peruntukan diberi kepada sekolah yang hanya bersetuju untuk membeli 24 komputer dengan harga RM80,000 daripada tiga NGO tersebut. Apakah rasional di sebalik tindakan sedemikian? Di manakah letaknya kredibiliti dan pengurusan peruntukan tersebut? Di mana wujudnya ketelusan dan pengurusan dana dan peruntukan?

Ingin saya ingatkan bahawa dana atau peruntukan kerajaan harus diuruskan untuk sampai terus kepada mereka yang seharusnya menerima. Apa yang dilakukan adalah sekolah Cina diberi terus RM6 juta., sekolah agama rakyat diberi terus, tetapi sekolah Tamil sahaja. Masalah ini telah saya bangkitkan dalam beberapa mesyuarat di

peringkat pimpinan tertinggi. Apa yang dikatakan oleh orang yang hari-hari mimpi untuk menjadi Perdana Menteri, *I will take action!* Kemudian dia katakan, *we will take this plenary action*. Tiga bulan kemudian, apabila saya tanya ini bukan untuk satu tahun 2010, ini untuk tahun 2009 juga prinsip yang sama digunakan.

Ketua Pembangkang telah berjanji kepada saya bahawa beliau akan mengambil tindakan tatatertib terhadap Exco yang merompak duit ini. Akan tetapi, apabila tiga bulan kemudian saya bertanya, beliau mengatakan kalau kamu tidak setuju, kamu boleh pergi *join* sama MIC. Inilah orangnya, yang selalu dia naik pentas. Gobalakrishnan... *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* *[Ketawa]* Inilah ini - bukan sekali sahaja dia katakan kepada saya. Yang Berhormat Permatang Pauh beritahu saya, kalau tidak setuju pergi *join* MIC. Malah dua kali lagi mengatakan kepada saya, *if you cannot agree you can go and join* Barisan Nasional.

Saya hari ini keluar daripada Parti Keadilan Rakyat bukan kerana tamak kepada apa-apa. Saya ini manusia yang mulia, manusia yang alim. *[Ketawa]* Saya perjuangkan 12 tahun itu. Saya tidak pernah tamak. Rakan-rakan saya yang duduk di sini, semua tahu. Yang Berhormat Merbok tahu, Yang Berhormat Indera Mahkota pun tahu, semua tahu. Akan tetapi, jangan cabar saya! Ketua Pembangkang atau sesiapa pun.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau Yang Berhormat Indera Mahkota mahu cakap, tolong. *But just make it very short, please.*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, ya. *I make it very short, do not worry.* Saya cuma hendak tanya, dahulu duduk di sana tidak pernah pun ada teks di tangan. Sekarang ini tebal pula itu. Itu sahaja soalan saya. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Indera Mahkota seorang yang intelek, terpelajar dan Yang Berhormat Indera Mahkota pun dia memang buat teks sendiri. Macam saya buat teks sendiri, dia pun buat. Akan tetapi, *problem* sekarang saya BEBAS. Bila saya BEBAS, setiap hari saya tidak perlu turun untuk berceramah. Saya tidak perlu bawa fitnah yang dibawa seperti Yang Berhormat Machang semalam. *[Tepuk]*

Saya ada masa untuk buat teks. Dahulu hanya Ketua Pembangkang, anak Ketua Pembangkang, Timbalan Presiden, Yang Berhormat Machang dan beberapa orang ini mereka ada kemewahan untuk adakan *personal assistant* yang setaraf dengan mereka. Orang macam saya ini tidak boleh, kerana apa? Kerana dalam gaji saya mereka

mengatakan saya tamak, tetapi seorang daripada Ahli Parlimen Keadilan pun tidak pernah membayar untuk *installment* kereta *bodyguard* Ketua Pembangkang.

Sehingga hari ini, saya membayar untuk dua kereta. Kalau hendak maklumat lanjut pun saya boleh berikan. Daripada adakan seorang pembantu yang saya perlu bayar RM2,000 saya korbankan untuk membayar kereta *bodyguard* supaya bakal Perdana Menteri kita selamat, tidak hilang kaki atau tangan. *[Ketawa]*

Saya percaya Yang Berhormat Indera Mahkota ataupun Yang Berhormat Merbok yang duduk di sini pun, bekas pemimpin korporat tidak pernah. Akan tetapi sehingga hari ini saya masih bayar untuk dua buah kereta. *[Disampuk]* Daripada pejabat Ketua Pembangkang tidak ambil inisiatif langsung untuk memperbetulkan, malah saya sudah ambil balik satu kereta, satu kereta lagi sudah ghaib, hilang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai. Masa Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Teks itu saya tengok masih tebal lagi Yang Berhormat. Tidak baca pun.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta laluan. Saya hendak tanya soalan penting. Pertamanya, saya hendak mengalu-alukan Yang Berhormat Padang Serai masuk ke BEBAS ini. Saya meramalkan Yang Berhormat akan masuk suatu hari - cuma hujung tahun ini, tetapi lebih awal daripada ramalan saya. Jadi, tahniah.

Cuma saya hendak tanya, sebab ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan Yang Berhormat tinggalkan PKR ini kerana Yang Berhormat tidak dapat menjadi Naib Presiden PKR. Ini tuduhan peribadi. Jadi Yang Berhormat elok jawab supaya *clear* kewibawaan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen. Saya ucapkan tahniah sebab salah satu antara Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, yang fasih berbahasa Melayu. Saya ucapkan tahniah. Terima kasih.

■1500

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasihlah. Walaupun Yang Berhormat Pasir Mas ini saya serang tetapi saya hendak katakan di sini, saya ini tidak pernah dalam 12 tahun tinggalkan MIC sebagai Setiausaha Agung Pemuda, tidak pernah untuk jawatan saya tinggalkan. Malah Ketua Pembangkang sendiri boleh hadir dalam Dewan ini dan beritahu kalau saya jumpa beliau untuk jawatan, tidak pernah. Saya letak jawatan keluar dari MIC, saya menjadi ahli biasa. Kemudian saya menjadi

Ketua Penerangan Cabang, Bahagian Bandar Tun Razak, menjadi Timbalan Ketua Cabang, Menjadi Exco Pemuda, menjadi Penolong Setiausaha, menjadi Naib Ketua Pemuda, menjadi ahli majlis pimpinan pusat, ini semua bukan kerana – berlaku sekelip macam *magic* seperti Yang Berhormat Gombak boleh lakukan.

Saya berusaha dan rakan-rakan dari Parti Islam Se-Malaysia sendiri pun tahu bahawa saya telah berusaha sebelum tinggalkan KEADILAN. Saya berusaha kuat untuk cuba menjadi ahli Parti Islam se-Malaysia ataupun DAP, ini betul. Akan tetapi apa mahu buat kerana mereka tidak mahu terima, mereka takut orang yang kalau masuk internet boleh membaca membina jambatan dari bumi ke bulan. Saya buat ucapan itu merasmikan kelab penyokong PAS untuk Parti Islam se-Malaysia. Hari ini Yang Berhormat Machang, semalam Yang Berhormat Machang telah menghina.

Saya betul-betul marah Yang Berhormat Machang bukan kerana Yang Berhormat Machang katakan bahawa saya ini ambil duit, saya tidak marah tetapi Yang Berhormat Machang membawa dokumen-dokumen di mana keluarga saya membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri Kelantan, membawa dokumen itu ke Dewan ini dan menghina Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Aziz. Dia itu munafik kah, apa perkataan saya pun tidak tahu. Kalau Yang Berhormat Machang mahu hujah atau debat, boleh saya silakan. Ada tohmahan yang tidak berasas daripada Ahli Parlimen Machang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, tiga minit lagi Yang Berhormat, tiga minit lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah ingatkan Yang Berhormat dari tadi lagi, teks nampak tebal tetapi *get carried away*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 12 tahun...

Tuan Yang di-Pertua: Kecuali Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bersetuju untuk Yang Berhormat bercakap lebih lanjut. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya 12 tahun duduk dalam Parti Keadilan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah mulai bising, tiga minit, tiga minit. Yang bersetuju itu yang suka dengar Yang Berhormat, yang tidak bersetuju tidak suka dengar. Saya tiada pilihan lain, terpaksa dengar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita dengar suara lebih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tidak berlaku adil!

Tuan Yang di-Pertua: Sila tiga minit, tiga minit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Singkatkan dalam tiga minit, boleh, Yang Berhormat boleh buat, saya tahu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, selepas 12 tahun baru saya bebas, udara saya hirup pun saya rasa bebas. Jadi dalam Dewan yang mulia ini saya rasa bebas betul-betul depan Tuan Yang di-Pertua ini. Jadi saya meneruskan subjek penyelewengan memandangkan baru-baru ini saudara Ahli Parlimen Machang, ini tidak apalah, ini satu dunia sudah tahu. Yang saya mahu bawa adalah saya minta Yang Berhormat Machang supaya tidak perlu cerita fasal yang lain, sebagai Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat, saya minta Yang Berhormat Machang siasat ataupun buat kajian tentang penyelewengan-penyelewengan Parti Keadilan Rakyat dan ahli-ahlinya. Penyelewengan ketua umum mereka, penyelewengan presiden, timbalan presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, bahas Titah Ucapan Diraja, bukan mengenai dengan soal parti.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ekonomi. *[Ketawa]* Saya hendak bawa kepada penghapusan percetakan wang kertas RM1,000 dan RM500 di negara ini. Pernahkah Yang Berhormat sekali-sekala menyiasat, Yang Berhormat Machang dengan sendiri menyiasat kesahihan berita bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyeludup keluar wang dalam beberapa beg-beg yang dibekalkan oleh Syarikat Magnum Finance, kapal terbang yang dibekalkan dan duit-duit ini dibawa keluar ke Indonesia. Apabila kerajaan melonggarkan syarat dua bulan, dalam masa dua bulan RM5.2 bilion telah di *cash* kan. *[Dewan riuh]* Jadi saya hendak tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Padang Serai, duduk dulu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ekonomi ini, ekonomi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat, saya belum bercakap, duduk dulu Yang Berhormat.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Masalah negara ini, bagi dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan kembali bahawa apabila berhujah tolong elakkan sama sekali untuk melemparkan tuduhan-tuduhan Yang Berhormat sendiri pada akhirnya tidak dapat buktikan. Paling cantik berhujah, kita dengar hujah kita, kita syok sendiri tetapi risiko harus diingat setiap kali kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ini bertanggungjawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya benarkan lagi seminit, lepas itu tolonglah Yang Berhormat gulung.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya selalu praktikkan, usah bicara tentang risiko kalau perjuangan mahu dimulihkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Satu risikonya Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tidak berhenti dalam seminit, Yang Berhormat saya suruh rehat di luar sekejap. Jadi kalau sanggup menghadapi risiko tersebut, boleh berucap lima minit lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak dikhabarkan menyimpan berjuta-juta di Singapura dan ini dikatakan sendiri oleh Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat kepada saya. Yang Berhormat Gombak simpan berjuta-juta. Saya juga hendak katakan bahawa RM50 juta telah dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan diberikan kepada seorang pemimpin politik untuk masuk menjadi ahli Parti Keadilan Rakyat. Ini dikatakan sendiri oleh Ketua Pembangkang kepada saya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hidup Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi kalau mereka mahu, mereka boleh tanya saya untuk lebih bukti supaya saya boleh menjelaskan dengan lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua: Okey terima kasih Yang Berhormat, sudah, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta lima minit lagi boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah benarkan lebih kurang lima minit ekstra Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya ikhlas berjuang untuk rakyat. Saya tidak ada apa-apa niat, malah saya telah meninggalkan KEADILAN pada tahun 2004 untuk pergi berkebun

sayur di Cameron Highlands. Dalam masa itu, rakan-rakan seperti Yang Berhormat Machang juga turut datang ke kebun saya, pernah rasa sayur saya dan Yang Berhormat Machang sendiri hebohkan di atas semua pentas tentang kehebatan cara saya berkebun. Akan tetapi selepas 12 tahun, apabila saya keluar sahaja, Yang Berhormat Machang menunjukkan taringnya bahawa beliau seorang yang zalim. Beliau yang hari itu keluar daripada Parti Keadilan Rakyat, kemudian menangis dan mengatakan kepada kami, *"I cannot take it anymore, Azmin Ali is everything for Anwar"* tetapi hari ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat. Masa tidak mengizinkan lagi Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hari ini selepas beberapa tahun berehat dengan satu yayasan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Aziz, hari ini kembali kepada KEADILAN dan mahu menghina kembali Tok Guru Nik Aziz. Itu saya tidak boleh terima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa kita rakan-rakan daripada PAS dan juga DAP sedar bahawa satu hari mereka juga akan ditelan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hidup Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ledang.

3.09 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam Menjunjung Kasih Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi di peringkat awal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat kita Yang Berhormat Padang Serai kerana telah pun begitu berani menyatakan apa yang terbuku dalam hatinya. Saya penuh yakin itu adalah segala kata-kata yang ikhlas keluar daripada mulut Yang Berhormat Padang Serai.

Seorang Ahli: Ada masuk...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kalau saya merujuk kepada Ibnu Khaldun mengatakan bahawa politik ini adalah untuk menyuburkan bumi, bukannya untuk merosakkan bumi.

■1510

Kita berpolitik bukan mengarah kepada kebinasaan dan kerosakan tetapi lebih kepada menyuburkan bumi. Saya meneliti Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong,

kesemuanya menjurus kepada sebuah negara yang diimpikan iaitu negara yang aman, makmur dan sejahtera dan menepati tuntutan agama Islam. Ini tidak boleh dinafikan Tuan Yang di-Pertua kerana Islam memang mengajar manusia supaya mencari kebaikan semata-mata, mencegah yang mungkar dan membina kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pandai berhujah politik tetapi saya hendak menyahut sedikit tentang satu senario dahulu bagaimana situasi dalam sistem pendidikan negara, dalam sekolah-sekolah. Zaman saya bersekolah dahulu Tuan Yang di-Pertua, yang sebaya dengan saya, apatah lagi yang lebih senior daripada saya seperti Yang Berhormat Johor Bahru tidak ada masalah di kalangan murid antara Melayu, Cina dan India.

Sekolah kebangsaan penuh dengan pelajar-pelajar atau murid-murid bukan Melayu, murid-murid Cina dan India penuh, tetapi lama-kelamaan apatah lagi sekarang seolah-olah Tuan Yang di-Pertua sekolah kebangsaan itu adalah sekolah Melayu dan sekolah bukan kebangsaan memang bukan sekolah Melayu. Semasa saya bersekolah dahulu tidak ada masalah dan perkara ini tidak timbul.

Akan tetapi apabila saya renungkan semula Tuan Yang di-Pertua, tadi pun Yang Berhormat Padang Serai *confirm* ada satu era Tuan Yang di-Pertua di mana sistem itu rosak iaitu semasa Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Pendidikan. Diubahnya segala sistem dengan segala falsafah yang dibawa entah daripada mana walaupun labelnya Islam, tetapi penuh dengan pendekatan-pendekatan yang akhirnya menjurus kepada sekolah kebangsaan menjadi sekolah Melayu dan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok sekolah menengah kebangsaan, sekolah kebangsaan kalau saya Melayu jadi Cina dan India pun saya tidak mahu masuk sekolah kebangsaan.

Sebab *environment*, suasananya Tuan Yang di-Pertua sudah berubah. Kalau di sebuah sekolah di Ledang terus terang saya katakan namanya sekolah menengah kebangsaan tetapi sekali masuk sudah seperti sekolah agama. Makna *environment* itu tidak memberi ruang ataupun tidak menggamit dan tidak menggalakkan murid-murid ataupun ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah tersebut kerana mereka bimbang Cina akan jadi Melayu, India akan jadi Melayu. Cina akan hilang budaya mereka dan begitu juga India akan hilang budaya mereka dan perkara ini dahulu tidak berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Zaman saya bersekolah dahulu tidak berlaku, di dalam kelas dan bilik darjah saya ramai orang Cina, ramai orang India dan kita tidak ada masalah berhubungan antara satu sama lain, kita saling memahami hubungan baik antara satu sama lain tetapi sekarang sudah berubah. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, itulah peninggalan satu legasi Yang Berhormat Permatang Pauh semasa menjadi Menteri Pelajaran dan kesannya hingga sekarang yang saya menyeru Menteri Pelajaran, buatlah sesuatu supaya kita benar-benar mengarah kepada satu sekolah yang boleh di...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Di apa?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh diserasikan dengan semua murid-murid tidak kira murid Melayu, murid India ataupun murid Cina.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang masalah sekolah kebangsaan ini telah dilihat sebagai terlalu Melayu atau terlalu Islamik. Mungkin kadang-kadang kalau kita pergi ke sekolah kebangsaan ini, pendekatan kita ini terlalu melampau sedikit.

Kadangkala kita lalu terdapat ayat-ayat suci al-Quran. Saya tidak ada masalah dengan itu tetapi kalau di dalam kawasan-kawasan yang mempunyai pelajar-pelajar yang bukan Islam yang ramai, saya rasa pendekatan yang dibuat tidak perlulah melabelkan tandas itu dengan bahasa Arab contohnya, tidak perlulah kita mengatakan falsafah-falsafah Arab itu diketengahkan.

Akan tetapi yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat ini. Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh legasinya sebagai Menteri Pendidikan. Saya hendak tanya juga dalam konteks politik, dalam zaman UMNO dahulu pun sebelum kemasukan Yang Berhormat Permatang Pauh ini, politik wang bukanlah satu perkara yang begitu besar. Ini semua orang UMNO tahu tetapi oleh kerana keinginan Yang Berhormat Permatang Pauh pada waktu itu untuk menjadi Timbalan Presiden UMNO, untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas Dr. Mahathir maka apa yang berlaku ialah satu gerakan membeli undi, menggunakan bermacam-macam helah untuk membeli undi ketua-ketua bahagian. Apa pendapat Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Ledang, sekali. Dua minit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oleh kerana Yang Berhormat Kuala Langat ini kawan baik saya, terpaksa beri juga.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya tekun mendengar hujah Yang Berhormat Ledang berkenaan pendidikan iaitu cara kita membawa ideologi generasi baru. Saya hendak tanya secara peribadi, adakah Yang Berhormat Ledang menafikan pendidikan itu penting untuk kita mengangkat wacana rakyat berdisiplin yang mengarah kepada keagamaan itu lebih mulia ataupun kita hanya berbicara sekadar soal kebangsaan yang tidak tahu hala tujunya.

Adakah Yang Berhormat Ledang juga berpandangan bahawa cara itu sebenarnya tidak sesuai dalam keadaan kita hendak mendidik rakyat kita cara berdisiplin dan cara menutup aurat yang baik dan mendapat ilmu dengan cara yang telah pun diberikan dan ditetapkan oleh Rasulullah SAW. Mohon penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat dahulu. Itu dari satu sudut bermaksud begini, janganlah salah anggap dengan kenyataan saya. Maksudnya saya kata *environment*. Jangan kita terlalu menjurus kepada pakaian. Pakaian kita boleh disiplinkan, tidak ada masalah. Ada jenis pakaian walaupun pakaian bukan orang Melayu tetapi menutup aurat. Jadi kita tidak menjurus kepada pakaian.

Soal disiplin saya setuju, tetapi ada caranya dan apa yang penting ialah kekuatan dalaman bagaimana kita boleh mendidik anak-anak murid kita tahu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk dan bukan kita hasut mereka dengan igauan-igauan yang menakutkan apatah lagi sekarang.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tidak ada syurga neraka maksudnya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi Yang Berhormat Kota Belud terima kasih. Saya sebenarnya tidak bimbang sangat dengan politik wang kerana boleh dielakkan dan itu memang kita sedia maklum bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu kita sama-sama menyaksikan ingin bertanding Timbalan Presiden dan banyak cerita yang susah kita hendak nafikan dan itu adalah peninggalan beliau sebenarnya, tetapi yang paling saya takut sekali Tuan Yang di-Pertua ialah dahulu yang kita pun terbawa-bawa kecuali Yang Berhormat Johor Bahru, dia daripada dahulu memang menentang sebab dia nampak masa depan yang gelap dalam UMNO kalau perkara itu diteruskan.

Paling saya takut ialah walaupun memang menjadi satu kebiasaan dalam Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua Melayu hendak naik, gunakan sentimen perkauman, orang Melayu hendak popular akan menggunakan sentimen perkauman, orang Cina hendak popular pun akan menggunakan sentimen perkauman. Perkara ini pernah disebut dan saya pernah *argue* dengan P.A. bekas Menteri Kesihatan semasa beliau mula hendak naik. Dia kata perkara biasa, kalau mula hendak naik menjadi hero dalam sesuatu kaum, kena gunakan sentimen perkauman.

■1520

Begitu juga orang India. Itu perkara biasa. Itulah perkara yang berlaku dalam negara Malaysia. Sebenarnya tidak boleh jadi satu perkara biasa. Tidak boleh diamalkan. Namun itulah lumrah yang berlaku. Inilah Yang Berhormat Kota Belud, yang dulu diamalkan, dibuat dan dilakukan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semasa beliau mula hendak meningkat, hendak naik dan mendapat tempat. Beliau, Yang Berhormat Permatang Pauh menggunakan sentimen perkauman dengan hujahnya yang boleh menaikkan semangat perkauman itu. Maka ramailah penyokong-penyokongnya.

Kalaulah UMNO itu Tuan Yang di-Pertua, dilabelkan sebagai parti perkauman, pernah berlaku satu ketika sebenarnya. Sebenarnya itu adalah peninggalan Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh. Itu peninggalan beliau. Pada masa itu memang terlalu ramai yang taksu dengan Yang Berhormat Permatang Pauh semasa beliau berada dalam UMNO kerana sentimen perkauman itu.

Namun apabila beliau keluar daripada UMNO, mereka mengatakan bahawa UMNO itu parti perkauman, Tuan Yang di-Pertua sedangkan sejarahnya daripada dulu bagaimana UMNO ditubuhkan sampailah sekarang. Dia tidak berteraskan perkauman. Kalau orang kata BN itu perkauman, itu adalah satu pakatan yang ideal sebenarnya.

Malah dalam sistem selepas Nabi wafat pun dulu, bagaimana hendak memilih khalifah, dipanggil sistem *bai'ah*. Dipanggil persetujuan antara berbagai-bagai kumpulan, berbagai-bagai puak. Kalau kita boleh rujuk ke situ, sekurang-kurangnya kita merujuk dan kita mengambil pendekatan puak-puak dalam konteks negara Malaysia...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Daripada puak satu, puak Cina, puak India, puak Melayu...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Ledang, hendak buat pembetulan sikit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Didapatkan persetujuan untuk mendapatkan satu persetujuan...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang mendapat persetujuan ramai.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Ledang, hendak buat pembetulan sikit sahaja. Bukan *bai'ah* tetapi *syura'*. Jadi kalau hendak cakap itu bagi betul.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Bai'ah* itu persetujuan. Kemudian sebelum itu *syura'*. Tidak apalah. Satu perjanjian. Sebelum itu *syura'*. Okeylah.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Bukan. Hendak cakap itu bagi betul. Kita hendak buat teguran. Kalau tahu, bagi tahu. *Bai'ah* itu ketaatan. *Syura'* itu mesyuarat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Syura'* itu mesyuarat. Selepas itu menjadi *bai'ah*. Tidak apalah. Okey. Kita terima itu. Satu teguran yang baik. Itu yang berlaku.

Saya yakin sistem yang kita gunakan ini adalah – sistem yang digunakan oleh BN ini adalah menjurus ke situ. Sistem yang digunakan oleh Barisan Nasional ini adalah menjurus ke situ walaupun mungkin tidak seratus peratus tepat. Sekurang-kurangnya menjurus kepada perkara itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Yang Berhormat Kota Belud.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu saya hendak beralih kepada tajuk lain. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Multiracial*, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Multiracial party* kerana tadi pasal *multiracial*. Boleh mencelah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya, sila.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. UMNO adalah parti yang berasaskan kaum. Ia tidak perkauman. Itu harus kita perhatikan dan harus persetujui. Ia bukan perkauman. Kalau perkauman, dia tidak akan berkongsi kuasa. Dia tidak akan meletakkan bangsa-bangsa yang lain bersama-sama

dalam kabinet dan membuat keputusan mengurus kerajaan. Kita berdasarkan kaum, betul. Namun tidak pernah perkauman. Begitu juga MCA dan MIC.

Saya cuma ingin meminta pandangan Yang Berhormat. Di dalam sejarah politik Malaysia ini, parti yang berasaskan berbilang kaum ini nampaknya gagal. Gagal. Saya tidak tahu kenapa tetapi gagal. Kalau di Sabah contohnya, parti BERJAYA dahulu yang mengalahkan USNO. Setelah dapat bertahan hanya sembilan tahun. Walaupun pada mulanya cantik tetapi akhirnya kepentingan-kepentingan kaum itu meresap ke dalam sistem parti itu. Oleh kerana mereka berada dalam satu parti, maka akhirnya pemimpin-pemimpin yang berlainan kaum ini di dalam parti yang sama ini bergaduh dan akhirnya parti itu akan hancur.

Oleh sebab itu dalam konsep Barisan Nasional ini, saya minta pandangan Yang Berhormat. Mungkin inilah sistem yang sesuai untuk negara kita di mana kita ada parti yang berasaskan kaum tetapi bernaung dalam satu parti yang lebih besar iaitu parti Barisan Nasional. Oleh sebab itu kalau ada pun pergeseran di antara kaum, parti, di antara ahli anggota BN sahaja yang mungkin ada masalah tetapi parti Barisan Nasional itu stabil dan memberi kesinambungan kepada kestabilan politik negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Kita sudah melalui sejarah selama lebih 50 tahun dan hasilnya apa yang dirumuskan – apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi, hasilnya ialah yang kita sedang nikmati sekarang dan kita telah pun merdeka 53 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kehidupan yang betul-betul saya nampak lebih kepada suasana aman, makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk ke tajuk lain. Apa yang kita hujahkan dan rakan-rakan hujahkan tadi soal politik dan sebagainya ialah untuk menjadikan negara kita aman makmur dan sejahtera. Titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang ekonomi, tentang alam sekitar dan sebagainya. Kepada saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat ini akan musnah sekiranya salah satu faktor Tuan Yang di-Pertua. Kita lupa. Iaitu kita mesti serius tentang alam sekitar. Selama ini kita menggunakan sains dan teknologi. Dunia menggunakan sains dan teknologi untuk memajukan bumi. Akan tetapi sains dan teknologi itulah juga yang memusnahkan alam, memusnahkan bumi.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena balik kepada fitrah. Kita juga tidak menafikan bahawa sains dan teknologi juga boleh mengembalikan atau boleh memulihara alam

atau dunia ini. Sebagaimana kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menggariskan dasar teknologi hijau. Kepada saya dan semua sedia maklum bahawa teknologi hijau adalah apa-apa pendekatan. Apa pun pendekatan ataupun aplikasi perkakasan yang boleh memulihara alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang sejauh mana rakyat Malaysia benar-benar faham tentang teknologi hijau. Sejauh mana rakyat Malaysia faham? Saya ingin bertanya kepada kementerian sejauh mana dalam ukuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ini dapat menjelaskan kepada kita tentang ukuran, kefahaman rakyat Malaysia terhadap teknologi hijau. Mungkin Tuan Yang di-Pertua, menjadi satu amalan bahawa di kalangan rakyat sudah pun mengamalkan teknologi hijau tetapi mereka tidak faham bahawa itu adalah teknologi hijau. Dari sudut lain pula, ramai di kalangan rakyat Malaysia yang merosakkan alam sekitar kerana mereka mengabaikan langsung teknologi hijau.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua. Ini sebagai contoh. Kalau kita buat bangunan masjid atau surau. Dulu Tuan Yang di-Pertua buat bangunan masjid ada kubah. Ada bumbung yang tinggi. Di keliling bumbung yang tinggi itu ada kita panggil kekisi. Dalam bahasa Inggerisnya *louvres* dengan izin. Dalam bahasa teknikalnya *louvers*. Sama ada *adjustable louvers* ataupun *fit louvers* yang berfungsi Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mengeluarkan bahan panas yang bersifat ringan yang bergerak daripada bawah ke atas. Kemudian udara yang lebih sejuk dan berat akan masuk daripada bawah ikut celah tingkap atau celah pintu, berkumpul di situ kemudian panas kerana bahang manusia. Dia naik ke atas. Itu dipanggil peredaran haba daripada sejuk ke panas, daripada berat ke ringan. Automatik bila ringan, dia naik ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan pula sekarang, masjid atau surau. Ini saya ambil contoh masjid dan surau sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Belum bangunan lain. Kita rasa panas. Ada pula satu pandangan yang terlalu sempit. Ini panas kerana duit kerajaan. Ini panas kerana duitnya tidak halal sedangkan bukan soal duitnya. Pembinaan bangunan itu, Tuan Yang di-Pertua. Pembinaan masjid atau surau itu sendiri kerana sistemnya tidak mesra alam seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau masjid atau bangunan tinggi, di atas ada sistem kekisi, mudah udara panas keluar, itu adalah sebenarnya teknologi hijau. Sudah pun diamalkan.

■1530

Kesedaran inilah Tuan Yang di-Pertua yang kita mahu supaya rakyat faham bahawa itu adalah sebenarnya teknologi hijau Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah saya menyeru kepada kementerian supaya kita mengambil satu pendekatan yang agak agresif tentang teknologi-teknologi hijau ini. Kita sudah *commit* Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh 100 tahun kita *commit* dengan – kita terima tanggungjawab dengan seluruh dunia.

Sebagaimana Persidangan di Copenhagen bahawa kenaikan suhu tidak melebihi 2%. Malah kita cadangkan 1.5%. Akan tetapi kita juga mesti sama-sama ke arah itu. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti juga sama-sama ke arah *commit* dengan satu tanggungjawab bersama bahawa suhu tidak boleh meningkat melebihi 2% dalam tempoh 100 tahun. Ini kerana kesannya Tuan Yang di-Pertua, sekarang pun sudah nampak. Saya paling takut Tuan Yang di-Pertua kalau dunia bertambah panas, kita akan kekurangan makanan. Sekarang pun sudah terasa.

Tiba-tiba harga bawang meningkat, Tuan Yang di-Pertua. Tiba-tiba harga bawang meningkat. Ini kerana berlaku banjir di Pakistan. Selama ini kita mengimport bawang daripada Pakistan. Kadang saya terfikir Tuan Yang di-Pertua apakah alternatif bawang ini. Yang Berhormat Kota Belud apakah alternatif bawang? Boleh tidak kita – kita tidak boleh tanam bawang dalam negara Malaysia. Akan tetapi kita perlukan bawang. Kalau harga bawang meningkat, boleh jatuh parti Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana hasutan-hasutan daripada pihak tertentu. Harga barang pun dikaitkan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini masalah global, kerana perubahan cuaca. Akan tetapi nanti dahulu - saya terfikir bawang ini boleh tidak ada alternatif. Saya hendak bertanya ada alternatif kepada bawang. Mungkin kucai di - mungkin MARDI boleh mengambil ini sebagai inisiatif menjadikan kucai itu, kucai sebagai bawang. Sila Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya cuma ingin minta pandangan Yang Berhormat tentang *alternative energy* dengan izin, ataupun tenaga yang boleh diperbaharui ini. Setiap kali ada yang berjumpa dengan saya tentang mahu mengetengahkan ataupun mempromosi teknologi baru yang berasaskan tenaga yang boleh diperbaharui ataupun *renewable energy*. Acap kali kita mendapat respons daripada pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan mengatakan ianya mahal. Sampai bila ini? Negeri Sabah contohnya telah pun dikenal pasti sebagai satu negeri yang

mempunyai kekuatan angin yang munasabah untuk mewujudkan tenaga yang diperbaharui melalui angin.

Begitu juga dengan *biomass*. Akan tetapi setiap kali kita berbincang dengan agensi-agensi kerajaan ini akhirnya nanti mereka akan mengatakan ia terlalu mahal. Jadi bagaimana ini sedangkan Perdana Menteri sudah pun memberitahu bahawa 40% daripada pengeluaran tenaga kerja di Malaysia ini mesti datangnyanya daripada sumber yang boleh diperbaharui. Akan tetapi saya tidak tahu bagaimana kita mahu melonjakkan ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Maknanya kita perlu seriuslah Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu ada satu kesungguhan, jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya kalau kita boleh tubuhkan Suruhanjaya Komunikasi, kalau kita boleh tubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan entah beberapa banyak lagi suruhanjaya kerana kesungguhan kita, jadi saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya Suruhanjaya Tenaga Hijau ini juga ditubuhkan.

Supaya apa Tuan Yang di-Pertua, supaya seluruh rakyat Malaysia ini dapat masuk dalam kerangka tersebut. Patut ada beberapa akta baru ini Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa akta baru yang menjurus kepada teknologi-teknologi hijau. Ini saya tidak nafikan contohnya Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baru tentang akta ini yang telah pun dibentangkan. Kemudian Rang undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Lestari. Itu kita tidak nafikan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, perlu ada satu kerangka yang besar yang boleh menjurus dan memasukkan semua rakyat Malaysia ke arah itu. Makna kita lebih serius dan supaya rakyat Malaysia faham. Sebab Tuan Yang di-Pertua, kesannya sangat besar ini. Banjir satu bab kerana pemanasan global. Cuaca buruk di sana sini tidak menentu tiba-tiba guruh dan sebagainya. Di luar musim. Dulu bulan 12 memang banjir sekarang tidak banjir lagi sudah.

Kadang-kadang banjir kadang-kadang bulan tiga banjir. Akan tetapi paling saya takut Tuan Yang di-Pertua ialah makanan. Ini kesan pemanasan global, dan kita *commit* perkara itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan dasar kerajaan iaitu kita mesti menjadi – kita mesti *champion* dengan izin, kita mesti menjadikan tenaga hijau ini sebagai satu dasar yang akhirnya Malaysia *champion*. *Champion* di seluruh dunia. Bukan sahaja dari segi ekonomi, bukan sahaja dari segi alam sekitar akan tetapi bab ini kita *champion*. Bab tenaga hijau ini kita *champion* supaya dia boleh menjadi ikutan.

Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu ibadah sebenarnya kerana tugas kita sebagai khalifah di muka bumi, kalaulah kita boleh menyumbang yang lebih besar kepada pemuliharaan alam sekitar saya yakin itu adalah satu perkara, satu amalan yang baik dan *insya-Allah* kita akan menerima ganjaran yang sangat besar. Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah, banyak lagi pendekatan yang boleh menjurus kepada pemuliharaan alam sekitar.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian juga sejauh mana Green Building Index (GBI)? Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua bila agaknya bangunan Parlimen ini, bangunan Parlimen ini boleh diadaptasi dengan *green technology*. Sejauh mana kita boleh mengurangkan bekalan tenaga elektrik? Nampaknya kita belum boleh mula lagi. Saya ingin bertanya sejauh mana kemajuan bangunan kementerian sendiri sebagai bangunan menjurus kepada atau mengarah kepada *green technology* dengan izin, dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak lanjutkan lagi soal ini akan tetapi ada satu perkara mustahak Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang PLKN. Tentang PLKN Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini saya hendak mengambil satu keadaan sebab saya bimbang Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah kita ini melayan pelatih PLKN ini melayan peserta PLKN ini macam umpama menatang minyak yang penuh. Kita terlalu tatang, itu tidak boleh ini tidak boleh. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mereka akan menjadi golongan yang lembik, golongan yang mungkin pondan.

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ayam daging.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ataupun 'ayam daging'. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, contohnya di daerah Ledang. Hendak buat program, Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW. Kita membuat gotong royong. Jadi saya cadangkan kepada jawatankuasa. Ini atas nama daerah ini, bukan nama wakil rakyat atau apa. Atas nama daerah. Saya cadangkan, okey kita buat gotong royong, kita sembelih lembu dan macam-macam lah. Kita libatkan sekali PLKN kalau boleh.

Ini kerana secara kebetulan di Ledang ada PLKN Sri Ledang. Kita dapatkan bantuan daripada mungkin PLKN, gotong royong. Mereka kata ini tidak boleh kerana tidak menepati ataupun tidak dibenarkan. Saya terfikir kenapa kita boleh dapatkan bantuan daripada pelajar berasrama, sekolah berasrama. Memang boleh. Tidak ada masalah. Jadi sekolah asrama boleh! PLKN tidak boleh! Hanya kerana Tuan Yang di-Pertua hendak mengikutkan rentak satu pihak. Mungkin lah. Ini persepsi juga ini. Ini pun persepsi. Semua akhirnya tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Kita melayan peserta PLKN

ini Tuan Yang di-Pertua seolah-olah menatang minyak yang penuh. Semuanya jadi tidak boleh.

Salah sikit semua sistem dikatakan salah. Sedangkan kita tidak pula menggunakan perkataan-perkataan yang sama pada...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekolah-sekolah berasrama penuh dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memintalah kepada pihak kementerian supaya jangan layan sangat tentang desakan-desakan yang bukan-bukan ini. Ini kerana saya yakin satu pihak terutamanya Yang Berhormat Batu Gajah ini daripada dahulu sampai sekarang itu adalah modal dia. Satu pihak. Dahulu sampai sekarang itulah modal dia.

Penggal lepas isu PLKN. Anak saya pun masuk PLKN Tuan Yang di-Pertua, okey Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada masalah. Dulu dia – akan tetapi ini generasi *batch* pertama. Generasi yang kemudian ini saya bimbang kerana terlalu banyak sangat kekangan yang dicipta oleh kita sendiri kerana mungkin kita hendak mengelakkan daripada persepsi yang tidak baik.

■1540

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang, saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak bina ini adalah modal insan, generasi baru, muda yang berwawasan, yang ada kredibiliti, yang ada jati diri tetapi akan jadi terbalik hanya semata-mata kerana kita melayan sangat kerenah- hanya satu, dua orang yang bermasalah. Akhirnya, kita terlalu berlembutlah dengan peserta PLKN.

Kita bandingkan pula dengan peserta kerahan tenaga di Singapura. Adakah berlembut macam kita berlembut sangat dengan peserta PLKN? Itu, ini, itu, ini pun tidak boleh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta kepada pihak kerajaan supaya bertegas kerana yang kita hendak lahirkan ini adalah generasi baru, generasi muda yang masa hadapannya masih lagi panjang Tuan Yang di-Pertua. So Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena dengan Yang Berhormat Kubang Kerian, berundinglah siapa yang mahu dahulu. Okey. Sila Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena.

3.41 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan sedikit kesedihan pada sidang ini kerana ketiadaan dan kehadiran Ketua Pembangkang dan juga beberapa orang Ahli Parlimen yang lain yang telah pun dinafikan daripada kehadiran, yang tidak melalui satu proses yang betul. Ada Yang Berhormat Menteri di sini, selepas beliau digantung baru dicabar kenapa tidak membawa bukti tentang tuduhan-tuduhan berkaitan dengan APCO. Akan tetapi, beliau tidak dipanggil untuk memberikan keterangan kepada Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, satu kesudahan yang malang. Saya tidak salahkan Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat Menteri yang mencabar untuk Ketua Pembangkang menyerahkan bukti, tetapi selepas beliau digantung. Jadi, ini satu tuduhan ataupun cabaran yang tidak sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sudi memberikan kesempatan untuk sama membahaskan titah Diraja. Dalam titah ini, Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong telah pun menyebut perkara-perkara yang berkaitan dengan soal sistem pengangkutan awam, kadar kemalangan jalan raya yang masih tinggi dan Baginda menyeru supaya tindakan penguatkuasaan terus ditingkatkan.

Saya bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan harus ditingkatkan dan seiring dengan pendidikan yang harus diberikan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Akan tetapi, sudah tentu bahawa sebarang bentuk penguatkuasaan itu tidak boleh melanggar proses ataupun peruntukan undang-undang yang sedia terdapat di dalam negara kita. Kita tidak boleh menyuruh pengguna-pengguna jalan raya ini mengikut undang-undang, tetapi dalam masa yang sama, kerajaan sendiri, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang ini tidak mengikut peruntukan undang-undang yang telah sedia ada.

Sering kali saya telah pun menyebut di Dewan ini khususnya dalam perbahasan Pindaan Akta Pengangkutan Jalan 2010 pada Disember yang lalu. Jadi, saya sekali lagi ingin menyebut perkara-perkara yang berkaitan dengan soal isu yang diistilahkan saman, saman ekor ini. Ini satu isu yang sangat penting yang harus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan bahawa tindakan ini satu tindakan yang menyusahkan masyarakat dan rakyat walaupun tawaran yang diberikan, soal tawaran diskaun 50% dan sebagainya, itu bukan isunya. Ini kerana tidak ada undang-undang untuk memaksa mereka membayar kompaun.

Saya tidak tahulah bahawa polis ataupun JPJ yang selepas daripada esok ini akan menyenaraihitamkan kenderaan-kenderaan ini. Saya tidak tahu undang-undang

mana yang mereka pakai untuk menyenarai hitam dan undang-undang mana yang memaksa rakyat untuk membayar kompaun. Kompaun bukan denda. Kompaun bukan satu denda yang tidak bersifat hukuman. Hukuman denda itu ialah hukuman daripada mahkamah yang akan memutuskan sama ada seseorang itu bersalah ataupun tidak. Kalau salah, maka dia akan didenda. Itu suatu yang termaktub dalam undang-undang.

Akan tetapi, kompaun adalah satu tawaran yang diberikan oleh pihak polis untuk pengguna jalan raya yang dikatakan melanggar satu peruntukan undang-undang untuk mereka membayar kompaun. Kalau mereka tidak membayar kompaun, mereka harus diheret ke mahkamah. Oleh sebab itu bagi saya bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan yang berpegang- dalam isu senarai hitam ini, Jabatan Pengangkutan Jalan berpegang kepada seksyen 17(1)(d) bagi lesen kenderaan cukai jalan dan seksyen 29(1A) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi lesen memandu. Seorang pengarah tidak dikehendaki memberikan suatu lesen kenderaan motor bagi permohonan yang dibuat melainkan jika dia berpuas hati bahawa pemohon tidak mempunyai perkara-perkara atau hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun dengan Polis Diraja Malaysia berhubungan dengan apa-apa pelanggaran atas kesalahan yang bertentangan dengan akta ini dan juga Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, seksyen 29(1A) Akta Pengangkutan Jalan 1987 menyebut bahawa walau apa pun yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada lesen memandu boleh diberikan kepada mana-mana pemohon melainkan jika dia memuassakan hati pengarah bahawa pada tarikh dia memohon, dia tidak mempunyai perkara-perkara atau hal-hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan akta ini atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Kita tidak mempertikaikan persoalan peruntukan kuasa ini. Akan tetapi, yang dipertikai ialah bagaimana kuasa tersebut digunakan.

Saya ingin merujuk kepada satu memorandum yang telah pun saya hantar kepada SUHAKAM pada 10 Ogos 2010 untuk melaporkan tindakan JPJ tersebut telah bertentangan dengan peruntukan undang-undang dan juga Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Malangnya, SUHAKAM telah diperdayakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Dalam aduan kami kepada SUHAKAM, saya bersandarkan kepada keputusan kes Leonard Lim Yaw Chiang lawan Pengarah Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak yang mana kes tersebut dikendalikan sendiri oleh Yang Berhormat daripada Bandar

Kuching. Faktor kesnya ialah kes ini berkaitan dengan seorang pemohon iaitu Leonard Lim Yaw Chiang yang telah disenaraihitamkan oleh JPJ dan dihalang daripada memperbaharui lesen kenderaan beliau. Encik Leonard telah pun ditahan dalam satu sekatan jalan raya pada 5 Disember 2007 dan telah disaman mengikut seksyen 53(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Saman yang telah dikeluarkan kepada beliau mengehendaki beliau hadir ke mahkamah pada 1 Januari 2007 iaitu sebelum saman dikeluarkan. Tarikh minta hadir itu adalah tarikh sebelum saman dikeluarkan.

Saman dikeluarkan pada 5 Disember 2007 tetapi di saman hadir ke mahkamah pada 1 Januari 2007. Beliau telah menulis surat kepada JPJ supaya membatalkan saman tersebut dan membenarkan beliau memperbaharui lesen kenderaan tetapi ditolak dengan alasan beliau perlu menyelesaikan saman tersebut terlebih dahulu iaitu notis. Apa yang disebut saman ini ialah notis.

JPJ berpegang kepada peruntukan seksyen 17(1)(d) yang sama untuk menyenarai hitam kenderaan Leonard Lim sama seperti mana tindakan menyenarai hitam semua kenderaan-kenderaan lain di seluruh Malaysia hari ini dan selepas daripada esok ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya. Mahkamah dalam kes ini telah pun memutuskan bahawa tindakan JPJ menghalang penyenaraian hitam mengikut seksyen 17(1)(d) tersebut adalah tidak betul dan bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Ini keputusan mahkamah.

Dalam kes ini mahkamah telah mentakrifkan apa itu perkara yang belum selesai yang menjadi alasan JPJ menyenarai hitam. Mahkamah menyebut bahawa perkara yang belum selesai adalah perkara saman yang dikeluarkan dan hendaklah dibawa ke mahkamah. Apabila orang yang didakwa tidak menjawab di mahkamah, barulah ia menjadi perkara yang belum selesai. Maknanya, dia perlu bawa dahulu pergi mahkamah. Isunya ialah hari ini bahawa kebanyakan kenderaan-kenderaan yang disenarai hitam sebelum ini dan akan disenarai hitam selepas daripada tarikh esok ini, mereka yang tidak pernah dibawa ke mahkamah dan mereka yang tidak pernah dibuktikan bahawa mengingkari keputusan untuk mereka hadir ke mahkamah. Jika seseorang itu diminta hadir ke mahkamah, mereka tidak pergi, itu barulah mereka dianggap sebagai mengingkari mahkamah dan barulah JPJ ada alasan untuk menyenarai hitam.

Akan tetapi, mereka tidak pernah untuk dibawa ataupun dipanggil ke mahkamah. Jadi bagi saya bahawa jelas mahkamah memutuskan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Sehingga hari ini saya katakan bahawa JPJ tidak pernah merayu. Saya difahamkan

bahawa peguam yang mewakili JPJ ialah daripada Jabatan Peguam Negara, seorang peguam yang *senior*, yang kanan. Beliau tidak pernah merayu. Bermakna bahawa kalau mereka merasakan bahawa keputusan mahkamah ini tidak betul, sepatutnya mereka merayu. Jika mereka tidak merayu, bermakna bahawa mereka bersetuju.

■1550

Sepatutnya, peguam ataupun Jabatan Peguam Negara harus menasihatkan JPJ untuk akur kepada keputusan mahkamah. Bukannya beliau membiarkan atau memberikan nasihat kepada JPJ, *“Okey, kamu kena lawan keputusan mahkamah.”* Iaitu menyenaraihitamkan kenderaan-kenderaan bagi mereka yang enggan untuk membayar kompaun yang ditawarkan oleh pihak polis.

Berbalik pada isu saman ekor yang dipaksa oleh kerajaan untuk rakyat membayar. Perkara ini tidak pernah dibawa ke mahkamah, tidak pernah dibuktikan kesalahan tersebut di mahkamah. Jadi kenapa dipaksa untuk orang membayar kompaun ini? Kenapa? Kenapa kita hendak dipaksa membayar? Undang-undang mana untuk memaksa rakyat atau pemilik kenderaan ini untuk membayar kompaun yang ditawarkan? Tidak ada undang-undang. Tidak ada kuasa. Maknanya, dia mesti dibawa ke mahkamah.

Kerajaan harus membezakan antara notis dengan saman. Tidak boleh notis itu sudah menjadi saman. Sekarang ini bukan sahaja notis itu menjadi saman, seolah-olah notis itu sudah menjadi hukuman. Notis itu sudah membuktikan seolah-olah orang itu bersalah. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kerajaan harus memperbetulkan isu ini. Kita tahu bahawa apa jawapan kerajaan nanti. *“Awak kena saman, awak bayarlah.”* Ini kerajaan. Kedua, *“Awak buat salah, awak bayarlah.”* Seperti kata Ketua Pengarah JPJ, *“Awak makan, awak bayarlah dahulu.”*

Bagi jawapan-jawapan kerajaan yang saya membuat telahan ini, saya hendak tanya bahawa apabila saman dikeluarkan kepada pemilik kenderaan setelah mereka diserahkan notis POL 170A ini – notis POL 170A ini ialah notis meminta maklumat pemandu kenderaan daripada pemilik kenderaan. Jika pemilik tidak memberikan maklumat dalam tempoh tujuh hari, maka pemilik hendaklah di saman kerana ingkar notis.

Saman kerana ingkar notis, bukan saman kerana memandu laju. Kita hendak tanya, berapa banyak saman kepada pemilik kenderaan yang dikeluarkan kerana ingkar notis? Berapa banyak kerana dia ingkar notis? Saman telah dikeluarkan untuk seret mereka ke mahkamah kerana mereka ingkar notis yang dikeluarkan untuk memberitahu

maklumat-maklumat yang dikehendaki. Ini kerana, seksyen 115 APJ 1987 memperuntukkan pengeluaran notis POL 170A ini menghendaki pemilik memuaskan hati mahkamah bahawa dia tidak tahu siapa yang memandu. Memuaskan hati mahkamah ini bermaksud pemilik yang ingkar notis sepatutnya dihadapkan ke mahkamah untuk menjawab kenapa pemilik tidak menjawab kepada polis.

Kewajipan memberikan maklumat dan penggunaan pernyataan sebagai keterangan. Jika berpandu seksyen 115(1),

“Jika pemandu suatu kenderaan motor dikatakan atau disyaki meletakkan satu kesalahan berkaitan dengan pemanduan berkenderaan motor—

(a) empunya kenderaan motor itu hendaklah memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki memberi oleh seorang pegawai polis, warden melintas ataupun pegawai pengangkutan jalan, dan jika dia gagal berbuat demikian dalam tempoh tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya dia adalah melakukan satu kesalahan melainkan dia membuktikan dengan memuaskan hati mahkamah, bahawa dia tidak mengetahui dan tidak boleh dengan usaha yang munasabah memastikan maklumat yang dikehendaki.”

Maknanya, kena bawa ke mahkamah. Tiba-tiba hari ini bagi saya bahawa pihak JPJ telah pun membuat satu keputusan untuk menyenaraihitamkan.

Begitu juga dengan mereka mengatakan bahawa, *“Awak kena saman, awak bayar.” “Awak buat salah, awak bayarlah.” “Awak makan, awak bayarlah.”* Saya hendak tanya di sini, siapa yang kena saman? Apa yang dikatakan saman itu hanyalah notis. Tidak ada siapa yang kena saman. Maknanya, kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam tidak tahu membezakan antara notis dan saman. Bagi saya bahawa notis satu hal yang dikeluarkan oleh pihak polis yang hanya untuk meminta maklumat daripada kita, dengan disediakan pula urutan untuk memberikan tawaran untuk kita membayar kompaun. Ia bukan satu saman untuk kita hadir ke mahkamah. Sedangkan, peruntukan undang-undang ialah menghendaki untuk kita hadir ke mahkamah.

Dalam jawapan kepada SUHAKAM, JPJ menyatakan bahawa senarai hitam bertujuan untuk memastikan seorang yang mempunyai perkara yang belum selesai

menyelesaikan perkara itu secepat mungkin atau hadir memberikan penjelasan mengenai kesalahan yang dikatakan dilakukan. Ada dua perkara di sini. Memastikan seorang yang mempunyai perkara yang belum selesai menyelesaikan dengan cepat mungkin. Bagi saya, ini sudah jelas bahawa hal-hal yang berkaitan dengan perkara yang belum selesai, saya sudah sebut bahawa keputusan mahkamah harus dirujuk.

JPJ juga memaklumkan kepada SUHAKAM bahawa kes Leonard Lim Yaw Chiang yang memutuskan bahawa tindakan JPJ senarai hitam adalah bertentangan dengan undang-undang kerana kesalahan yang dikatakan dilakukan dalam kes itu adalah kesalahan yang dilakukan di masa hadapan iaitu kesalahan yang dikatakan dilakukan pada 15 Disember 2007 tetapi saman minta hadir mahkamah pada 1 Januari 2007.

Ini satu lagi contoh kekeliruan penasihat undang-undang JPJ ataupun peguam yang mewakili JPJ. Rasanya mereka tidak baca keseluruhan kes ini. Kes Leonard Lim dengan jelas menerangkan tindakan JPJ senarai hitam di bawah seksyen 17(1)(d) adalah salah jika kesalahan tidak dibuktikan di mahkamah. Inilah prinsipnya, bukan berkaitan kesalahan masa depan dan sebagainya. Oleh sebab itu, mahkamah mentakrifkan apakah perkara yang belum selesai. Perkara yang belum selesai ialah perkara yang telah dibawa ke mahkamah dan orang yang dituduh tidak hadir ke mahkamah untuk menjawab. Penasihat undang-undang JPJ ini harus memberikan nasihat yang betul kepada JPJ untuk mematuhi keputusan yang telah pun dibuat oleh mahkamah.

Jadi oleh sebab itu, bagi saya bahawa saya mohon kepada pihak kerajaan khususnya kepada pihak JPJ untuk meneliti persoalan ini kerana ini merupakan satu isu yang sangat besar yang perlu kepada satu tindakan yang adil untuk masyarakat dan rakyat untuk mengelak daripada rakyat terbeban dan tertekan dengan tindakan-tindakan ini kerana kita dihalang untuk memperbaharui cukai jalan ataupun lesen memandu.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, sila.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sekarang ini selepas kerajaan mengeluarkan notis tersebut, dan nampaknya berlaku macam satu ugutan daripada pihak kerajaan kerana hendak menyenaraihitamkan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena selaku orang yang jaguh memperjuangkan isu ini untuk rakyat,

tetapi orang ramai berpusu-pusu memenuhi kaunter polis trafik dan juga di pejabat pos kerana pihak kerajaan nampaknya masih lagi ingkar untuk melihat permasalahan rakyat secara lebih menyeluruh? Jadi apa nasihat kepada rakyat keseluruhan daripada Yang Berhormat Pokok Sena? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya minta bahawa, pertama sekali nasihat saya kepada JPJ kena akur kepada keputusan mahkamah. Keduanya, saya minta Jabatan Peguam Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari Padang Rengas untuk mengarahkan supaya Jabatan Peguam Negara menasihatkan JPJ untuk akur kepada keputusan mahkamah.

Ketiganya ialah pemilik-pemilik kenderaan ini mestilah ada keberanian untuk pastikan bahawa mereka harus mempertahankan hak mereka. Saya nasihatkan, yang penting ialah pergi ambil insurans bila *road tax* kita mati kerana syarat hendak ambil insurans tidak perlu ada apa-apa syarat. Syaratnya kena ada duit. Bayar insurans, pergi JPJ, kemudian minta memperbaharui cukai jalan. Kalau dia kata tidak boleh kerana ada kes yang belum selesai, minta dia jawab dan buat satu surat permohonan minta dia jawab secara bertulis kerana undang-undang mengatakan dalam tempoh 14 hari, Pengarah JPJ mesti memberikan jawapan kenapa. Kemudian bila dia beri jawapan, kita bawalah surat itu dan memandulah pergi ke mana dan bila polis tahan, saman satu lagi tambah. Bawa lagi. Kereta dia tidak boleh tahan, dia hanya boleh saman sahaja ke mahkamah. Jadi isi minyak, bagi ada tayar, bagi ada stereng, bagi ada enjin, jalan. *[Ketawa]*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Dalam isu ini saya cuma mahu minta pandangan. Ini ada dua isu. Satu, kalau saya mendengar ucapan Yang Berhormat, ia lebih menjurus kepada permasalahan definisi notis dengan saman. Okay, tidak mengapalah. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju dengan saman ekor ini jika kerajaan mengubah itu daripada notis kepada saman? Ini kerana, ini adalah dua perkara yang berbeza. Apakah Yang Berhormat ini menentang tentang takrifan notis dengan saman ataupun mekanisme saman ekor ini? Minta penjelasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih. Kita tidak persoalkan soal dia hendak saman ekor atau hendak saman kepala. Dia hendak saman

ekor pun boleh, saman kepala pun boleh. Akan tetapi soalnya ialah setiap yang dikatakan undang-undang itu mesti dipatuhi. Jangan kita hanya meminta pengguna jalan raya mematuhi undang-undang sedangkan penguat kuasa tidak mematuhi undang-undang. Itu persoalannya. Oleh sebab itu saya katakan bahawa bila notis itu, maka mesti disusuli dengan saman. Bawa mereka ke mahkamah dan biar mahkamah yang memutuskan. Kita tidak boleh *blacklist*. Apa yang saya perjuangkan ialah JPJ tidak boleh *blacklist*, tidak boleh senarai hitamkan kenderaan kerana itu bertentangan dengan Perlembagaan dan sudah ditafsirkan oleh Mahkamah Tinggi di Kuching. Itu pendirian saya.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sebut di sini ialah sekarang pindaan telah pun kita buat ke atas Akta Pengangkutan Jalan. Kita akan menggunakan satu kaedah baru, mekanisme baru iaitu *Automated Enforcement System (AES)* dalam kes penguatkuasaan undang-undang jalan raya ini yang telah pun diputuskan pada bulan Disember yang lalu.

■1600

Saya kira bahawa ini suatu tindakan yang perlu diperbaiki kembali tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan suatu keraguan-keraguan terhadap pelaksanaan sistem ini, kerana bagi saya bahawa pelaksanaan sistem ini walaupun ada beberapa perkara yang kita rasa ada satu perubahan...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang sangat jelas tetapi saya kira bahawa...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Mencelah dahulu sementara cari fail tu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada perkara-perkara yang perlu diperbaiki.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena berhubung dengan kekeliruan POL 107A. Ini kerana ramai di antara pemilik-pemilik yang mengadu bahawasanya mereka menerima notis ini berlainan dengan kenderaan yang mereka punyai, misalnya di Kedah baru-baru ini, ada pakcik yang

membawa motosikal 50cc membawa motosikalnya lebih dari 110 kilometer sejam. Akan tetapi apabila dia mengadu kepada polis dan juga JPJ, maknanya pihak polis dan JPJ itu mengarahkan dia supaya menyelesaikan sendiri masalah tersebut.

Saya rasa banyak lagi kes-kes begini, misalnya kereta telah dibawa ke Sabah ataupun pergi ke Sarawak, tetapi masih lagi menerima notis POL 170 ini di Semenanjung. Maknanya ini di antara perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak JPJ dan juga pihak Polis Diraja Malaysia, terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Memang saya bersetuju bahawa akibat daripada polis dan JPJ tidak mengikut peraturan dan undang-undang, inilah yang menyebabkan akan berlaku penganiayaan. Seperti yang dilaporkan di dalam akhbar di mana seorang warga emas di negeri Perlis atau negeri Kedah, telah menerima satu notis mengatakan dia telah membawa kenderaannya melebihi daripada had kelajuan. Nombor motor betul tetapi cc nya 500cc sedangkan dia seorang warga emas. Dia mengatakan, *"Kalau aku naik motor ini, bukan aku bawa motor, motor yang bawa aku"*. Kerana dia warga emas, dan dia mengatakan lagi bahawa motor kapcainya yang mempunyai nombor yang sama itu telah lama tidak digunakannya. Ini bermakna bahawa ini adalah satu penganiayaan kepada dirinya apabila tidak dibawa ke mahkamah tetapi apabila dibawa ke mahkamah, pihak mahkamahlah yang akan memutuskan sama ada notis itu betul ataupun tidak, ini menunjukkan bahawa pelaksanaan itu sangat-sangat dipersoalkan dan dipertikaikan.

Kemudian berkaitan dengan soal pelaksanaan AES, saya hendak bertanya berapa syarikat kah yang masuk tender untuk pelaksanaan AES ini. Yang keduanya di atas alasan apa dua syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd. dan *Commercial Circle* Sdn. Bhd. diberikan hak pengendalian penyelenggaraan untuk sistem AES ini. Apakah sistem yang akan digunakan oleh Beta Tegap dan *Commercial Circle*, sama ada mereka akan menggunakan Redflex yang telah pun digunakan di *California* ataupun yang juga telah digunakan di beberapa negara luar yang sangat dipersoalkan dan mahkamah sendiri mempersoalkan sistem ataupun teknologi Redflex ini yang dikatakan bahawa gambar yang diambil ataupun rakaman video yang dirakam itu sangat dipersoalkan kesahihan dan ketepatannya dari segi pemantauan yang telah pun dibuat.

Isu yang kedua dalam sistem AES ini, saya hendak bertanya kenapa modul kewangan diluluskan daripada April 2009, sedangkan akta untuk menggunakan AES ini diluluskan pada 22 Disember 2010. Modul kewangan untuk kita pilih, terutama sekali kita hendak *select* syarikat mana, Beta Tegap dengan *Commercial Circle*, kita bersetuju

dengan mereka dan modul kewangan yang dipersetujui berasaskan kepada tiga tahap, tiga langkah ini dipersetujui oleh kedua-dua syarikat dan dibentangkan di dalam Jemaah Menteri dalam Kabinet pada April, 2009. Sedangkan akta hendak mengizinkan penggunaan AES ini hanya dibuat pada 22 Disember 2010.

Jadi bagi saya bahawa berlaku satu yang tidak telus, sepatutnya kita seharusnya pinda akta dahulu, kemudian baru kita buka tender secara yang telus kepada siapa untuk kita hendak pilih syarikat mana untuk mengendalikan operasi sebagai operator kepada sistem AES ini. Jadi sebab itu bagi saya bahawa suatu yang sangat malang apabila tindakan yang dibuat oleh kerajaan ini tidak menampakkan satu ketelusan. Saya mempersoalkannya kerana bagi saya bahawa kalau berasaskan kepada beberapa kes mahkamah di *California* dan juga di *Arizona* mendapati bahawa sistem yang dikatakan akan digunakan oleh syarikat Beta Tegap ini, saya difahamkan Beta Tegap akan menggunakan bukan membangunkan teknologi sendiri, *software* ini bukan dia yang membangunkannya tetapi dia mengambilnya daripada syarikat yang telah pun mengendalikan operasi di *California* dan juga di *Arizona* iaitu Redflex.

Sedangkan sistem ini sangat dipersoalkan di sana dan mahkamah memutuskan beberapa kes dan sehingga menyebabkan di *Arizona* tidak lagi melanjutkan kontrak penggunaan Redflex ini. Jadi ini menjadi satu persoalan yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan, apakah sistem yang digunakan oleh Beta Tegap nanti ini akan betul-betul memberikan kepuasan, kepastian, ketepatan dari sudut pembacaan dan sebagainya. Jadi oleh sebab itu, saya bimbang bahawa apabila ia diswastakan, saya menganggap bahawa saman ekor selepas ini pusingan kedua ini adalah satu saman ekor yang akan diswastakan kepada dua syarikat iaitu Beta Tegap dan *Commercial Circle* dengan tiga tahap, iaitu satu tahap berasaskan kepada enam juta saman satu tahun, kemudian 10 juta saman satu tahun dan 15 juta saman satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna mereka sudah meletakkan paling minimum enam juta, bermakna sebagai sebuah syarikat swasta dia tidak ada tanggungjawab sosial untuk hendak mendidik rakyat supaya jangan melakukan kesalahan. Syarikat ini mengehendaki supaya ramai orang yang akan melakukan kesalahan. Apabila ramai orang yang melakukan kesalahan akan ada pengagihan untuk diri atau syarikatnya. Oleh itu bagi saya bahawa dengan pengagihan lebih kurang 35% untuk dua syarikat jika paling minimum enam juta saman, ini sudah lebih teruk daripada Ahmad Nisfu dengan Salleh Kamil. Ahmad Nisfu dan Salleh Kamil pun mendapat 25% sahaja manakala syarikat ini mendapat puratanya 35% yang paling rendah. Oleh sebab itu saya meminta

penjelasan kenapa kerajaan sendiri, JPJ sendiri tidak berurusan dengan Redflex, dengan syarikat pengeluar Redflex, sepatutnya mereka sendiri yang *handle*, tidak diswastakan.

Saya telah difahamkan bahawa tempoh seperti konsesi yang diberikan kepada kedua-dua syarikat ini ialah lima tahun dan dalam tempoh lima tahun itu diunjurkan bahawa mereka akan mendapat hasil daripada komisen, pengagihan tiga langkah yang diberikan kepada mereka ini, paling rendahnya lima tahun itu RM3.8 bilion. Jadi saya bimbang bahawa akhirnya yang mendapat kekayaan ialah syarikat ini bukannya daripada kerajaan sendiri tetapi akhirnya kita akan beri kepada syarikat-syarikat kroni. Jadi sebab itu saya meminta penjelasan lanjut daripada pihak kerajaan.

Kedua ialah isu yang berkaitan dengan isu beras Super 15, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan tentang beras Super 15 ini. Ini isu yang sangat penting kerana kita memberikan subsidi, banyak syarikat-syarikat yang telah mendapat subsidi untuk karpas, *packing* Super 15 tetapi orang miskin tidak boleh makan kerana tidak ada beras di pasaran kerana terdapat syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan termasuk syarikat-syarikat daripada anak syarikat BERNAS sendiri, *Modern Trip* anak syarikat BERNAS yang mendapat kuota yang hanya memasarkan di *hypermarket* sedangkan orang kampung tidak dapat pergi ke *hypermarket* dan tidak ada beras Super Tempatan 15 ini kerana duduk jauh. Kenapa anak-anak syarikat BERNAS ini diberikan keistimewaan termasuk juga beberapa syarikat-syarikat yang lain yang juga diberikan pertindihan dalam mendapat peruntukan kuota bumiputera dan juga di dalam peruntukan kilang-kilang swasta.

Ketiga ialah apakah kriteria syarikat-syarikat itu sebab syaratnya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila satu-satu syarikat itu mendapat kuota untuk ST15 ini, dia tidak boleh mengeluarkan beras yang lain. Ia hanya untuk mengelakkan daripada berlaku penyelewengan tetapi apa yang telah berlaku ialah pengilang juga mendapat ST15 dengan harga yang murah dan kemudian pergi ke kilangnya, dia bukan *packing* untuk beras ST15 tetapi dia menjadikannya tiga tahap iaitu dia memecahkannya kepada Super 10%, ST 5% dan juga beras hancur untuk dibuat mihun. Jadi mereka akan dapat untung.

■1610

Jadi ini banyak senarai syarikat-syarikat yang ada pada saya ini, yang menunjukkan bahawa bagaimana sistem pemberian kuota ini satu yang sangat dipersoalkan. Dalam sistem payung umpamanya, yang dikeluarkan sepatutnya payung

itu tidak boleh kepada syarikat yang sama, anak syarikat yang sama tetapi ada di sini payung itu diberikan – dia yang payung semua. Umpamanya kalau Yang Berhormat Kubang Kerian dapat kemudian anak syarikat yang dipayung oleh Yang Berhormat Kubang Kerian ini ialah syarikat anak dia, adik dia, abang dia, begitulah. Inilah banyak syarikat yang mendapat keuntungan daripada kemiskinan masyarakat dan rakyat yang tidak terbela.

Akhir sekali, saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya tentang pelaksanaan pembinaan Istana Negara di Jalan Duta. Ini akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Kenapa konsep hiasan dalaman pembinaan Istana Negara itu ditukar daripada konsep Kesultanan Melayu kepada konsep Raja Eropah? Saya sangat rasa pelik – ada gambar-gambar dibekalkan kepada saya ini kerana masa yang sangat terhad. Saya mempersoalkan bahawa kenapa dan berapakah kos tambahan yang telah pun diputuskan lebih awal dan kenapa kontraktor membuat keputusan tanpa merujuk kepada JKR, tetapi kenapa pula JKR akhirnya boleh menyetujui perubahan konsep. Konsep yang sudah dipersetujui asalnya dibentang dalam Kabinet bahawa konsep Kesultanan Melayu ini.

Saya sebut ini kerana Titah Kebawah Duli Tuanku menyebut soal mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Akan tetapi tidak akan kita hendak bawa Raja Melayu ini jadi Raja Eropah, pakai tengkolok, letak keris, tahu-tahu tengok belakang dia tidak macam Raja-Raja Melayu. Jadi macam Raja-Raja Eropah. Jadi saya katakan bahawa ini satu penghinaan kepada Kesultanan Melayu dalam negara kita, Raja-Raja Melayu dalam negara kita yang tidak dihormati oleh pihak kerajaan dalam pembinaan istana itu sendiri, iaitu dari segi perubahan konsep reka bentuk hiasan dalaman daripada Kesultanan Melayu lama kepada konsep Raja-Raja Eropah.

Keduanya, saya hendak tanya bahawa berapa kos tambahan? Saya sudah pasti bahawa bila ada perubahan ini mungkin akan ada kos tambahan yang perlu dibayar kepada syarikat yang mengendalikan ini. Sudah tentu bahawa ini akan memberikan kesan yang sangat buruk kepada kehidupan masyarakat dan rakyat kerana kita terpaksa *spend* duit yang begitu banyak untuk buat perkara-perkara yang tidak sepatutnya kita lakukan.

Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi jaminan atas nama Pakatan Rakyat, hari ini kita berkuasa, esok kita akan hapus kira notis tertunggak RM17 juta saman – 17 notis tertunggak itu. 17 kita akan hapus kira, kita akan mulakan mengikut proses yang baru dan saya minta bahawa semua orang ramai

tidak perlu untuk membayar. Bawalah kenderaan anda ke mana sahaja yang anda perlukan. Terima kasih.

4.13 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam masa yang singkat ini, saya ingin memfokuskan ucapan saya ini kepada perkara yang agak penting iaitu Buku Jingga. Satu buku... *[Disampuk]* Bagi mereka pentinglah. Saya – Yang Berhormat Shah Alam pun sudah sampai. *Alhamdulillah*. Saya membaca buku ini Tuan Yang di-Pertua, banyak kali sampai sudah koyak semua muka surat itu. Cuba memahami apa sebenarnya yang hendak diketengahkan oleh Pakatan Rakyat.

Saya ingin sebenarnya mengucapkan tahniah kerana mungkin Pakatan Rakyat, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Marang telah sedar bahawa untuk memenangi hati rakyat mereka perlu keluar daripada politik maki hamun, sumpah seranah ini kepada satu mungkin percubaan mereka mengetengahkan dasar-dasar ekonomi. Saya ucapkan tahniah.

Akan tetapi pada masa yang sama Buku Jingga yang setebal 30 lebih muka surat ini dicanangkan sebagai satu buku yang kononnya akan menyelamatkan Malaysia. Banyak kelemahan yang kita dapat lihat dalam buku ini dan hari ini saya cuba untuk membahaskan buku ini kerana banyak cabaran-cabaran telah dibuat di luar sana tetapi saya rasa Dewan Parlimen inilah satu-satu tempatnya yang paling sesuai untuk kita berdebat tentang Buku Jingga ini secara berhemah. Saya tahu Yang Berhormat Rembau pun berminat untuk membincangkan soal ini, Yang Berhormat Pasir Salak - *resident economist* kami... *[Ketawa]* Dia juga berminat untuk membincangkan tentang soal Buku Jingga ini. Dia faham, dia faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat buku ini dengan satu harapan sebenarnya apabila ia diuar-uarkan oleh Pakatan Rakyat. Saya mempunyai satu harapan agar apa yang terkandung di dalam buku ini adalah satu pendekatan ekonomi yang boleh memajukan negara dan boleh memenuhi apa yang terkandung di dalamnya. Akan tetapi saya telah membacanya, ia lebih saya ingat kepada manifesto politik. Satu pendekatan yang bersifat populis yang sebenarnya membahayakan negara ini. Ini saya kecewa.

Saya akan buktikan melalui fakta-fakta ekonomi bukan fakta-fakta hujah politik, bahawa kalau kita mengikut apa yang terkandung di dalam Buku Jingga Pakatan Rakyat ini, dalam masa dua tahun Pakatan Rakyat menerajui Putrajaya, Malaysia ini akan menjadi bankrap. Jikalau Yang Berhormat Senator Idris Jala mengatakan tahun 2019 Malaysia mungkin akan menjadi muflis kalau kita tidak merubah sistem penyampaian subsidi kita, saya rasakan saya menjangkakan negara kita ini akan bankrap dua tahun setelah Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Persekutuan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dua bulan, dua bulan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dua tahun, dua tahun... *[Ketawa]* Buku Jingga ini Tuan Yang di-Pertua, boleh kita bahagikan kepada dua perkara – dua *section*. Satu, apa yang dikatakan oleh mereka janji-janji 100 hari apabila Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Persekutuan. Satu lagi itu *common policy* ataupun dasar bersama mereka ada lebih kurang 39 janji-janji mereka yang ingin... Akan tetapi saya lebih kerana keterbatasan masa ini mungkin akan menyentuh perkara-perkara yang besar sahaja. Di bawah janji 100 hari mereka ini.

Apa dia janji mereka Tuan Yang di-Pertua? Sebelum itu saya ingin bandingkan sedikit Buku Jingga ini dengan Program Transformasi Ekonomi dan Kerajaan Barisan Nasional. Satu yang berbeza sangat Yang Berhormat Pokok Sena ialah Program Transformasi Ekonomi dan Kerajaan Barisan Nasional ini lahir daripada apabila kita mengadakan satu tindakan-tindakan yang meminta ataupun *to include the stakeholder*. *Stakeholder* ini rakyat. Apa yang berlaku sebelum kita mengumumkan Program Transformasi Ekonomi dan Kerajaan Barisan Nasional ini - apa yang kita buat Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mendengar harapan rakyat apa sebenarnya yang mereka mahu, apa yang kita buat?

Kerajaan Barisan Nasional melalui siri-siri pertanyaan SMS melalui telefon bimbit kita telah mendapat respons sebanyak 190,152 pandangan daripada mereka. Setelah itu Tuan Yang di-Pertua, kita buat bengkel-bengkel awam - *public workshops* yang melibatkan 20,000 orang. Kita tidak berhenti di situ. Kita buat lagi kajian *online* - *online survey* yang melibatkan responden sebanyak 24,719 orang sebelum kita lancarkan Program Transformasi Ekonomi dan kerajaan. Selepas itu kita menerima lagi jawapan bertulis daripada rakyat kebanyakan, ada 6,213 responden yang memberi pandangan, kritikan kepada cadangan Model Ekonomi Baru.

Kemudian selepas itu Tuan Yang di-Pertua, kita buat lagi makmal-makmal perbincangan – Yang Berhormat Lembah Pantai katakan makmal ini *far from reality*,

tetapi tidak mengapa. Makmal-makmal perbincangan yang melibatkan 900 ahli yang datang daripada sektor awam yang melibatkan kementerian-kementerian yang berkepentingan dan juga sektor swasta - *captain of industries, industry players, the experts*, ada dalam *lab* ini.

■1620

Yang terakhir kita melalui *open house* yang melibatkan seramai 26,000 orang awam yang telah melawat dan penerangan PEMANDU di seluruh negara. Saya bawa hal ini kerana, *point* ini sebab Program Transformasi Ekonomi dan kerajaan Barisan Nasional ini adalah suara rakyat. Kita minta pandangan rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *inclusive* katanya. Akan tetapi kalau saya melihat Buku Jingga ini, saya tidak terdengar ada usaha daripada Pakatan Rakyat untuk menerima pakai pandangan daripada orang awam. Apa yang berlaku tadi ada satu pandangan daripada rakan di sebelah sana yang mengatakan ini digubal oleh pakar-pakar ekonomi. Akan tetapi kadang-kadang pakar-pakar ekonomi tidak tahu masalah pada peringkat akar umbi. Itu beza besar di antara Buku Jingga dengan dasar Model Ekonomi Baru kerajaan Barisan Nasional.

Kemudian, sebelum saya masuk ke dalam fakta-fakta ini Tuan Yang di-Pertua, perbezaan besar di antara Program Transformasi Ekonomi dan kerajaan Barisan Nasional dan Buku Jingga ini ialah kita di dalam Barisan Nasional menyokong penuh Program Transformasi Ekonomi dan Kerajaan Barisan Nasional. Malah, orang yang mempelopori ataupun *the driver* ialah PEMANDU yang diketuai oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala dan juga Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Akan tetapi di dalam Buku Jingga ini, yang kita lihat selalu mempromosikan ialah Keadilan. DAP dan PAS agak hambar sedikit. Saya rasa – bukan tidak faham. Mungkin mereka tidak. *[Disampuk]* – *No*, tidak bersetuju dengan beberapa perkara. Saya beri contoh. Tidak ada dalam Buku Jingga ini yang menjanjikan hukum hudud ataupun kerajaan Islam dalam ini. Ini tidak ada. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau untuk DAP pula mungkin. *[Disampuk]* Okey, Yang Berhormat Shah Alam. Pendekkan, ya. Jangan retorik sangat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Tidak ada retorik. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya rasa selepas

mendengar dia bercakap beberapa minit ini memang jelaslah dia tidak faham. *[Ketawa]* Saya tidak nafikan pasal awal-awal lagi sudah cakap tidak faham. Ini merupakan dasar-dasar yang dipersetujui bersama. Lalu, apabila kita bercakap tentang dasar-dasar yang dipersetujui bersama, tidak bolehlah kita mencari dasar-dasar yang merupakan matlamat dan tujuan jangka masa panjang sesebuah parti yang tertentu.

Akan tetapi, kita penuh yakin bagi PAS bahawa dengan adanya sebuah masyarakat yang lebih terbuka yang mana Buku Jingga ini bukan hanya merupakan dasar-dasar ekonomi, ia juga termasuk dasar-dasar politik, dasar-dasar sosial, soal kebebasan media, soal memansuhkan ISA dan sebagainya, ia merupakan satu suasana dan keadaan...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang mana risalah Islam itu bagi PAS dapat disampaikan dengan lebih jelas supaya masyarakat boleh menerimanya ataupun berhujah dan mendapat penjelasan mengenainya. Inilah masalahnya apabila bagi pihak Barisan Nasional...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia membaca Buku Jingga ini dan memang daripada awal lagi dengan niat untuk hendak cuba mencari isu-isu, hendak cuba melaga-lagakan pati PAS dan DAP.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini sebagai mukadimah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya telah berjanji...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Selepas ini kalau ada isu, saya akan bangun lagi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Saya berjanji untuk tidak terlalu berpolitik dalam membincangkan ini. Tidak mengapalah. Yang Berhormat Shah Alam, saya terima pakailah pandangan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini kerana kalau saya jawab dalam bentuk retorik politik, saya tidak akan mampu untuk masuk dalam perbincangan ini. Pendek sahajalah Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat Shah Alam lebih pada hendak mempertahankan apabila Yang Berhormat Kota Belud sebut mengapa tidak ada hukum hudud dan sebagainya. Itu sebenarnya. Cuma saya teringat apabila Yang Berhormat Kota Belud bangkitkan Buku Jingga, saya ingat sewaktu Yang Berhormat Kota Belud juga bangkitkan mengenai bajet yang dibuat oleh DAP satu ketika dahulu, yang DAP ada satu bajet, PAS ada satu, PKR pun ada satu. Kalau kita lihat kredibiliti apa yang dibuat oleh kerajaan, mendapat pandangan awam, segala-galanya dapat. Maknanya apa yang kita buat itu melibatkan pandangan semua pihak daripada atas sehingga ke bawah dan yang dibuat oleh Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga ini, apakah ia menyerupai sebagaimana bajet yang mereka buat sebelum ini?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Lenggong, saya bersetujulah. Akan tetapi tidak mengapalah. Sekali lagi saya sudah berjanji kepada diri saya untuk tidak mahu terlalu polemik politik di dalam membincangkan tentang soal ini sebab ini adalah buku yang penting kerana ia menjadi *corner stone* kepada polisi dasar ekonomi kerajaan Pakatan apabila memerintah nanti.

Okey, 10 janji ini. saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam. Memang banyak janji. Bukan sahaja daripada segi ekonomi tetapi transformasi institusi kerajaan, institusi negara seperti SPR, SPRM, ISA dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita melihat satu perkara yang amat penting daripada segi ekonomi ialah janji mereka untuk menaikkan pendapatan isi rumah daripada apa yang ada sekarang ini RM1,500 pada RM4,000. Janji ini terkandung di dalam Buku Jingga. Saya rasa tidak ada seorang pun di sini yang merasakan ini satu percubaan yang tidak baik. Siapakah yang tidak mahu membantu rakyat untuk menaikkan hasil pendapatan isi rumah daripada RM1,500 sekarang ini pada RM4,000?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan di sini. Sedikit. Ringkas sahaja.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang itu di bawah 100 hari kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak. Di bawah *common*...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Akan tetapi janji juga.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal tadi cakap yang 100 dulu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu janji.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Cakap yang 100 hari. Kalau tidak, *confuse*. Pasal tadi Yang Berhormat Kota Belud kata hendak bercakap pasal yang 100 hari. Tiba-tiba pergi pada isu yang lain.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okeylah. *Again*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kita ambil satu-satu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I promise to myself not to...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal kita hendak bahas...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak mengapalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini bahas *later*. *[Disampuk]* Tidak mengapa. RM4,000 Tuan Yang di-Pertua. Daripada RM1,500 pada RM 4,000. Kita buat kajian melalui data-data yang telah kita dapat. Contohnya, di Malaysia ini ada 3.8 juta isi rumah yang berada pada paras RM1,500. Ada 3.8 juta *households* dan untuk menambah pendapatan daripada RM1,500 pada RM4,000, apa yang berlaku ialah jumlah pendapatan RM1,500 itu perlu berkembang pada tahap 21.7% setiap tahun. Barulah mungkin dalam masa empat tahun itu, jumlah pendapatan isi rumah akan naik pada RM4,000. Akan tetapi – rasional, masuk akal kah kita boleh menaikkan pendapatan mengikut tidak ada intervensi daripada kerajaan tetapi mengikut pertumbuhan seperti sedia kala. 21.7% Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kalau kita bandingkan dengan sebuah negara yang paling – ekonominya paling pesat membangun sekarang ini iaitu negara China. Negara China Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan pendapatan isi rumahnya adalah 10%. Ini adalah sebuah negara yang begitu pesat membangun...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Di seluruh dunia. China lah ekonomi yang paling besar, yang pesat membangun dan ia hanya mampu untuk menaikkan pendapatan isi rumah sebanyak 10% setiap tahun. Okey, kalau China terlalu jauh, kita ambil Thailand. Sebuah negara yang dikatakan begitu agresif daripada segi ekonominya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Di Thailand...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sebelum itu Yang Berhormat Kota Belud...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kenaikan itu daripada RM1,500 ke RM4,000, *over period of...?*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Five years.*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *Five years.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I am talking about five years.*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Buku Jingga?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Okey. *[Ketawa]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya baca, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Ketawa]* ...Saya baca.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini, nampak ya?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, silakan. Sedikit sahaja. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak nampak tadi, saya akan minta lebihkan lampulah. *[Ketawa]* Ini kita bercerita tentang Buku Jingga dan juga ekonomi. Saya pada hari ini membaca surat khabar *Nanban*, headline nya... *[Merujuk pada senaskhah surat khabar]* "...Jangan tipu". Ini adalah kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, yang mana Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, *catalyst state of Pakatan Rakyat*. Beliau ada kuasa Akta Tanah.

Beliau boleh buat pengambilan tanah dengan kuasa yang ada sebagai Menteri Besar tetapi saya percaya kuasa yang kita nampak yang beliau ada itu tidak ada sebab sudah diambil alih oleh mereka yang mengongkong dan *control* dia, khususnya Yang Berhormat Permatang Pauh. Jadi, di kawasan Parlimennya juga tidak boleh dibangunkan ekonomi rakyat sehinggakan muka depan. *[Merujuk pada senaskhah surat khabar]* Ini Buku Jingga apa ini?

■1630

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey itu pandangan yang baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Seminit dua sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mungkin Wilayah Persekutuan tetapi Ketua Menteri Selangorlah. Rakyat sana sudah minta. Yang Berhormat Kuala Kedah bangun dan cakap. Jangan sampai Ketua Pembangkang telan kamu seperti telan ABIM.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kota Belud berhubung dengan Pakatan Rakyat punya dasar dan perancangan ekonomi yang hebat-hebat diuar-uarkan kepada rakyat. Bagaimana dengan prestasi yang ditunjukkan oleh Pakatan Rakyat di Kelantan selama 20 tahun lebih memerintah? Boleh Yang Berhormat cerita sedikit apa yang Yang Berhormat tahu kejayaan cemerlang yang dicapai dari segi ekonominya di Kelantan?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, saya tanya Yang Berhormat Kota Belud. Bukan Yang Berhormat Shah Alam. Jika tanya Yang Berhormat Shah Alam semua bagus, tidak ada yang tidak bagus.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Pasir Salak kalau Kelantan ini dahulu program ekonomi yang paling saya selalu dengar di Kelantan ini ialah projek depu. Akan tetapi tidak mengapalah, ini pasal Buku Jingga saya balik kepada ini.

Saya katakan tadi untuk *top up*, kalaulah kita tidak mendapat perkembangan *economic natural growth* dalam pendapatan isi rumah sebanyak 21.7% ini, maka apa yang akan berlaku ialah Pakatan Rakyat terpaksa *top up*. Kerajaan Persekutuan akan *top up* atau ia akan menambah tokok untuk merealisasikan 4,000 – berapa jumlah itu? Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang akan dibelanjakan oleh Pakatan Rakyat jika mereka memerintah dalam setahun dua ini kalau mereka menang, 3.8 juta isi rumah mereka terpaksa membayar RM2,045 sebulan kali 12 tahun dan dalam setahun jumlah yang terpaksa ditambah ialah sebanyak RM93.9 bilion. Jika tidak ada pertambahan 21.7% pertumbuhan pendapatan isi rumah yang saya katakan tadi. Jika kita bandingkan dengan China, China hanya 10% walaupun dengan ekonomi yang begitu rancak. Begitu juga dengan Thailand sebanyak 6%. Ini mereka mengatakan bahawa untuk menjayakan program 4,000 ini pendapatan isi rumah perlu 21.7% pertumbuhannya. Jadi terpaksa diberi RM93.9 bilion untuk mencapai kejayaan itu. Itu satu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah tentang RM500 yang diberi kepada cikgu. Okey kosnya berapa? 400,000 guru-guru kalau dibayar RM500 ada lebihan sedikit 400,000 jumlah yang kita kira ialah lebih kurang RM2.4 bilion, walaupun di sini mengatakan lebih RM3 bilion tetapi RM2.4 bilion lebih sedikit. Ini kalau ditambah RM500 pendapatan guru-guru.

Namun kita pun tahu kalau guru dapat yang lain pun minta. Dalam *worse case scenario*, kerajaan Pakatan Rakyat akan memberikan RM500, kalau tidak demonstrasi di depan Putrajaya setiap hari depan Yang Berhormat Permatang Pauh. Dia beri kepada polis, askar, doktor dan kepada semua, maka jumlah itu akan menjadi RM7.2 bilion. *Worse case scenario*, tetapi tidak mengapalah kita ambil RM2.4 bilion. Ya sebab guru juga boleh berpolitik dan begitu juga dengan orang FELDA, orang miskin, Sabah dan Sarawak.

Selepas itu tol Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan dia hendak ambil keseluruhan 19 konsesi tol di negara kita. Tidak mengapalah kita ambil satu contohnya PLUS Highway. PLUS Highway Tuan Yang di-Pertua walaupun kerajaan sekarang ini sedang mencuba bersungguh-sungguh untuk mengambil alih, tetapi tidak mengapa saya setuju ambil alih mungkin satu cara yang baik, tetapi kosnya bagaimana?

Saudara Rafizi keluar dalam TV dan surat khabar mengatakan RM7 bilion. Saya pun tidak tahu di mana mereka mahu mendapatkan RM7 bilion kos untuk mengambil alih 35% pegangan saham di dalam PLUS Highway yang tidak dipegang oleh kerajaan. Pada pandangan saya ialah RM11 bilion, tetapi kalau berdasarkan kepada *minority shareholders* ini setuju. Jika mereka tidak setuju mereka akan mencari...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencilah sedikit.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap, *offer* yang terkini ialah RM50 bilion daripada serba asas *or something*. Jikalau *minority shareholders* kata *you* tidak beri saya RM50 bilion *you* boleh jalan. *So you have to fork out RM50 billion just to take over* PLUS Highway. Itu baru satu highway. Rembau selepas itu Indera Mahkota, tetapi cepat sedikitlah.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Kota Belud terima kasih sebab sudah sebut tentang lebuh raya ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Belud sedar atau tidak kalau kita ikut cadangan pengambilalihan tol lebuh raya yang dicadangkan dalam Buku Jingga, kita akan memberi kesan yang cukup buruk kepada pencarum KWSP, mengapa? Ini kerana dalam Buku Jingga ini dengan tujuan hendak menghapuskan tol dicadangkan supaya Khazanah dan KWSP diarah oleh kerajaan

sekiranya mereka menang, mengarahkan KWSP untuk mengambil alih tol tersebut dengan perbelanjaan RM7-RM11 bilion dan menghapuskan tol.

Mereka tidak ceritakan bahawa KWSP telah melabur untuk membeli saham dalam PLUS supaya dapat pulangan kepada pencarum daripada tol dan dividen daripada tol. Jika sudah tidak ada dividen daripada tol, macam mana hendak bayar kepada pencarum KWSP duit yang diguna pakai untuk diarah oleh kerajaan Pakatan Rakyat supaya diambil alih tol tersebut. *No returns nothing for the depositor in KWSP*. Masalahnya ialah mereka tidak fikir semua ini. Yang Berhormat Pokok Sena ternanga.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit ya Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya menyeru kepada kawan-kawan di sebelah Barisan Nasional meniru atau mengikut jejak langkah Yang Berhormat Kota Belud untuk membaca dan berusaha mengkaji isi kandungannya sebab Buku Jingga itu sebenarnya amat sedikit apa yang dirancang. Jika tidak ada kita minta kebenaran Dewan untuk kita edarkan kepada kawan-kawan di sebelah sana. Saya rasa ada satu langkah yang baik.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud kerana memberi publisiti dan meneliti apa yang terkandung dalam buku ini. Cuma apa yang saya hendak katakan begini tidak sekadar untuk memberi penjelasan ataupun memberi penerangan sahaja. Buku Jingga ini lebih kepada untuk melihat kita ada satu rangkaian untuk diberitahu kepada rakyat bahawa akhirnya ada satu kajian terperinci akan dibuat. Berbanding dengan ETP yang dikeluarkan. Okey Yang Berhormat tahu tidak *colour ETP colour* apa? *Colour* buku ETP *colour* apa?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak ingat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *See? Colour* merah yang kerajaan buat itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Saya katakan tadi mahu retorik politik.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kita menggalakkan semua orang ingat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Shah Alam saya mahu beri tetapi kalau saya diberi masa. Saya ada banyak *point* sebab *you can rebut me on your time* nanti.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kota Belud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Pokok Sena sedikit sahaja tetapi jangan retorik politik. Kita serius.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Okey baik. Terima kasih. Saya pun macam Yang Berhormat Indera Mahkota hendak ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Kota Belud mewakili BN hari ini beri pengakuan kepada semua bahawa kalau mereka terus memerintah gaji tidak naik, tol tidak hapus, maknanya baguslah. Maknanya tidak mampu hendak memerintah. Jika hendak bayar gaji kami tidak mampu memerintah. Jika hendak tambah naik gaji RM500 kami tidak mampu hendak memerintah. Hendak hapuskan tol kami tidak mampu hendak memerintah. Jadi itulah mesej yang diberikan oleh Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat Rembau katakan tadi pencarum KWSP, takkan KWSP melabur dalam tol sahaja? Apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, ya.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukan saya tidak mahu berbahas tetapi saya rasa Yang Berhormat Shah Alam mempunyai peluang nanti dan juga Yang Berhormat Indera Mahkota. Namun kalau saya tidak sempat nanti, tidak ada *point* hendak *direbut* oleh Yang Berhormat Shah Alam. Jadi oleh sebab keterbatasan masa ini biar saya panjangkan dahulu cerita saya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam duduk dahulu.

■1640

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya mahu bercakap satu sahajalah. Sebaik-baiknya, buat debat. Ini yang kita cadangkan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau betullah...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini debatlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Segala fakta.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini debatlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Menyebelahi pihak kerajaan Barisan Nasional, terima sahaja cabaran untuk berdebat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan retoriklah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Biar satu negara dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya telah berjanji saya tidak mahu retorik. Akan tetapi perdebatan di dalam Dewan yang mulia yang paling tertinggi ini dikatakan bukan perdebatan, saya tidak tahu. *I raised my case*. Ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Debat di antara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Pemimpin-pemimpin utama.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapalah. Debatlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *On TV, live*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey itu satu, tol *buy out* sebentar tadi. Saya katakan sebentar tadi bahawa RM50 bilion itu adalah *offer* yang paling *attractive* sekarang ini daripada Asas Serba. Ya, minta maaf. Itu yang saya ingat, RM50 bilion. Ada juga yang mengatakan boleh RM100 bilion. Akan tetapi tidak mengapa kita ambil *conservative figure* RM50 bilion. Itu perbelanjaan ya yang terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Selepas itu dia janjikan lagi *free wifi* ke seluruh negara. Kita telah buat sedikit sebanyak dan kita tahu kosnya. Kita telah buat satu kajian yang terperinci dan saya boleh masukkan ini nanti dalam blog saya. Kajian terperinci mengenai kos untuk *roll out broadband* wifi ini ke seluruh negara. Ia bukan sedikit. Jumlahnya ialah RM1.2 bilion, okey. Sebanyak RM1.2 bilion yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat akan dibelanjakan dalam masa 100 hari, okey.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, janji lagi kepada Sabah, Sarawak, Terengganu, dan Kelantan. Saya dan Tuan Yang di-Pertua orang Sabah. Kalau dinaikkan royalti minyak daripada 5% kepada 20%, saya sokong. *[Tepuk]*

Tidak ada seorang Sabah pun yang tidak boleh menyokong. Ini perkara yang bagus. Akan tetapi walau bagaimanapun masalahnya Ketua Pembangkang ini selalu cakap tidak serupa bikin.

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya. Saya mahu beri contoh, RMKe-9 negeri Sabah mendapat RM23 bilion. Ini tidak termasuk *emolument* dan benda-benda yang lain. Ini pembangunan sahaja RM23 bilion. Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, jangan setengah masak. Ya, ini retorik. Saya tanya kepada tuan-tuanlah, dijanjikan 20%, *well and good*. Akan tetapi apakah dia janji jaminan Pakatan Rakyat jika pada waktu itu Yang Berhormat Permatang Pauh mengatakan;

"Eh! Hang telah dapat banyak RM125 bilion RMKe-11 ini kita potong pembangunan".

Apa dia janji? Eh! Saya beritahu pengalaman saya. Pengalaman kita dengan Yang Berhormat Permatang Pauh ini dia cakap tidak serupa bikin. Saya mahu beritahu...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: RMKe-11 itu bila?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau saya mahu beritahu kepada tuan-tuan, salah satu janji yang paling besar Yang Berhormat Permatang Pauh kepada rakyat negeri Sabah ialah untuk menjadikan seorang daripada Sabah dan Sarawak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ada dalam ini? Ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada.

Seorang Ahli: Pembohong.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Maknanya membohongi sayalah itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya bukan janjilah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Oleh sebab itu, saya katakan tadi...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau janji...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau dia naikkan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Masuk dalam Buku Jingga.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau dia naikkan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak mengapalah Yang Berhormat Ampang. Kalau saya beri...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kota Belud ini kalau cakap seolah-olah Yang Berhormat Permatang Pauh itu yang *run the government and the BN alone. That is how you saying.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Are you saying to me* Yang Berhormat Ampang?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *How...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *This is...*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Sorry.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini bukan janji Pakatan Rakyat. Ini janji *election*. Jadi, saya katakan sebentar tadi itu. Jangan salahkan orang Sabah kalau menolak Pakatan Rakyat atau KEADILAN. Ini kerana banyak kali janji yang diberi tidak ditepati, bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada pemimpin Pakatan Rakyat di negeri Sabah sendiri. Itu tidak mengapalah. Saya tidak mahu masuk dalam politik. Jadi, jumlah yang akan dikeluarkan untuk menampung janji 20% ini ialah RM12.5 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah buat kira-kira Tuan Yang di-Pertua sebab oleh sebab Buku Jingga ini tidak menunjukkan unjuran bajet mereka, maka saya gunakan defisit jumlah yang digunakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang turut disebutkan oleh Perdana Menteri dalam bajetnya. Maka pada tahun ini tahun pertama ialah 5.4% daripada GDP iaitu RM39 bilion *projected budget deficit*. Apabila kita campurkan semua ini RM93.9 bilion untuk *top-up household income* sebentar tadi, *civil service allowance* cikgu tadi itu sebanyak RM24 bilion walaupun mungkin menjangkau RM7.2 bilion jika diasah oleh pegawai-pegawai kakitangan kerajaan yang lain dengan tol *buy out* sebanyak RM50 bilion dengan *free wifi* RM1.2 bilion, *all royalties* RM12.5 bilion kita dapati jumlah defisitnya kan menjangkau RM199 bilion atau RM27.54 daripada GDP. Ini tahun yang pertama, okeylah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tahun yang kedua *there is one off*. Tol telah dibayar dan semuanya. Maka, kita projek dalam defisit bajet *percentage* daripada GDP ialah 18% dan hutang kerajaan dibandingkan dengan GDP akan meningkat daripada RM617.1 bilion pada tahun pertama Pakatan Rakyat memerintah

kepada 101.3% daripada GDP pada tahun kedua yang akan mengakibatkan secara rasminya kerajaan Malaysia muflis pada tahun kedua Pakatan Rakyat menerajui Putrajaya. Ini realiti ekonomi yang tidak...

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berdasarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, yang tidak berdasarkan kepada fakta ekonomi. Saya, ini ekonomikah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, okey. Saya tidak berapa pandai sangat tentang ekonomi ini Yang Berhormat Kota Belud. Saya mahu minta cadangan. Apabila kerajaan telah muflis sudah dia minta siapa *bailout*? Siapa yang datang... *[Ketawa]* Untuk bantu. Ini kerana saya tidak berapa pasti. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apabila kerajaan ini telah muflis...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh tolong jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia minta siapa?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh tolong jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tidak pasti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh tolong jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tidak belajar benda ini di University of Oxford dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud, boleh tolong jawab.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya berterima kasih. Satu soalan yang begitu penting kerana setelah Kerajaan Malaysia ini muflis pada tahun yang kedua Pakatan Rakyat memerintah Putrajaya maka datanglah si mamat *white* IMF datang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *World Bank* datang untuk memberi bantuan dan seterusnya menjajah...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Seperti BN datang...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ekonomi politik negara ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kedah hanya gerak selepas tiga bulan bankrap.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kelantan tidak bankrap pun...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berdasarkan apa yang ditanggung selepas tiga bulan..

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Seperti BN datang, Kedah hanya gerak selepas tiga bulan bankrap.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kelantan tidak bankrap pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kelantan 21 tahun tidak bankrap pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak lari...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini ekonomi Yang Berhormat Kota Belud, *economy is about the numbers*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Daripada fakta yang diberikan oleh Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kelantan 21 tahun tidak bankrap.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak sentuh mana-mana unjuran atau jumlah yang diberikan oleh Yang Berhormat Rembau, Labuan, Ranau ataupun Limbang. Tidak! Saya gunakan fakta yang diberi oleh Pakatan Rakyat di dalam Buku Jingga.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Selangor beri macam-macam pada rakyat tiga tahun tidak bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penang beri macam-macam kepada rakyat tidak bankrap. Tiga tahun.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak perlu retorik politik...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita jawab secara ekonomi, ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya!

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu sebabnya saya katakan tadi saya janji untuk tidak...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini *about numbers*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak bankrap pun!

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Menggunakan pendekatan politik.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: 21 tahun Kelantan memerintah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak bankrap pun!

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, ya saya tahu.

Beri saya masa sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini *economy about numbers*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak mengapa. Sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bagaimana undi 92 boleh anjak jadi 290 di Kubang Pasu - PKR. Saya boleh terangkan mereka buat itu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ia yang seperti Yang Berhormat Machang duduk itu. *[Ketawa]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey Tuan Yang di-Pertua,

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia boleh anjakkan itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya cuma mahu beritahu lagi untuk kita berlaku adil saya baca jugalah. Akan tetapi saya kecewa kerana statistik yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat di dalam ini adalah statistik yang terpilih.

Akan tetapi itu tidak mengapalah. Ia seperti kawan saya katakan tadi daripada Indera Mahkota. Okey, Yang Berhormat Indera Mahkota *you want to highlight the bad things about the government but* saya mahu beritahu, kadar kemiskinan tahun 1970 di Malaysia 49.3%. Sekarang berapa? Sebanyak 3.8% Tuan Yang di-Pertua. Kadar kemiskinan bumiputera 64.8% pada tahun 1970 sekarang 5.1%. ada dalam Buku Jingga? Ia tidak ada. Ranking daya saing Malaysia yang ke-10 tidak disebut di sini. *Life expectancy* atau jangka umur 53.9 tahun pada tahun 1960 dan sekarang ini 74.4 tahun. Ada banyak lagi statistik yang lain yang boleh kita kemukakan. Cuma saya mahu beri sentuh sedikit tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Satu atau dua perkara. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat gangguan tadi. Tentang satu isu yang dikatakan iaitu meletakkan pelantikan Peguam Negara, *Auditor General* dan SPRM di bawah Parlimen. Ia dari segi dasarnya memang cantik. Akan tetapi di dalam - Saya mahu beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, dikatakan di sini mereka mahu supaya mewajibkan pelantikan jawatan-jawatan seperti Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Pesuruhjaya Suruhanjaya Rasuah, dan Ketua Audit Negara mendapat kelulusan Parlimen.

■1650

Bagus, tetapi saya hendak tanya kepada Pakatan Rakyat bagaimana pula kuasa Yang di-Pertuan Agong kerana di dalam perlembagaan kita Peguam Negara, Ketua Audit Negara, Ketua Polis Negara di bawah peruntukan perundangan semuanya diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam ini tidak menunjukkan bahawa keputusan Parlimen itu akan dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang di-Pertuan Agong tempat yang tertinggi dalam Parlimen ini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, tidak.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apalah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu sebabnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You have to be clear.*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Parlimen itu tiga. Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis masa Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tak akan Ahli Parlimen tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi Ahli Parlimen berapa penggal sudah!

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi Parlimen ini Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara, Dewan rakyat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kubang Kerian, Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis masa Yang Berhormat. Hendak bagi?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan Parlimen itu ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Apa lagi hendak dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, kalau begitu jangan dimasukkan kerana inilah yang berlaku sekarang.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kita sudah ada Parlimen.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau institusi Parlimen disentuh di sini adalah Yang di-Pertuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan rakyat, Dewan Negara...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini *black magic*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak perlu dimasukkan kerana itulah yang berlaku sekarang ini. Jadi dalam sini ada beberapa kekeliruan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekarang tidak bawa ke Dewan rakyat...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau dikatakan bahawa mereka ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekarang tidak bawa ke Dewan Rakyat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dilantik oleh Parlimen saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua *let's be realistic* lah. Kalau Pakatan Rakyat memerintah nanti akhirnya nanti dalam politik Malaysia ini kita banyak kepada politik kepartian. Ini yang dianjurkan. Saya boleh *betting* jaminlah dengan kawan-kawan daripada parti pembangkang...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini orang UMNO suka sangat berjudi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau berada di sini nanti mereka tidak akan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak judi juga. Orang UMNO ini kaki judilah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini masalahnya kalau saya bercakap...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bukan kaki judi, taik judi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tak mahu dengar. Saya minta maaf. Dengarlah dahulu. Yang Berhormat Shah Alam. Ini masalahnya Yang Berhormat Shah Alam ini. Masalah Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak payah *betting*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Masalah Yang Berhormat ingat Yang Berhormat sahaja yang tahu semua. Itu sebabnya pengundi di Kerdu dan Merlimau tolak. *[Ketawa]* Itu sebabnya.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tak payah *betting* lah bagi sahaja kepada kami, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita tengok.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jadi saya sentuh Sabah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, ini bahas Titah Diraja kah titah Buku Jingga? *[Ketawa]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey. Saya cuma hendak katakan Buku Jingga ini percubaan yang baik tetapi akhirnya ianya menjurus kepada satu manifesto politik. Siapa dia yang hendak digula-gulakan oleh Pakatan Rakyat. Kita pun faham. Guru, FELDA, Sabah dan Sarawak...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Belud boleh saya tanya satu. Saya hendak tanya kementerian mana yang hendak jawab ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kota Melaka...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Perbahasan ini Menteri mana yang akan jawab? *[Ketawa]* Bahas dengan panjang lebar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya hendak minta tanya kementerian mana yang akan jawab? Menteri mana yang akan jawab?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya berucap Yang Berhormat Kota Melaka untuk...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kementerian Buku Jingga kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau saya hendak dapat persetujuan Yang Berhormat Kota Melaka melangkau, *freezes over* dahulu. Saya bertujuan bercakap ini untuk rakyat supaya mereka faham bahawa dalam Buku Jingga ini tidak lebih daripada manifesto politik Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tambah satu lagi kementerian Buku Jingga,

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau saya hendak tunggu Yang Berhormat Shah Alam bersetuju dengan saya *until hell freezes over* dengan izin kan? Jadi itu bukan tujuan saya. Tujuan saya ialah untuk memberitahu dalam masa dua tahun Pakatan Rakyat menerajui Putrajaya jangan tunggu 2019 yang dikatakan oleh Idris Jala, dua tahun lingkup negara ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: 21 tahun sudah Kelantan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini janji 2008 pun sampai hari ini tidak ada apa.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, supaya menerima cadangan saya ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: 21 tahun sudah Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat saya ada nota untuk memanggil Yang Berhormat Tawau.

4.53 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang bagi saya untuk berucap menjunjung kasih atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingin menyentuh beberapa isu yang penting rakyat terutama sekali yang berkaitan perlindungan hak-hak rakyat jelata dengan kementerian berkaitan khususnya di negeri Sabah dan kawasan Tawau.

Perkara yang pertama Kementerian Dalam Negeri berkaitan kedaulatan Malaysia atas Sabah. Rakyat Malaysia di Sabah berhak mengetahui identiti sebenarnya Datuk Muhammad Azian Ali Muhammad yang secara telah isytiharkan dirinya sebagai Sultan Sulu ke-33 yang memerintah pada 2 Februari 2011. Beliau angkat sumpah pada satu upacara tertutup di Kampung Likas disaksikan oleh sekumpulan 60 orang dari wilayah Sulu Filipina Selatan lengkap dengan seorang Perdana Menteri Kerajaan dalam pengasingan atau *government in exile* yang telah diumumkan secara meluas di Sabah bahawa beliau juga berharap orang-orang berketurunan Sulu berjanji setia kepada beliau dan bukan kepada Yang di-Pertuan Agong Malaysia, bukan kepada Perlembagaan Malaysia dan bukan kepada Tuan Yang Terutama Sabah.

Apakah pesanan yang dihantar kepada negara kita, rakyat kita sebab ianya tentulah ada satu penghinaan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong semua sultan dan juga TYT Sabah. Kejadian ini adalah satu cabaran secara langsung terhadap kedaulatan Malaysia atau Sabah terutama sekali kerana Datuk Muhammad Azian Ali Muhammad adalah seorang rakyat Malaysia berasal dari negara Filipina. Adalah dilaporkan bahawa dan beberapa orang ahli UMNO telah ditahan bawah ISA pada tahun 1995 dan 1996 kerana terbabit dalam aktiviti membuat kad-kad pengenalan palsu.

Oleh kerana perkara ini menimbulkan implikasi yang serius terhadap kedaulatan dan keselamatan negara kita terutamanya sekali untuk Sabah ingin saya bertanya seperti berikut:-

- (i) apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pelanggaran kedaulatan Malaysia yang begitu menjolok itu supaya memberi amaran keras demi mencegah kejadian tersebut berlaku lagi; dan

- (ii) apakah keputusan penyiasatan-penyiasatan pihak berkuasa dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Muhammad Azian Ali Muhammad; dan
- (iii) apakah tindakan yang akan diambil terhadap Muhammad oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Presiden UMNO kerana Muhammad Azian Ali Muhammad dilaporkan sebagai seorang ahli aktif UMNO dan juga pertubuhan kebajikan Islam Sabah serta Pertubuhan Dakwah Malaysia.

Ini adalah satu lagi antara banyak kejadian yang disebabkan wujudnya rakyat yang diragui atau *dubious reason* yang berasal dari negara-negara jiran kita yang mungkin telah menjadi rakyat melalui jalan-jalan yang diragui. Ini sekali lagi memberi fokus kepada implikasi serius masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah selama 40 tahun yang lepas yang memberi kesan terhadap politik, sosioekonomi, bahaya kesihatan, ancaman keselamatan dan selalunya membahayakan kedaulatan negara kita.

Ini bukan lagi masalah Sabah sahaja tetapi ini sudah menjadi masalah seluruh Malaysia dan kewujudan dan masalah PATI telah timbul di masyarakat Semenanjung Malaysia juga. Kami di Sabah berasa malu kerana laporan jenayah-jenayah yang dilakukan di Semenanjung Malaysia kononnya oleh orang-orang Sabah ini. Kami dari parti SAPP telah berulang kali bertanya mengapa *population* atau populasi Sabah telah meningkat begitu cepat dan kadar penumbuhan populasi Sabah sebanyak 10% setahun lebih daripada kadar pertumbuhan nasional iaitu lebih kurang 5% setahun sahaja. Akan tetapi kementerian telah gagal memberi sebarang penjelasan yang memuaskan terhadap statistik berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, PATI adalah semata-mata punca kesemua ancaman kepada masyarakat Malaysia kita dan kami sekali lagi mendesak kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja atau Royal Commission Of Enquiry (RCI) untuk isu PATI yang sudah lama tertangguh. Jika kerajaan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Tawau...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Jika kerajaan boleh dapat menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk kes Teoh Beng Hock mengapa kerajaan tidak dapat...

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit Yang Berhormat Tawau. Sedikit sahaja, boleh? Terima kasih.

Yang Berhormat Tawau menyebut tentang masalah PATI di Sabah ya. Tadi saya hendak sentuh apa yang Yang Berhormat Kota Belud tadi berucap. Dalam Buku Jingga di antara janjinya satu adalah untuk menyelesaikan masalah PATI yang sangat menghuru-harakan negeri Sabah. Itu satu cadangan yang baik dalam Buku Jingga yang patut ditiru dan dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya bersetuju. *That's why I'm here to give the two sides of the stories.* Jika kerajaan dapat menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk kes Teoh Beng Hock, mengapa kerajaan tidak dapat pula menubuhkan sebuah suruhanjaya penyiasatan Diraja untuk isu PATI di Sabah agar dapat memberi penjelasan berhubung lebih kurang tiga juta orang rakyat kononnya di Sabah. Memandangkan kerajaan tidak mengendahkan keluhan rakyat tulen, Parti SAPP telah melancarkan Kempen Tanda Tangan atau *Signature Campaign* untuk mendesak pihak kerajaan agar mempercepatkan menubuhkan RCI itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua Kementerian Tenaga, Teknologi, Hijau dan Air. Penolakan Loji Janakuasa Arang Batu 300mgwt di Sinakut, Lahad Datu oleh Perdana Menteri diperlihatkan sebagai satu kemenangan kuasa rakyat di mana kredit diberi kepada usaha-usaha *green surf*, NGO dan rakyat Sabah yang telah memperjuangkan dengan segala jalan walaupun menteri yang tegas dan kementerian berkaitan sudah berkali-kali cuba melemahkan semangat mereka. Apabila saya membangkitkan perkara ini dalam Parlimen pada tahun 2009 dan 2010 berkaitan tentang penolakan pembinaan loji Janakuasa Arang Batu itu, saya telah bertanya sama ada Perdana Menteri telah disalah nasihati oleh pihak-pihak yang berkuasa yang mengatakan loji janakuasa arang batu itu merupakan punca *viable* yang tunggal sahaja untuk kawasan Pantai Timur Sabah, *the only viable source of energy for Sabah*. Kini sekali lagi dibuktikan bahawa kebimbangan rakyat untuk alam sekitar dan tanah air mereka bukan hanya satu isu politik sahaja, tetapi satu isu yang sebenarnya, *the real issue for everybody* ini Sabah.

Sudah banyak kali saya sebutkan agenda tersembunyi di belakang pembinaan loji janakuasa itu. Hakikatnya, menteri telah sekali lagi telah membuat pengumuman dalam lawatan ke Sabah pada Januari 2011 bahawa Kerajaan Persekutuan akan berterusan dengan pelan itu, dengan kelulusan Kerajaan Sabah. Walaupun laporan DEIA atau *Detail Environment Impact Assessment* kepada Kementerian Alam Sekitar telah ditolak pada 2010. Akhirnya, pelan tersebut telah ditolak pada Februari 2011. Ingin saya mendesak Menteri dan kementerian supaya memberi penjelasan kepada rakyat Sabah berkenaan apa yang sebenarnya berlaku kerana begitu banyak masa dan usaha telah dibazirkan selama tiga tahun yang lalu dalam perbincangan dan perlawanan terhadap isu itu yang membawa penderitaan yang berterusan kepada rakyat Sabah khususnya Tawau.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Minta laluan Yang Berhormat Tawau. Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Saya juga mendesak Menteri supaya memberi penjelasan berhubung pembinaan punca...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Minta laluan Yang Berhormat Tawau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tenaga alternatif untuk kawasan Pantai Timur Sabah iaitu sebuah loji janakuasa L&G seperti mana diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tunggu saya habiskan dahulu. Oleh kerana keperluan loji janakuasa ini sudah tertunggak selama tiga tahun dan sudah mendesak. Bilakah dan di manakah akan dibina? Bilakah ia akan mula dipakai kerana rakyat di kawasan Pantai Timur Sabah masih mengalami gangguan bekalan elektrik secara berterusan.

Saya juga ingin mengetahui apakah rasional kerajaan dalam menghantar gas melalui paip dari Kimanis, Sabah sejauh 500 kilometer ke Bintulu kemudian L&G akan dihantar balik melalui paip dari Bintulu balik ke Sabah pula. Kami telah dijanji pada tahun 2008, bahawa gas dari Sabah akan digunakan secara tempatan dan hanya gas lebihan akan dihantar melalui paip ke Bintulu. Bukankah ia lebih murah sekarang jika kerajaan membina sebuah loji L&G di Kimanis, Sabah dan hasil juga produk-produk hiliran berbanding dengan membina paip-paip penghantaran sejauh lebih daripada 700

kilometer dari Bintulu balik ke Pantai Timur Sabah. Atau mungkin boleh mengguna gas dari Kimanis untuk membina loji janakuasa gas di Pantai Timur Sabah. Bukankah ia merupakan satu pembaziran dana awam dan wang bayaran-bayaran cukai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya mendesak menteri dan kementerian agar dapat memberi peruntukan bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan atau R&D bagi klon baru pisang sekaki dengan menaiktarafkan produktiviti dan meningkatkan rintangannya kepada penyakit-penyakit. Tuan Yang di-Pertua, pisang sekaki hanya boleh didapati di Tawau, di seluruh Malaysia. Banyak industri kecil atau *cottage industries* telah ditubuhkan untuk memproses produk makanan hiliran dan mempunyai permintaan tinggi di Semenanjung Malaysia dan jiran Indonesia. Malangnya, pokok pisang sekaki itu mudah dijangkiti penyakit dan ini menghalang petani-petani daripada menanam pokok pisang sekaki secara besar-besaran untuk pengeluaran hasil bagi industri kecil. Ini adalah harapan petani-petani Tawau. Banyak tanaman tunai yang lain sedang menghadapi bekalan lebih kerana tiada loji-loji memproses di Tawau.

Saya jika ingat saya juga ingin mendesak kementerian agar dapat membantu Kerajaan Sabah menubuhkan kilang mengetin di Sabah kerana kami mempunyai tanah yang luas untuk menanam pokok-pokok buah-buahan tetapi kami menghadapi masalah tidak ada kemudahan sokongan untuk memproses atau menghasilkan hasil buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dunia menghadapi bencana semula jadi yang semakin bertambah yang menyebabkan kekurangan makanan dan menaikkan harga makanan, saya ingin tahu sama ada kementerian mempunyai sebarang dasar berkaitan keselamatan dan kecukupan makanan dengan pengeluar harga makanan memandangkan perubahan-perubahan dinamik terutama sekali untuk Sabah, negeri yang termiskin di Malaysia.

Saya juga ingin mendesak kementerian agar mendapat menyediakan klon baru bibit buah-buahan yang diperbaiki yang berproduktiviti tinggi dan mempunyai rintangan tinggi terhadap serangan penyakit dengan teknologi cara-caranya untuk petani-petani di Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Tawau atau TKPM. TKPM telah dibangunkan di Batu 15 Jalan Apas di bawah Koridor Pembangunan Sabah atau *Sabah Development Corridor* di Tawau dengan peruntukkan Persekutuan sebanyak RM12 juta. Atas tanah pertanian Kerajaan Sabah seluas 97.2 hektar, petani-petani sini menyewa tiga hektar

tanah setiap orang untuk menjalankan penanaman bersepadu sayur-sayuran, nanas, pisang, betik, jagung dan tembikai.

■1710

Oleh sebab tidak ada keluaran baru bibit buah-buahan dan sayur-sayuran yang diperbaiki teknologi cara-caranya dan pengairan disediakan di bawah skim ini, petani-petani terpaksa beli apa juga benih atau bibit yang didapati di pasaran tempatan. Mereka juga bergantung pada cara-cara penanaman konvensional. Ini akan menyebabkan tujuan skim ini akan gagal dicapai di bawah *Sabah Development Corridor*.

Oleh sebab begitu banyak peruntukan telah disediakan, rakyat tahu Tawau akan mengharapkan penanaman pertanian bercorak teknologi tinggi dengan maklumat bibit hasil tinggi yang percuma dan baja bersubsidi untuk penanaman pertama supaya nilai dan output yang tinggi. Dan, kementerian ada selaras dengan Program Transformasi Kerajaan demi mencapai produktiviti sumber makanan yang tinggi dan dengan itu, pendapatan tinggi bagi petani-petani dan pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sila jangan meminggirkan keperluan-keperluan mendesak sektor-sektor pertanian di Tawau.

Perkara keempat berkenaan Kementerian Pelajaran. Saya mendesak kementerian supaya memberi penjelasan dan mempercepatkan penyelesaian masalah dialami guru-guru dari Sabah. Guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang ditempatkan di Sabah dapat menikmati elaun maksimum sebanyak RM1,300 sebulan. Manakala guru-guru dari Sabah yang dihantar ke bandar-bandar lain terutama sekali sekolah-sekolah kawasan pedalaman di Sabah, tidak diberi sebarang elaun langsung. Ini adalah sangat kurang adil.

Kebanyakan guru-guru Sabah terpaksa menghadapi masalah kekurangan perumahan, infrastruktur yang kurang memuaskan seperti jalan-jalan dan bekalan elektrik serta air yang buruk sekali. Akan tetapi mereka tidak diberi pampasan atas pengorbanan mereka seperti yang diberikan kepada guru-guru dari Semenanjung Malaysia. Sudah terlalu lama ditunggu untuk kerajaan menyediakan layanan yang serba sama untuk guru-guru dari Sabah sahaja.

Saya juga mendesak kementerian melawat SK Kinabutan Besar yang sudah bersejarah 62 tahun. Sekolah itu adalah sekolah yang kedua tertua sekali di Tawau. Mengikut pengesahan Jabatan Kerja Raya, dua buah blok bangunan kayu yang sangat tua di sekolah itu tidak selamat bagi 721 orang murid sekolah itu. Jangan kita tunggu-

tunggu sehingga kemalangan atau kematian berlaku sebelum kita menyalahkan sesiapa pun. Sekolah itu juga memerlukan pagar sekolah mendesak untuk menjamin keselamatan murid-murid. Ini kerana ramai penagih dadah telah mencerobohi kawasan sekolah itu dan menggunakan bilik-bilik kelas yang tidak digunakan itu.

Sekolah itu memerlukan banyak infrastruktur asas tetapi rayuan berulang kali hanya jatuh pada telinga yang pekak sahaja. Terdapat banyak sekolah lain di Tawau yang juga menghadapi masalah sedemikian. Saya berharap kementerian akan mempercepatkan kelulusan langkah-langkah memperbaiki secepat mungkin supaya tidak meminggirkan keperluan-keperluan murid-murid sekolah di Tawau.

Perkara yang kelima. Jabatan Perdana Menteri berkaitan hak-hak adat orang *native* atau *Native Customary Rights* terutama sekali terhadap perkara tanah. Keputusan menang Mahkamah Tinggi Sabah berhubung dengan enam orang petani dari Kampung Imahit, Tenom, melawan hukuman-hukuman berkaitan dua tawaran pencerobohan dan penanaman di kawasan hutan rizab tanpa izin yang diputuskan mahkamah majistret dua tahun lalu itu, adalah satu bukti jelas bahawa hak-hak adat orang *native* Sabah adalah dilindungi.

Bukti-bukti yang asas tanah kubur yang dijumpai dekat tanah yang mana telah dipohon oleh pemohon-pemohon itu sudah menunjukkan bahawa tanah itu dimiliki dan dicucuk tanam oleh nenek moyang mereka sebelum hutan rizab ditawarkan lagi. Pokok-pokok buah-buahan dan tanam-tanaman lain yang ditanam di atas tanah itu juga menyediakan bukti wujudnya nenek moyang mereka. Saya berharap keputusan mahkamah tersebut akan menyediakan satu contoh baru – *a new precedent* berkaitan hak-hak adat orang *native* atas tanah adat akan dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan, Ordinan Tanah Sabah dan juga di bawah *common law* dan *judicial precedent*.

Saya mendesak Jabatan Perdana Menteri agar dapat menyemak semula banyak lagi kes orang *native* yang sedemikian itu di mana Jabatan Hutan Sabah telah menghalau ramai petani dan penanam kecil atas tanah-tanah hak adat orang *native* atau *NCR land*, membakar rumah-rumah mereka, menghapuskan dan meruntuhkan hasil-hasil tanaman dan komoditi...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh menceleh?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Dan sebilangannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Hingga berdarah seperti mana yang sudah banyak kali dibangkitkan oleh saya sebelum ini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Mangsa sebilangan kes adalah orang-orang Iban dari Kampung Landau, Morotai yang sendirinya telah datang ke Parlimen untuk menyerahkan rayuan dengan tangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebilangan orang Iban itu telah berkhidmat sebagai tentera atau meninjau sempadan atau *border scout* yang mempertahankan negara kita di bawah pemerintahan Kerajaan British dan Malaysia. Dengan bukti wujudnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tawau hendak bagi jalan?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tidak.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sabah punya itu.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Dengan bukti wujudnya rumah-rumah panjang, tanah kubur dan pokok-pokok buah-buahan yang sangat tua, kini dihalau keluar dari tanah mereka. Hak-hak adat orang *native* itu yang mereka sudah memohon banyak kali sebelum ini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini ucapan yang Ketua Pembangkang buat untuk Yang Berhormatkah?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Walaupun mereka berkorban...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ucapan ini Yang Berhormat...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Untuk mempertahankan negara ini, mereka langsung tidak diberi perlindungan di bawah hak-hak adat orang *native*. Banyak kes lain yang diberikan fokus. Pendedahan adalah didapati di Serudung Laut, Bukit Tajam, Kampung Pas, Indrasi dan juga di banyak tempat lain di Sabah. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan dapat mempercepatkan urusan berhubung hak-hak adat orang *native* di Sabah di bawah NCR dan membawa keadilan kepada orang-orang *native* di Sabah.

Perkara keenam berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri dan kementerian kerana memberitahu saya tentang pembangunan bekalan elektrik dan air di bawah desa atau

pedalaman sekitar Tawau. Saya berharap kementerian yang lain dapat membuat sedemikian juga dengan memberi peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan Ahli-ahli Parlimen bukan Barisan Nasional juga oleh kerana pembangunan adalah kepentingan rakyat dan tidak patut dipolitikkan sahaja.

Saya mendesak kementerian menyemak semula keperluan-keperluan bekalan elektrik yang mendesak bagi lebih kurang 20 buah keluarga di Serudung Baru yang telah memohon banyak kali tanpa kejayaan. Saya juga mendesak kementerian agar dapat mempercepatkan penyaluran bekalan air kepada 50 buah keluarga di Kampung Queen Hill.

■1720

Oleh kerana begitu banyak penegasan telah diletakkan pada Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi untuk menjalankan Transformasi Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan pendapatan tinggi, saya berharap Tawau tidak disingkirkan sekali lagi dari keperluan-keperluan infrastruktur seperti jalan-jalan baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Bekalan elektrik dan air yang mencukupi, empangan air dan sistem pengairan yang penting dan sesuai. Jika tidak program-program transformasi itu hanya merupakan satu lagi agenda yang berat sebelah atau bercorak pilih kasih sahaja. Dengan itu sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

5.21 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Hari ini merupakan sidang pertama selepas Rancangan Malaysia Kesembilan yang berakhir pada tahun lalu 2010. Dewan telah dimaklumkan bahawa 66.2% prestasi perbelanjaan yang dicapai dari peruntukan berjumlah RM230 bilion pada tahun lalu. Hasilnya ekonomi Malaysia dikatakan kembali kukuh dengan catatan pertumbuhan pada kadar 7.2% pada tahun 2010. Puncanya dinisbahkan terhadap permintaan domestik dan prestasi eksport. Saya ingin mengambil perhatian Dewan untuk memberi perhatian

terhadap situasi defisit dalam belanjawan negara berikutan banyaknya perbelanjaan yang digunakan. Jumlah perbelanjaan negara meningkat lebih 300% berbanding dengan perbelanjaan yang digunakan pada tahun 1998 yang berjumlah RM68 bilion. Dengan iltizam untuk merealisasikan ekonomi, kerajaan perlu memberikan beberapa penjelasan yang lebih lanjut tentang konsolidasi fizikal khususnya berkaitan dengan cara pemberian subsidi yang menjadi persoalan ramai.

Sumber daripada FOMCA mengatakan inflasi di Malaysia sudah mencapai kadar 2.2% pada bulan Disember 2010 iaitu yang tertinggi dalam tempoh 19 bulan sehingga akhir tahun tersebut. Ini menjadikan kadar inflasi tahunan pada kadar yang agak tinggi. Meskipun ia boleh dikatakan rendah berbanding dengan beberapa negara seperti Thailand, Korea, Indonesia dan India, namun kita tidak membuat generalisasi bahawa realiti dan kompleksiti di negara-negara tersebut adalah tidak sama seperti kita. Kita tidak boleh membuat jawapan mudah bahawa ini adalah fenomena global kerana pelabur-pelabur telah menjangkakan inflasi terus berlaku dan kita juga akan melihat harga-harga hartanah dan juga harga-harga makanan akan melambung dan ini memberi kesan kepada rakyat Malaysia.

Penerangan dan perbahasan terhadap pelbagai media termasuk forum awam di seluruh negara dapat membantu rakyat menyertai dan memahami proses penting ini dan ini perlu kita lakukan. Dewasa ini juga kerajaan rancak menjalankan dasar ekonomi terbuka sambil ia boleh difahami. Dari perspektif ekonomi, saya ingin menegaskan betapa pentingnya memberi perhatian terhadap empat aspek yang dikategorikan lemah menurut Indeks Kebebasan Ekonomi 2011 bagi negara Malaysia yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Aspek yang pertama yang perlu kita perbaiki lagi ialah kebebasan pelaburan. Aspek kedua ialah mengenai kebebasan kewangan. Aspek yang ketiga yang kita juga masih belum mencapai ke tahap yang tinggi iaitu hak pemilikan dengan izin, *property rights* dan aspek yang keempat ialah kebebasan dari rasuah yang juga masih di tahap yang kita anggapkan sangat rendah. Jadi dengan ini perlulah kita mengambil kira tentang beberapa perkara yang telah dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Pertama, Laporan Daya Saing 2010 oleh *Institute of Management Development* yang menempatkan Malaysia di kedudukan kesepuluh dari 58 buah negara yang dilihat. Indeks Daya Saing Global keluaran *World Economic Forum* menunjukkan Malaysia jatuh dua tangga daripada kedudukan 24 kepada kedudukan 26. Dalam keterangannya

kejatuhan Malaysia banyak disumbangkan oleh kemerosotan kualiti institusi dan situasi selamat. Selain itu cadangan itu meningkatkan daya saing negara ditunjukkan pada peningkatan sistem pengajian tinggi dan penggunaan teknologi bagi menjana produktiviti. Tujuan saya membangkitkan isu-isu ini adalah kerana saya berpandangan bahawa kita mesti mengenal pasti apa sebab sebenarnya masalah ekonomi yang dihadapi itu dan apakah langkah-langkah yang perlu diberi keutamaan untuk memulihkannya. Saya bimbang dengan pengisytiharan umum tentang kedudukan negara dalam senario yang tertentu, kita mengabaikan petunjuk-petunjuk penting yang membinanya. Petunjuk-petunjuk ini tidak tunggal, mesti diteliti dan mengesan ruang penambahbaikan yang perlu diambil.

Jika kita meneliti Indeks Daya Saing Global 2010 dan 2011 yang diterbitkan oleh *World Economic Forum*, ia meliputi 139 negara dengan 12 ciri dan 10 sub-ciri yang diukur. Salah satu daripada ciri utama yang ditekankan ialah keutuhan institusi. Saya mengesan ramai yang mengambil mudah kepentingan keutuhan institusi. Saya mahu menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa ianya cukup penting dan merupakan jalan reformasi utama yang mesti diambil.

Persekitaran institusi dibentuk oleh kerangka undang-undang dan pentadbiran dengan pelbagai pihak individu, firma, kerajaan berinteraksi untuk menjana pendapatan dan kekayaan ekonomi. Kita harus sedar betapa ekonomi bukan sahaja persoalan membasmi kemiskinan dan juga menjana pertumbuhan semata-mata sebaliknya kejayaan ekonomi banyak melibatkan isu tingkah laku manusia. Oleh itu persekitaran institusi yang bebas dan kukuh sangat mempengaruhi kedudukan ekonomi terutama dalam tempoh krisis.

Defisit belanjawan yang berlaku di negara kita sedikit sebanyak menunjukkan kelemahan institusi yang terkait secara langsung dan tidak langsung dalam isu ekonomi. Kita juga mesti mengambil kira bukan sahaja angka-angka keluaran negara kasar tetapi juga pendapatan isi rumah yang lebih dekat dalam usaha menjelaskan kedudukan sebenar ekonomi rakyat. Kita harus ingat ketika negara berhadapan dengan krisis hubungan kaum pada 1969, garis kemiskinan pada waktu itu hanyalah sekitar RM200. Sementara garis kemiskinan kini telah melonjak lebih daripada 300% selepas 30 tahun peristiwa malang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh sambung esok. Kalau boleh habis dalam masa 15 minit.

■1730

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Dalam 15 minit saya habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, teruskan.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Kenyataan pengurangan mendadak. Rakyat yang dikategorikan sebagai miskin tegar daripada jumlah 44,000 ketua isi rumah kepada 100 yang dinyatakan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perlu diperjelaskan, kerana berapakah pendapatan yang diperoleh sebelum dan selepas? Apakah yang dilakukan untuk mencapai keadaan itu dalam tempoh setahun?

Ini satu kenyataan yang mengatakan 44,000 isi rumah daripada miskin telah dapat dilepaskan daripada kumpulan tersebut kepada 100. Dengan sasaran itu, lagi satu sasaran yang penting untuk saya nyatakan di sini ialah RM1.3 trilion pelaburan daripada 92% oleh sektor swasta dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara, ini adalah satu tumpuan kepada angka-angka besar dengan label dan slogan yang besar dan menarik, tetapi adakah perkara ini dapat diperjelaskan dengan terperinci?

Saya bimbang tumpuan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan tertumpu pada keluaran negara kasar tidak mengambil kira kesenggangan kaya miskin ataupun dengan izin, *Gini coefficient*. Pengabaian aspek ini boleh menggugat kestabilan hidup bermasyarakat apabila sumber modal mula berpusat kepada nisbah kecil manusia yang mengawal ratusan besar kek ekonomi.

Sidang Dewan yang dimulakan, hal ini merupakan kaitan rapat dengan persoalan daya saing yang lemah akibat pelaksanaan penswastaan. Kita ambil isu air di Selangor sebagai contoh. Akibat kegagalan pemimpin sebelum ini merekodkan pemilikan kerajaan, lemahnya perjanjian yang dibentuk, termasuk buruknya amalan perniagaan yang bersifat kroni. Rakyat dibebankan dengan kos yang tidak setimpal. Kegagalan penswastaan ini bukanlah baru berlaku, bahkan sudah menjadi bahan ramai bahawa ia lebih cenderung untuk menebalkan poket golongan elit yang terpilih berbanding dengan usaha sebenar menjayakan projek berkaitan.

Penswastaan di negara kita masih gagal untuk menghayati semangat sebenar dasar tersebut iaitu meningkatkan kelebihan persaingan - *competitive advantage* dan menambahkan kecekapan. Sayangnya ia sekarang merupakan lubuk ketirisan serta rasuah yang berlaku dan sekali gus mendorong terhadap kegagalan daya saing yang diharapkan. Terlanjur ini, saya juga ingin menyentuh tentang...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Saya dengar Yang Berhormat Bandar Tun Razak sebut mengenai korupsi dan juga ketirisan. Jadi pada tahun 2009 di Selangor, peruntukan untuk sekolah Tamil sebanyak RM3 juta, peruntukan-peruntukan untuk sekolah Cina dan juga sekolah agama rakyat diberi terus kepada sekolah-sekolah tersebut, padahal peruntukan untuk sekolah Tamil diberikan kepada beberapa NGO yang cukup rapat dengan Exco kerajaan tersebut.

Kemudian pada tahun berikutnya iaitu tahun lalu, juga diperuntukkan RM3 juta untuk sekolah Tamil dan duit yang diperuntukkan untuk sekolah Cina dan sekolah agama rakyat diberi terus kepada sekolah-sekolah, padahal sekolah Tamil ini sama diperuntukkan RM 2 juta untuk NGO. Kemudian daripada baki RM1 juta itu, RM800 ribu dibelanjakan dengan arahan Exco tersebut untuk membeli 240 komputer untuk RM800 ribu. Jadi apakah tindakan yang diambil, kerana dalam perbincangan dengan Penasihat Ekonomi Selangor menjanjikan bahawa tindakan tatatertib akan diambil terhadap Exco tersebut. Adakah ini dilaksanakan di Selangor?

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Wakil MIC itu.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih, saya terpaksa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak kira - minta maaf Yang Berhormat Bandar Tun Razak, saya tidak kira wakil parti mana. Kalau betul korupsi, kita hendak lawan, kena lawan. Tidak kira parti mana.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Buatlah laporan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Ketua Cabang PKR Puchong sudah buat laporan polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tentang kenyataan yang dibuat, satu

pembetulan. Kita bukan memberi RM3 juta tetapi kita memberi RM4 juta dan tidak pernah dalam sejarah Barisan Nasional memberi RM6 juta untuk sekolah agama rakyat, RM6 juta untuk sekolah Cina dan juga RM4 juta kepada sekolah India.

Masalah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai pengagihannya dan kita telah mengaudit tentang jumlah pengagihan. Walaupun kita perlu memperbaiki apa pengagihan itu supaya dapat terus kepada sekolah-sekolah, tetapi kita jelas yang boleh dipelajari oleh Kerajaan Persekutuan ialah tentang *value for money*. Maknanya apa yang kita bagi kepada sekolah-sekolah itu memberikan kita jumlah yang sepatutnya diberi.

Jadi kita boleh membincangkan perkara ini, tetapi yang paling penting ialah *value for money*. Maknanya setiap ringgit yang kita berikan sampai dan juga mendapat barangan yang sepatutnya. Bukan kalau kita bagi susu yang harganya RM2 dan kita nyatakan harga RM10 - bukan. Ini bukan dibuat di negeri Selangor.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Penjelasan sekali lagi Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sikit, sedikit lagi penjelasan.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Penjelasan? Okey.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Selepas menjadi Menteri Besar Selangor ini banyak sumbangan kepada rakyat, institusi dan sebagainya. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Kota Belud menyebutkan janji-janji Buku Jingga sebagai seorang yang arif dalam bidang ekonomi mengatakan negara akan bankrap dalam tempoh dua tahun, kalau Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Putrajaya kerana terlampau banyak sumbangan kepada rakyat ini, adakah daripada sudut perspektif ekonomi ini betul pandangan Yang Berhormat Kota Belud, mengatakan negara akan bankrap dan muflis dalam tempoh dua tahun? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih banyak. Saya ingin nyatakan di sini, sejak tahun 2008, rizab negeri Selangor bertambah. Juga tidak ada alasan yang kita boleh mengatakan dengan memberikan kebajikan yang lebih kepada rakyat, kita akan mendapat kerugian. Sebab jawapan kepada itu seperti yang diterangkan dalam Buku Jingga, kita mesti memberi subsidi kepada rakyat, bukan memberi subsidi kepada syarikat-syarikat untuk mengeluarkan tenaga yang akhirnya dengan harga yang subsidi, tetapi menjualkan kepada rakyat dengan harga pasaran. Itu yang tidak boleh dilakukan.

Jadi saya ada lima minit. Saya hanya nak menyatakan di sini bahawa Tuanku Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan sejumlah RM29 bilion pelaburan asing yang telah dapat diperoleh oleh Kerajaan Malaysia dan menunjukkan pembangunan ekonomi Malaysia.

■1740

Akan tetapi apabila kita teliti angka tersebut terdapat 50% daripada RM29 bilion ini dari dua negeri sahaja iaitu Selangor dan Penang. Jadi ini untuk pengetahuan Dewan dan juga dari RM18 bilion yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur dalam negara Malaysia, 25% daripada RM18 bilion datangnya dari negeri Selangor.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis masa Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit sahaja fasal pelaburan ini FDI. Saya tidak cerita fasal Buku Jingga, hendak tanya sedikit sahaja. Pakar ekonomi, yang dikatakan tadi pakar ekonomi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sewaktu saya berada di London bersama dengan Timbalan Perdana Menteri untuk...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini promosi *investment* negara ya. Tuan Yang di-Pertua apabila kita berjumpa dengan *captain of industry* ini, mereka tidak bertanya di mana negeri yang akan dilaburkan *investment* mereka. Apa yang mereka tanya ialah di mana infrastruktur yang terbaik dan kita katakan di Selangor, di Pulau Pinang. Akan tetapi itu bukan..., jangan ambil kredit, Yang Berhormat Bandar Tun Razak tidak buat pelabuhan, Yang Berhormat Bandar Tun Razak tidak buat jalan raya. Jadi jangan kelirukan. Okey *it goes to Selangor well and good* tetapi hendak kata ini adalah kerana Pakatan Rakyat, Oh! Itu sudah melencong jauh. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebut perkataan, maknanya untuk menerangkan fakta yang telah berlaku. Kedua saya juga hendak mengingatkan bahawa rancangan untuk meningkatkan prasarana di *Greater Kuala Lumpur* dan Lembah Klang juga perlu diambil perhatian dengan teliti sebab pengalaman kita walaupun terdapat pembangunan prasarana tetapi kos pembangunan itu sangat tinggi. Oleh sebab itu dalam ucapan Yang di-Pertuan Agong, dia ingin kita mendapatkan *value* yang terbaik.

Saya di Dewan ini ingin menyatakan walaupun Kerajaan Negeri Selangor menyokong tentang usaha ini, Kerajaan Negeri Selangor ingin menegaskan bahawa setiap perbelanjaan dalam pembangunan ini mesti dipantau dengan teliti supaya tidak ada ketirisan yang menyebabkan rakyat akhirnya terpaksa membayar. Mengikut kiraan kita, rakyat membayar dua kali ganda dari harga yang sepatutnya yang boleh dilakukan.

Saya juga ingin mencadangkan tentang tumpuan kepada sektor pendidikan yang telah disebut baru-baru ini. Juga mengambil kira tentang saluran kita untuk membangunkan ekonomi ini kerana kita dapati ada diberikan peluang untuk rakyat Malaysia yang luar negara untuk balik ke Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena habiskan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Satu ayat. Jadi saya hendak menegaskan di sini kita dapati program-program itu tidak jelas dan juga dapat menghasilkan satu perkara yang akan menyukarkan kita apabila mereka merasakan kedatangan mereka tidak mempunyai pekerjaan yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 10 Mac 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.